

**KONSEP KEUNTUNGAN DALAM SYIRKAH AL-*INAN* DARI
PERSPEKTIF EKONOMI ISLAM:
KAJIAN DI BANK RAKYAT
IPOH, PERAK**

BAKHTIAR HANAFIAH

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**KONSEP KEUNTUNGAN *SYIRKAH AL-INAN* DARI
PERSPEKTIF EKONOMI ISLAM: KAJIAN DI BANK
RAKYAT IPOH, PERAK**

BAKHTIAR HANAFIAH

**DISERTASI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH
(SECARA PENYELIDIKAN)**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

ABSTRAK

Disertasi ini adalah merupakan sebuah kajian terhadap “Konsep Keuntungan Dalam *Syirkah Al-`Inān* Menurut Perspektif Ekonomi Islam. Kajian di Bank Rakyat Ipoh Perak”. Penyelidik menggunakan metode dokumentasi iaitu al-Qur`ān, dibantu dengan hadith dan pendapat para ulama yang telah termaktub dalam kitab-kitab yang muktabar serta kajian para pemikir Islam masakini. Melalui penyelidikan ini, Penyelidik berupaya menyingkap konsep keuntungan dalam *syirkah al-`Inān* dari perspektif ekonomi Islam. Penyelidik mendapati bahawa *Musyārahah* atau *Syirkah* ialah merupakan bentuk kerjasama antara dua orang atau lebih untuk melakukan sesuatu perniagaan atau usaha yang motifnya ialah untuk memperolehi keuntungan. *Musyārahah* tersebut merupakan salah satu instrumen perniagaan yang ditawarkan oleh Bank Rakyat di Malaysia. Justeru kajian ini akan mengupas isu-isu berkaitan dengan *syirkah al-`inān* dari segi hukum hakam dan aplikasinya khususnya di Bank Rakyat dan merumuskan sama ada konsep yang digunapakai di Bank Rakyat tersebut mengikut hukum hakam Islam atau tidak. Kalau ditinjau kepada pendapat ulama mazhab, maka kita dapati ada dua konsep utama dalam pembahagian keuntungan. Pertama, menurut pendapat ulama dalam mazhab Syafi`ī, pembahagian keuntungan mesti berdasarkan kepada nisbah modal yang dimasukkan oleh rakan kongsi. Kedua, konsep pembahagian keuntungan ialah berdasarkan kepada persetujuan awal di antara kedua-dua belah pihak tanpa merujuk kepada nisbah modal yang dimasukkan. Pendapat kedua ini berlandaskan kepada ulama dalam mazhab Hanāfi. Hasil dari penelitian yang dilakukan, didapati bahawa di Bank Rakyat, telah mengaplikasikan konsep perbankan Islam yang menepati kehendak syariah terutama dalam masalah pembahagian keuntungan dalam produk *musyārahah*, dengan demikian, persoalan pembahagian keuntungan menjadi sangat penting kerana disamping sebagai tolok ukur berjaya atau tidaknya sesuatu kerjasama (*syirkah*),

keuntungan juga merupakan pencapaian bagi pihak-pihak yang bersyarikat. Maka ketentuan yang jelas berkenaan dengan pembahagian keuntungan secara hukum khususnya hukum Islam perlu jawapan yang jelas dan pasti. Penyelidikan ini diharapkan dapat menjadi suatu panduan yang berguna bagi masyarakat.

ABSTRACT

The dissertation is about the study on the concept “profit in *syirkah al-inan* from the Islam Economic System Perspective.” In order to achieve the above objectives the Writer has adopted the following methodology in his study: Gathering data/information from a number of libraries and institutions; Field study by studying data from Bank Rakyat to enhance the information needed. In addition the Writer uses the interview method. The interview method was used to conduct interview with the respondent who are directly involved with the topic of the study example the Manager and the Syariah executive in the aforesaid bank; and Relied on the Quran, Hadiths the opinion of the Ulama whose opinion have been deeply engraved in the famous books and the study made by the current Islamic thinkers. Based on this study, the Writer was able to comprehend the concept of profit in *syirkah al-Inan* from the Islam economic perspective. The Writer found out, *musyarakah* or *syirkah* is a form of cooperation between two people or more to undertake a business or activity which is motivated by profit. *Musyarakah* is an instrument offered by Bank Rakyat. Therefore this study will expound issues involving *syirkah al-inan* from the Islamic legal point of view and its application particularly in Bank Rakyat and to conclude whether the concept used by it is in accordance to Islamic Syariah or not. If we observed from the school of thoughts opinion we found there are two main concepts in the distribution of profit. Based on the Shafie’s school of thought, the distribution of profit is based on the ratio of capital which has been injected by the partners. The second concept of distribution of profit is based on what was agreed earlier without referring to the capital ratio which was injected. The second concept is based on the school of thought of Imam Hanafi. Based on the observation made, it is found, Bank Rakyat have applied the concept of Islamic Banking which is Syariah compliant particularly on the issue of distribution of profit on

their *musyarakah* product. Therefore the issue of distribution of profit is critical not only an index to determine whether the partnership is successful or not but also as a measurement that targeted profit for the company has been achieved. Therefore the model used in the distribution of profit based on Syariah requires a clear and unfailing response. The Writer hope's this study shall be a useful guide to the society.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ
سَلَكَ طَرِيقَهُمْ فِي الْعِلْمِ وَالْعَمَلِ وَالِدَعْوَةِ إِلَى اللَّهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ أَمَا
بَعْدُ

Syukur Alhamdulillah penulis ucapkan kepada Allah swt yang telah memberi nikmat,taufiq serta inayahNya kepada penulis sehingga penulis dapat menyelesaikan disertasi ini . Selanjutnya Selawat dan Salam penulis ucapkan kepada junjungan alam, nabi besar Muhammad saw yang telah membawa umat manusia dari alam kegelapan iaitu alam kesesatan menuju ke alam yang penuh dengan petunjuk

Penulisan disertasi ini adalah merupakan tugas untuk memenuhi dan sekaligus melengkapi syarat-syarat dalam mencapai gelaran Sarjana dalam ilmu Syariah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Dalam penulisan disertasi ini penulis menyedari dengan sepenuh hati bahawa di sana masih banyak terdapat kesalahan mahupun kekurangan, baik dari segi isi mahupun darisegi bahasanya. Oleh sebab itu penulis sangat mengharapkan kritik dan saran yang membina dari semua pihak demi kesempurnaan penulisan nantinya. Dalam hal ini penulis juga banyak menemui kesulitan disebabkan penulis merasa masih kurang pengetahuan dan pengalaman dalam pelbagai ilmu, khususnya dalam penulisan disertasi ini. Oleh kerana itulah dalam kesempatan ini penulis menyampaikan ucapan terima

kasih yang tak terhingga kepada Prof. Dr. Hj Joni Tamkin bin Borhan sebagai Penyelia disertasi penulis, beliau juga sebagai Ketua Jabatan Syariah dan Ekonomi kerana beliau telah banyak membimbing penulis dalam mengadakan kajian dan penulisan disertasi ini, semoga tunjuk ajar yang telah diberikan akan menjadi amal saleh yang akan mendapat balasan pahala dari Allah swt. Demikian juga ucapan terima kasih kepada Ustaz Azizi Che Seman yang telah banyak membantu dan membimbing penulis di awal penulisan disertasi ini.

Ucapan terima kasih juga penulis sampaikan kepada. Dr. Hjh Patmawati binti Ibrahim dan Dr. Asmak binti Ab. Rahman yang telah banyak memberi kata-kata nasihat dan dorongan serta sokongan, semoga segala jasa baik beliau akan dibalas berkali ganda pahala oleh yang Allah yang Maha Kuasa. Seterusnya ucapan terimakasih khasnya untuk Cik Shila, Puan Zainon serta semua staf di Ijazah Tinggi APIUM, segala jasanya yang banyak dan tulus kepada penulis tidak dapat dibalas kecuali oleh Yang Maha Kuasa.

Dan seterusnya penulis mengucapkan terima kasih yang sedalam-dalamnya kepada al-marhum Ayah dan Bunda yang tercinta, Kakak dan Abang serta seluruh keluarga yang telah banyak berkorban untuk membesarkan dan mendidik serta membantu penulis selama ini, semoga apa yang diharapkan dari penulis agar menjadi insan yang mulia dan berbakti kepadanya akan tercapai dengan sempurna. Penulis ucapkan terima kasih khususnya kepada isteri dan anak-anak tersayang yang telah banyak bersabar dan menyokong penulis.

Ucapan terima kasih juga penulis ucapkan khususnya kepada sahabat-sahabat penulis, iaitu Tgk Abd Rahman, Tgk Hery Mufti, Tgk Muhammad Samad, Saiful Bahri

dan kepada semua sahabat yang telah banyak membantu penulis dalam menyelesaikan disertasi ini.

Akhirnya penulis mengharapkan supaya disertasi ini dapat berguna kepada penulis dan kepada pembaca, Semoga Allah SWT meridhainya. Amin Ya Rabbal Alamin.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Bakhtiar bin Hanafiah.
apangeh@yahoo.com

DAFTAR ISI

Halaman Pengesahan.....	ii
Abstrak	iii
Abstract	v
Penghargaan.....	vi
Daftar Isi.....	vii
Transliterasi.....	x
Vokal	xi
Singkatan.....	xii
BAB SATU : PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar belakang kajian.....	1
1.3 Persoalan kajian.....	7
1.4 Objektif kajian.....	7
1.5 Kepentingan kajian.....	8
1.6 Skop Kajian.....	9
1.7 Latar belakang Bank Rakyat Cawangan Ipoh Perak	11
1.8 Definisi Tajuk.....	12
1.9 Kajian Lepas.....	13
1.10 Metodologi Kajian	24
1.11 Pengumpulan Data	25
1.11.1 Kajian Perpustakaan	25
1.11.2 Kajian Lapangan.....	26
1.12 Sistematika Kajian	29

BAB DUA : KONSEP <i>AL-MUSYĀRAKAH</i>	31
2.1 Makna <i>Syirkah</i> dan Dasar Hukumnya.....	31
2.1. 1 Makna <i>Syirkah</i>	31
2.1.2 Asas Hukum <i>Syirkah</i>	35
2.1.3 Al-Qurān.....	35
2.1.4 al-Sunnah.....	38
2.1.5 Ijma' Ulama.....	43
2.2 Syarat dan Rukun <i>Syirkah</i>	44
2.2.1 Syarat <i>Syirkah</i>	44
2.2.2 Rukun <i>Syirkah</i>	44
2.3 Pembahagian <i>Syirkah</i>	46
2.4 Kesimpulan.....	49
BAB TIGA : KETENTUAN-KETENTUAN HUKUM DALAM	
<i>SYIRKAH AL-'INĀN</i>	50
3.1 Maksud <i>syirkah al-'inān</i> dan dasar hukumnya	50
3.1.1 Pengertian <i>syirkah al-'inān</i>	50
3.1.2 Dasar Hukum <i>Syirkah al-'Inān</i>	53
3.2 Pendapat Ulama Tentang Kebolehan <i>Syirkah al-'Inān</i> ...	56
3.3 Konsep Untung Dalam Perniagaan.....	59
3.4 Untung Menurut Perspektif Islam	61
3.5 Pendapat Ulama tentang Pembahagian Laba (keuntungan) dalam <i>syirkah al-'inān</i>	64
3.6 Pembatalan Akad <i>Syirkah</i>	73
3.7 Kesimpulan.....	74

BAB IV : ANALISA APLIKASI SYIRKAH AL-*INĀN* DI BANK

RAKYAT IPOH.....	75
4.1 Sejarah Penubuhan Bank Rakyat	75
4.2 Sejarah Penubuhan Sistem Perbankan Syariah Bank Rakyat	78
4.3 Tugas Dan Tanggungjawab Jawatankuasa Syariah....	81
4.4 Konsep Sistem Perbankan Bank Rakyat.....	83
4.5 Perkhidmatan Perbankan Syariah yang ditawarkan di Bank Rakyat.....	85
4.5.1.Perkhidmatan pelaburan <i>al-Mudārabah</i>	84
4.5 .2. Perkhidmatan <i>al-Musyārah</i>	86
4.6 Bentuk-bentuk Usaha <i>al-Musyārah</i> Di Bank Rakyat	86
4. 7 Jadual : Senarai Produk Perbankan Islam Di Bank Rakyat	88
4.7 Syarat-syarat Menjadi Rakan Kongsi (<i>Musyārik</i>).....	88
4.8 Prosedur-Prosedur Dalam Menawarkan Pembiayaan Projek Pada Bank Rakyat Cawangan Ipoh Perak	90
4.9 Jadual : Laporan Kewangan Lima Tahun Bank Rakyat.....	94
4.10 Syarat - Syarat Menjadi Rakan Kongsi (<i>Musyārik</i>) di Bank Rakyat ...	96
4.11 Konsep Pembahagian Keuntungan Di Bank Rakyat Ipoh	97
4.12 Kesesuaian Pendapat Ulama Dalam Pembahagian Keuntungan Di Bank Rakyat	101
4.12.1 Analisa Dari Sudut Dalil	107
4.12.2 Analisis Dari Sudut Relevan Masa Kini	111
4.13 Kesimpulan.....	112

BAB V : KESIMPULAN DAN SARANAN.....	114
5.1 Kesimpulan.....	114
5.2 Saranan-Saranan.....	116

BIBLIOGRAFI

Lampiran

TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Rumi
ء, ا, إ	a, (Hamzah)
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	h
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sy
ص	ş
ض	d
ط	t
ظ	z
ع	‘
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ن	N
و	W
ه	H
ي	Y
ة	H

Vokal

Vokal Pendek	Tansliterasi	Contoh	Tansliterasi
َ (Fathah)	A	قَاتَا	qanata
ِ (Kasrah)	I	سَلِمَ	salima
ُ (Dammah)	U	دُخِلَ	dukhila

Vokal Panjang	Tansliterasi	Contoh	Tansliterasi
آ	Ā	قَالَ	Qala

و	Ū	يُوجَدُ	Yujadu
ى	ī	رَبِّي	Rabbi

Diftong

Diftong	Tansliterasi	Contoh	Tansliterasi
وَا	Aw	قَوْمٌ	Qawm
يَا	Ay	لِكَيْلًا	Likaila
وِ	Uww	قُوَّةٌ	Quwwah
يَ	iy/ ī	عَجْمِيَّ	Ajamiy/ī

Pengecualian;

Perkataan-perkataan Arab yang telah dimelayukan tidak ditransliterasikan seperti syarak, syariat, fuqaha, imam, ulama, iman. Ejaan ini berdasarkan ejaan Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (1991)

SINGKATAN

R.a	= Radiallahu ‘anhu
S.a.w	= Sallallahu ‘alaihiwassalam
Swt	= Subhanahuwata‘ala
Hr	= Hadith riwayat
h	= Halaman (muka surat)
Terj	= Terjemah
t.t	= Tanpa Tahun
jil	= Jilid
Juz	= Juzuk
BIMB	= Bank Islam Malaysia Berhad
SKI	= Sistem Kewangan Islam
SPI	= Sistem Perbankan Islam
KFHMB	= Kuwait Finance House Malaysia Berhad

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Islam adalah agama wahyu yang merupakan sumber dan pedoman tingkah laku bagi manusia yang dirisalahkan sejak manusia pertama, iaitu Nabi Adam A.S dan disempurnakan melalui Nabi-Nabi Allah sampai kepada Nabi terakhir Muhammad SAW. Tingkah laku ekonomi merupakan bahagian dari tingkah laku manusia. Oleh itu, ilmu dan aktiviti ekonomi haruslah berada dalam Islam. Keunikan pendekatan Islam terletak pada sistem nilai yang mewarnai tingkah laku ekonomi. Ilmu ekonomi merupakan bahagian dari ilmu agama Islam. Kerana itu, ekonomi tidak mungkin dapat dipisahkan dari konsep al-Qur'an dan Hadith Nabi Muhammad SAW. Dengan demikian, ilmu ekonomi harus berasaskan iman sebagaimana firman Allah SWT yang ertinya:

”Celakalah (siksalah) untuk orang-orang yang menipu. Apabila mereka menimbang dari manusia untuk dirinya, mereka sempurnakan (penuhi). Dan, bila mereka menimbang untuk orang lain, mereka kurangkan. Tiadakah mereka menyangka bahawa mereka akan dibangkitkan? Pada hari yang besar (kiamat)? iaitu pada hari manusia berdiri menghadap Tuhan semesta alam.” (Al-Muṭaffifīn 1-6)

1.2 Latar Belakang Kajian

Islam adalah sebuah agama yang mementingkan keadilan, kebajikan dan tidak menindaskan umatnya, jadi sudah pasti segala sistemnya tidak akan menzalimi sesiapa, sama ada dari sistem ekonomi, sosial, politik dan sebagainya. Semuanya berlandaskan prinsip-prinsip syariah serta selaras dengan kehendak al-Qur`ān dan sunnah.

Secara amnya, Islam mencakupi tiga skop muamalat manusia yang utama iaitu hubungan dengan Tuhannya, dengan dirinya sendiri dan dengan masyarakat. Alangkah indahnyanya bagi mereka yang dapat menghayati dan mengamalkan sistem Islam yang *syumūl* (menyeluruh) sifatnya. Mana tidaknya, daripada sekecil-kecil perkara sehinggalah sebesar-besarnya termaktub dalam ajaran Islam. Ini sudah cukup menggambarkan bahawa Islam adalah lengkap dan sempurna.

Dikatakan lengkap kerana Islam mengatur seluruh aspek kehidupan manusia demi kebahagiaan dan kemaslahatan hidupnya di dunia dan akhirat. Sedangkan dikatakan sempurna kerana Islam telah diturunkan secara lengkap kepada umat manusia iaitu al-Qur'ān sebagai pedoman hidup. Bahkan Islam merupakan agama yang bukan hanya mengurus masalah ibadat sahaja demi kepentingan akhirat semata-mata. Namun juga, mengatur masalah duniawi manusia termasuk bidang muamalat.

Kajian dibidang muamalat berkait rapat dengan hak milik harta dan *tasarruf* ertinya transaksi yang menyebabkan akibat hukum. Muamalat juga telah menjadi disiplin fiqh tersendiri yang dikenali dengan istilah *fiqh al-mu`amalah*. Dalam fiqh tersebut diatur berbagai-bagai akad di antaranya: akad jual beli, akad sewa, akad tanggungan, akad *wakālah*, dan termasuk di dalamnya akad *syirkah*.

Islam memiliki sistem ekonomi yang berbeza dari sistem-sistem yang sedang berjalan. Ianya memiliki asas dalam *syari`ah* yang membentuk pandangan dunia sekaligus sasaran-sasaran dan *maqāṣid al-syar'iyah* yang jauh berbeza dari sistem-sistem sekuler yang sedang menguasai dunia saat ini. Sasaran yang dikehendaki Islam ialah bukanlah keuntungan semata-mata bahkan Islam mengatur bermacam-macam konsep yang semuanya bertujuan untuk kebahagiaan manusia serta kehidupan yang lebih

baik, oleh kerana demikian, Islam sangat menekankan aspek *ukhuwwah* (persaudaraan), keadilan sosioekonomi, dan memenuhi keperluan-keperluan spritual manusia.¹

Untuk mewujudkan kesejahteraan bagi seluruh umat manusia, diperlukan sebuah bentuk *syirkah* yang diertikan sebagai kerja sama oleh pihak yang mempunyai kekurangan modal dengan pihak lain yang mempunyai kepakaran atau peluang usaha dengan memperhatikan prinsip saling memerlukan, saling memperkuat dan saling menguntungkan. Maksud tersirat dari *syirkah* kalau di tinjau dari tujuan makna *syirkah* itu sendiri adalah agar kesempatan usaha yang ada dapat dimanfaatkan oleh seseorang yang kekurangan modal tetapi mempunyai kemahuan dan kepakaran dalam berniaga untuk bersama-sama dengan pengusaha yang telah diakui keberadaannya. Pada dasarnya *syirkah* secara alamiah akan mencapai tujuannya jika kaedah saling memperkuat dan saling menguntungkan dapat dipertahan dan dijadikan komitmen dasar yang kuat di antara para rakan kongsi.²

Implementasi *syirkah* yang berjaya harus tertumpu kepada persaingan sihat dan mencegah terjadinya penyalahgunaan posisi dominan dalam perkongsian untuk menghindari persaingan yang tidak baik. Pola yang dijalankan dalam konsep *syirkah* harus dilandasi dengan prinsip-prinsip *partisipatif* (saling berperan) dan *kolaboratif* (saling bekerja sama bergabung menjadi satu) yang melibatkan semua pihak yang berkenaan dalam *syirkah* yang dijalankan, di samping itu juga, harus memiliki pengurusan yang sempurna.

1 Chapra M. Umer (1985) *Towards A Just Monetary System*, London UK: The Islamic Foundation. H.7

2 *Ibid.* H. 16-17

Islam tidak menolak setiap kerjasama yang memungkinkan terbentuknya organisasi bisnis yang menguntungkan. Sesungguhnya salah satu tujuan dasar Islam adalah menggunakan semua sumber dan kekuatan Negara dalam memproduksi kekayaan serta untuk mempersiapkan tenaga kerja dan modal yang dapat digunakan untuk kepentingan masyarakat. Semua bentuk organisasi muamalat seperti perniagaan, pendidikan, transportasi, pembangunan dan masih banyak lagi yang di wujudkan oleh umat untuk melangsungkan perekonomian saat itu. Semua ini dan ribuan lebih organisasi bisnis dapat dibentuk berdasarkan prinsip-prinsip yang sama untuk pembangunan ekonomi umat dan untuk memenuhi tuntutan zaman moden pada saat ini.

Kerjasama untuk saling memperoleh keuntungan, apabila sesuai dengan etika bisnis dalam Islam, maka hal tersebut dibolehkan bahkan sangat dianjurkan. Keterlibatan muslim dalam bisnis telah berlangsung empat belas abad yang lalu. Namun, pada saat ini orang muslim sedang menghadapi suatu masalah yang sangat dilematis, meskipun bergiat aktif dalam dunia perniagaan tetapi dalam pikiran mereka juga ada semacam ketidakpastian, apakah amalan-amalan mereka benar-benar menurut pandangan Islam.? Yang menjadi masalah iaitu bentuk-bentuk baru, institusi, metode atau teknik-teknik perniagaan yang dulunya belum pernah ada, telah menyebabkan timbul keraguan tersebut, sehingga dalam beberapa kes, mereka tetap mengikuti sistem tersebut dengan perasaan bersalah kerana mereka tidak menemukan jalan keluar.³

Semua bentuk perkongsian perniagaan yang didalamnya dua orang atau lebih bekerjasama dalam modal, kerja, kepakaran dan niat baik untuk menjalankan sesuatu perniagaan, para fuqaha mengkategorikan dalam bentuk *mudārabah* ataupun *musyārahah*. Perbezaan antara keduanya terletak pada tekniknya sahaja, *mudārabah* hanya salah seorang mengeluarkan modal dan pihak lain bekerja sahaja, adapun

3 Ahmad Mustaq, (2005), *Etika Bisnis Dalam Islam*. Jakarta: Pustaka al-Kautsar. H. 1

musyārahah, kedua-dua rakan kongsi sama-sama memasukkan modal dan sama-sama bekerja dalam perniagaan tersebut. Dalam literatur fiqh, para fuqaha menerangkan tentang *mudārabah* dan *musyārahah* sebagai perjanjian atas dasar ‘*uqud al-amānah*’ (saling percaya) ketelusan dan kejujuran mempunyai peranan sentral dalam terlaksananya kerja sama tersebut. Para rakan kongsi harus benar-benar dapat dipercaya agar dapat saling menguntungkan dan setiap upaya untuk melakukan kecurangan dan pembahagian keuntungan yang tidak jujur harus didasari sebagai pelanggaran kepada ajaran-ajaran Islam.

Sebagaimana dalam hadith Qudsi Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ يَقُولُ

أَنَا ثَالِثُ الشَّارِكَيْنِ : مَا لَمْ يَخُنْ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ فَإِذَا

خَانَهُ خَرَجْتُ مِنْ بَيْنِهِمَا (رواه أبو داود)

Ertinya: *Dari Abū Hurairah R.a. berkata Rasulullah SAW sesungguhnya Allah berfirman “Aku adalah pihak ketiga dari dua orang yang berkongsi selama salah seorang dari mereka tidak mengkhianati kawan yang lain. Jika mengkhianati maka Aku keluar dari kedua-duanya. (Hadith riwayat Abū Dawūd).⁴*

Dari hadith di atas, dapat dikatakan bahawa *syirkah* iaitu sebuah akad yang sangat disukai agama untuk dilaksanakan dan mempunyai landasan hukum yang kuat. Namun dalam pelaksanaan *syirkah*, konsep keadilan dan sikap untuk tidak mengkhianati rakan kongsi adalah amat penting. Dalam hal ini, isu yang biasanya timbul adalah dari aspek pembahagian keuntungan perkongsian tersebut.

Oleh demikian, penulis tertarik untuk mengkaji dan meneliti konsep pembahagian keuntungan dalam *syirkah al-inān* menurut pandangan dari beberapa

4 Abū Dawūd, (t.t) *Sunan Abū Dawūd*, kitāb al-Buyū’ wa al-Ijārāt, Bab *al-Syirkah*, jil. 3, no.hadith 3383, Beirut: Dār al-Fikr, H. 256. lihat juga ‘Abd Allah bin ‘Umar al-Baidāwī, (t.t) *al-Ghāyah al-Quswa fī dirāyah al-Fatwā*, ‘Ali Muhyi al-Dīn ‘Alī al-Qurrah Daghi. Saudi: Dār al-Islāh, H. 537

pendapat ulama muktabar seperti pendapat imam Syāfi'ī dan imam Hanāfi serta pendapat-pendapat ulama dari mazhab yang lain. Seterusnya, penulis meneliti bagaimana pelaksanaannya di Bank Rakyat khususnya Bank Rakyat di Ipoh Perak, adakah menepati konsep perbankan yang dianjurkan oleh Islam atau tidak. khususnya dalam produk *syirkah*. Semoga dengan kajian ini sedikit sebanyak dapat memberi pengetahuan berguna kepada masyarakat.

1.1. Hikmah dan kelebihan pengharusan *Syirkah al-`Inān*

- a. Semua ulama mazhab sepakat dalam membolehkan *Syirkah al-`Inān*,⁵ berbanding dengan *syirkah-syirkah* yang lain.
- b. Memberi kemudahan dalam menjalankan sesuatu pekerjaan terutama pekerjaan yang tidak dapat dijalankan secara perseorangan.
- c. Untuk menguatkan perhubungan di antara satu dengan yang lain.
- d. Menggalakkan anggota masyarakat supaya hidup bersatu dan bekerjasama di antara satu dengan yang lain.⁶

1.2. Budi pekerti dalam perkongsian⁷

- a. Semua pihak yang berkenaan hendaklah menjalankan semua urusan dengan jujur dan amanah.
- b. Masing-masing hendaklah bertanggungjawab dalam menjayakan perjalanan syarikat.
- c. Masing-masing hendaklah berusaha memaju dan meninggikan perjalanan syarikat.
- d. Jika terdapat sesuatu kekusutan hendaklah segera diselesaikan dengan baik.

5 Taqiu al-Dīn Abū Bakr ibn Muhammad al-husainī, (1978), *Kifāyat al-akhyar*, Beirut: Dār al-Fikr, H. 209

6 Mustafā al-khunna, (t.t), *al-Fiqh al-Manhajī*, jilid III, Beirut: Dār al-Syamiyyah, H. 192

7 Ahmad Mustaq, (2005), *op. cit.*

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini akan cuba menjawab soalan kajian berikut:

1. Apakah konsep memperolehi keuntungan dalam *syirkah al-`inān* menurut ekonomi Islam ?
2. Apakah pendapat para ulama dalam mazhab Hanāfi dan mazhab Syafi'i serta pendapat fuqaha-fuqaha dalam mazhab lain tentang hukum memperolehi keuntungan dalam *syirkah al-`inān* ?
3. Apakah alasan Imam Syafi'i dan Imam Abū Hanīfah serta alasan para ulama yang lain sebagai dasar hukum memperolehi keuntungan dalam *syirkah al-`inān*?
4. Yang manakah di antara teori fiqh tersebut yang lebih sesuai diamalkan dengan amalan ekonomi Islam semasa khususnya di Malaysia ?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi mencapai tujuan dan objektif berikut :

1. Mengkaji apakah konsep memperolehi keuntungan dalam *syirkah al-inān* menurut ekonomi Islam.
2. Mengkaji pendapat fuqaha terdahulu khususnya para ulama Hanafi dan Syafi'i dan amnya pendapat para ulama yang ada dalam mazhab yang lain selain kedua-dua mereka tersebut tentang hukum memperolehi keuntungan dalam *syirkah al-`inān*.
3. Mengenal pasti pendapat yang manakah di antara mereka yang lebih sesuai diamalkan dengan amalan ekonomi Islam semasa khususnya di Malaysia.

4. Menganalisa pengamalan akad *syirkah al-inān* di Bank Rakyat di Ipoh Perak khususnya terhadap pembahagian keuntungan dalam konteks *syirkah al-`inān*.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting kerana konsep keuntungan dalam *syirkah al-`inān* walaupun ianya telah di praktikkan di dunia Islam tetapi masyarakat Islam kurang pengetahuan mengenai konsep dan cara pelaksanaannya, oleh itu penulis merasa bertanggung jawab untuk memberi maklumat-maklumat berkaitan dengan *syirkah al-`inān* kepada masyarakat Islam melalui penulisan ini. Penulis merasakan kajian ini penting kerana penulis memaparkan tentang beberapa perkara di antaranya seperti berikut:

- 1.5.1 Analisis pandangan para fuqaha tentang konsep ‘*akad syirkah* khususnya *syirkah al-`inān*
- 1.5.2 Menganalisa aplikasi pembahagian keuntungan dalam *syirkah al-`inān* di Bank Rakyat di Ipoh Perak, sama ada selari dengan syariah atau tidak.

Kajian ini diharapkan dapat membantu masyarakat mengetahui kewujudannya dan mengetahui tentang fungsi hukum, pelaksanaan dan manfaat serta memilihnya sebagai satu prinsip perkongsian dalam amalan muamalat seharian.

Di samping itu melalui kajian ini pula Penulis berharap dan menjangkakan bahawa hasil kajian yang diperolehi daripada penyelidikan yang dilakukan ini seperti berikut:

- a. Mewujudkan kefahaman yang mendalam terhadap sistem perbankan Islam terutamanya berkaitan dengan *musyārahah* yang ditawarkan oleh institusi kewangan di Malaysia.
- b. Membolehkan penyelidikan berterusan dalam bidang perbankan Islam dalam usaha mewujudkan sistem *mu'amalah* Islam secara menyeluruh di Malaysia di masa yang akan datang.
- c. Menambah koleksi bahan rujukan yang bermanfaat di perpustakaan Akademi Pengajian Islam dan perpustakaan utama Universiti Malaya.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini akan ditumpukan kepada pelaksanaan prinsip-prinsip *musyārahah* khususnya *syirkah al-'inān* sebagai prinsip syariah yang diamalkan di Bank Rakyat, kemudian penulis memfokuskan kepada sistem perbankan Islam di Malaysia, khususnya tentang pelaksanaannya di Bank Rakyat Cawangan Ipoh Perak. Penulis mengkaji juga tentang amalan akad *syirkah* dalam muamalat Islam yang ditawarkan oleh pihak bank berdasarkan dalil-dalil yang dikemukakan para ulama mazhab Syafi'i dan Hanāfi. Penulis memfokuskan pendapat ulama Syafi'iyah dan Hanafiyah kerana di Malaysia kebanyakan masyarakat Malaysia memilih mazhab Syafi'i baik dalam ibadah mahupun dalam muamalat namun demikian sebahagian rakyat Malaysia ada yang mengikuti mazhab Hanāfi terutama masyarakat India Muslim yang ada di Malaysia.⁸ Mereka dari kalangan India Muslim tersebut ada diantara mereka yang menjadi pelanggan dan berurusan dengan Bank Rakyat⁹. Seterusnya Penulis menyertakan pendapat-pendapat fuqaha dari mazhab-mazhab yang lain bagi menyokong

8 <http://www.indiamuslim.com.my/> 12 Oktober 2013

9 Temubual dengan Rizal bin Radzi. Penolong Pengurus Bahagian Operasi Bank Rakyat Cawangan Ipoh. Ditemubual pada 18 ogos 2012. Di Bank Rakyat Cawangan Ipoh, Perak.

pendapat mereka berdua dan penulis memaparkan juga pandangan daripada para cendikiawan Islam masa kini.

Walau bagaimanapun, sasaran utama penelitian akan dijalankan pada Bank Rakyat cawangan Ipoh yang ditempatkan di bangunan kedai yang beralamat di No.61 & 63, Lengkok Kledang Raya Taman Kledang Jaya 30100, Ipoh, Perak Darul Ridzuan yang beroperasi sejak tarikh 28 September 1993.

Pada dasarnya semua cawangan Bank Rakyat di Malaysia mengamalkan konsep dan produk yang sama kerana semua cawangan mesti mengikuti apa yang diarahkan dan ditetapkan oleh Bank Rakyat Pusat, namun demikian Bank Rakyat cawangan Ipoh Perak ini dipilih sebagai tempat penelitian kerana ianya merupakan salah satu diantara Bank Rakyat yang memenuhi tahap tinggi dalam produk *musyarakah* iaitu dalam produk pembiayaan dan ianya juga diantara cawangan yang paling pesat perkembangannya berbanding dengan cawangan yang lain¹⁰. Disamping itu Bank Rakyat di cawangan Ipoh Perak ini dipilih juga kerana pelanggannya bukan dari kalangan masyarakat Islam sahaja, bahkan masyarakat yang bukan beragama Islam turut menjadi ahli Bank Rakyat tersebut. Lebih tujuh puluh peratus ahlinya memilih skim simpanan *al-mudārabah*.¹¹ Kepadatan penduduk, kepelbagaian taraf sosio-ekonomi dan kepelbagaian budaya etnik serta Kedudukan bank berada di daerah masyarakat majemuk kerana kawasan Kledang Jaya dihuni oleh tiga kelompok masyarakat iaitu Melayu, China dan India yang ketiga-tiga kelompok tersebut

10 Temubual dengan Rizal bin Razi, *Ibid*.

11 Info: www.bankrakyat.com.my/cawangan ipoh 05 Disember 2013

kebanyakan menjadi ahli kepada Bank Rakyat itu¹² turut menjadi sebab pemilihan Bank Rakyat cawangan Ipoh ini dipilih sebagai tempat penelitian.

1.7 Latar Belakang Bank Rakyat Cawangan Ipoh Perak.

Bank Rakyat cawangan Ipoh ditempatkan di bangunan kedai yang beralamat di No.61 & 63, Lengkok Kledang Raya Taman Kledang Jaya 30100, Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Bank Rakyat cawangan ini mula beroperasi pada 28 September 1993.


Pengurus pertama Bank Rakyat cawangan ini ialah Puan Nurlehan binti Mohd. Saad, pada mula-mula bank ini beroperasi, hanya 10 orang pekerja sahaja yang ditugaskan kemudian Bank Rakyat cawangan Ipoh ini berkembang pesat, ini disebabkan promosi dan penerangan yang dirancang rapi oleh Pentadbir Bank Rakyat sehingga pelanggan yang menjadi ahli di Bank Rakyat Cawangan Ipoh ini bukan sahaja dari masyarakat Islam bahkan masyarakat yang bukan beragama Islam turut menjadi ahli Bank Rakyat dan pada tahun 2004 dan 2005 bank ini dianugerahkan oleh Bank Rakyat Pusat sebagai cawangan terbaik dalam Pengeluaran Pembiayaan.¹³ dan yang terkini pada tahun 2010 dan 2012 juga mendapat anugerah sebagai cawangan Bank Rakyat terbaik dalam pembiayaan dari Bank Rakyat Pusat serta Anugerah Kecemerlangan Perbankan Islam iaitu *Best Islamic Retail Provider* dari Jabatan Perdana Menteri.¹⁴

¹² [www.bankrakyat.com.my/cawangan ipoh](http://www.bankrakyat.com.my/cawangan_ipoh) 2 mei 2005

¹³ Temubual dengan Rizal bin Radzi. *Op.cit.*

¹⁴ Temubual dengan Rizal Bin Radzi Penolong Pengurus Bank Rakyat Cawangan Ipoh, pada 16 Januari 2014.

Carta Organaisasi Bank Rakyat Cawangan Jelapang Ipoh, Perak.



Sumber: Fail Bank Rakyat Cawangan Jelapang Ipoh, Perak

1.8 Definisi Tajuk

Tajuk kajian ini berbunyi Konsep Keuntungan Dalam *Syirkah al-‘Inan* Dari Perspektif Ekonomi Islam: Satu Kajian di Bank Rakyat Di Ipoh, Perak.

Berikut adalah definisi beberapa perkataan utama yang sesuai dengan konteks kajian :

Konsep: Istilah konsep di dalam konteks kajian ini ialah tatacara atau panduan yang dirujuk oleh sebuah institusi. Maksudnya dalam kajian ini Bank Rakyat berpandu kepada konsep *syirkah al-‘inān* dalam pembahagian keuntungan antara kedua-dua pihak yang berkongsi.

Untung: Istilah untung atau keuntungan ialah hasil dari sesuatu usaha atau perniagaan, keuntungan merupakan tujuan atau keinginan semua orang yang mengusaha sesuatu perniagaan.

Syirkah al-‘Inān: Istilah bahasa arab ini maksudnya ialah *syirkah al-‘inān* adalah transaksi dua orang atau lebih yang berkongsi dalam hal permodalan untuk melakukan usaha atau perniagaan dengan pembahagian hasil dari perniagaan tersebut termasuk dalam hal untung dan rugi.

Perspektif : Istilah perspektif dalam kajian ini ialah pandangan atau panduan.

Ekonomi Islam : Istilah ekonomi Islam maksudnya ialah perniagaan yang berlandaskan muamalat secara hukum syariah Islam.

1.9 Kajian Lepas

Terdapat beberapa kitab/buku dan kajian yang lepas yang ditulis oleh beberapa penulis dan penyelidik yang berkaitan dengan *musyārah* atau *syirkah* samada dalam bentuk karya klasik mahupun kontemporari. Antara kitab/buku klasik yang membahas tentang *syirkah* adalah kitab *al-Umm* karya Imam al- Syafi'ī dan kitab *Siraj al-Wahhāj 'Ala Matan al-Minhāj, Minhāj al-Talibīn, Majmū' Syarh al-Muhadhdhab* dan *Raudah al-Talibīn* ketiga-tiganya karya Imam Nawāwī yang beliau adalah termasuk salah seorang pakar tentang konsep *syirkah*. Kitab lain yang membahas tentang *syirkah* ialah *al-Muhadhdhab Fī Fiqh al-Imām al- Syafi'ī* karya Imam al-Syirāzī.

Kitab-kitab mazhab Syafi'ī tersebut hanya mendedahkan kaedah dan konsep *syirkah al-`inān* sahaja di mana keuntungan berdasarkan pada nisbah modal masing-masing. Menurut pandangan mazhab ini, mengambil keuntungan lebih dari nisbah modal maka dianggap suatu perbuatan zalim terhadap rakan kongsi mereka. Dalam kitab-kitab tersebut tentu belum dijelaskan ada kaitannya dengan sistem ekonomi Islam yang dijalankan oleh sistem perbankan sepertimana pada masa sekarang seperti yang dijalankan oleh Bank Rakyat Ipoh Perak, kerana memang sistem perbankan belum muncul pada masa itu.

Sementara dalam mazhab Hanāfī terdapat juga kitab seperti *Kitab al-Kharāj* karya Abū Yūsuf. Dalam kitab tersebut tidak membincangkan konsep *syirkah* secara khusus tentang sistem perbankan Islam, sebaliknya beliau telah menyentuh konsep ini secara tidak langsung dalam penjelasannya dalam bab *al-Buyū'* mengenai pengkategorian *syirkah*¹⁵. Dalam kitab-kitab mereka hanya membicarakan konsep

15 Abū Yūsuf Ya'kūb bin Ibrāhīm (t.t), *al-Kharāj*, Beirut: Dār al-Ma'rifah H. 85. Lihat juga Sayyid Sābiq, (1987), *Fiqh al-Sunnah*, jil. 3, Beirut: Dār al-Kitāb al-Arabi, h. 310

syirkah secara teori dan umum, yang mana penguraiannya berdasarkan pengertian bahawa *syirkah* melibatkan beberapa kategori. Ia terbahagi kepada dua kategori iaitu *syirkah syirkah Amlāk Syirkah 'Uqūd*.

Dalam kitab *al-Kharāj* hanya menyebutkan tentang kaitan pembahagian keuntungan dalam sistem *syirkah*, malah dalam kategori pembahasannya tidak memfokus kepada *syirkah al-`inān* tetapi membahaskan berkenaan dengan *syirkah* hanya secara umum. Dan fokus pembahasannya lebih bersifat teori sahaja, tidak ada hubung kait dengan sistem ekonomi Islam pada masa sekarang. Dalam pandangannya bahawa keuntungan boleh ditentukan melebihi nisbah modal kepada salah seorang rakan kongsi atas persetujuan rakan kongsi lainnya¹⁶.

Selain yang tersebut di atas terdapat beberapa kertas penyelidikan yang berhubung kait dengan permasalahan *syirkah*. Antaranya disertasi syariah yang ditulis oleh Joni Tamkin Borhan yang bertajuk “*Sistem Perkongsian Islam: Suatu Analisa Khusus Terhadap Operasi Bank Islam, Syarikat Takaful dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji di Malaysia*”, di Fakulti Syariah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1993. Dalam penyeledikannya, beliau memfokuskan bagi tiga objek kajian sahaja iaitu sistem perkongsian Islam pada Bank Islam, Takaful Islam, dan Tabung Haji di Malaysia¹⁷. Beliau tidak membincangkan tentang konsep *syirkah* pada Bank Rakyat. Kemudian dalam disertasi yang ditulis oleh Muhammad Zulhilmi yang tajuknya *Sistem Perbankan Islam Di Nanggroe Aceh Darussalam* (2006), dalam disertasi tersebut, Penulisnya menerangkan cara pelaksanaan perbankan syariah yang berlaku di Aceh Indonesia yang masih dibayangi oleh sistem perbankan konvensional,

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ Joni Tamkin Borhan, (1993) *Sistem Perkongsian Islam: Suatu Analisa Khusus Terhadap Operasi Bank Islam, Syarikat Takaful dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

di antara contoh yang diberikan ialah dari segi pembahagian keuntungan dan resiko kerugian, kedua-dua keadaan tersebut hanya menguntungkan pihak bank sahaja sebagai contoh, penulis disertasi tersebut menjelaskan, kalau pelanggan bank yang membuat pinjaman dibawah konsep *musyarakah* mengalami kerugian maka pihak yang membuat pinjaman (pelanggan) itu wajib menanggung kerugian tersebut dan pihak yang mengeluarkan modal (bank) tidak meneliti apa yang menyebabkan kerugian tersebut adakah berlaku kecuaiian ataupun tidak¹⁸.

Disertasi lain yang tajuknya *Sistem Musharakah Di Bank Syariah Mandiri Dan Bank Rakyat Di Jakarta Indonesia* (2007), Disertasi M.A, Fakulti Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, yang ditulis oleh Paturohman Asrori, Penyelidik disertasi tersebut menerangkan tentang *syirkah* dan perbandingan prestasi sistem *musyarakah* antara Bank Mandiri dan Bank Rakyat di Jakarta, yang mana kedua-dua bank tersebut didapati telah menerapkan sistem perbankan Islam terutama dalam pembahagian keuntungan antara bank dan rakan kongsi, namun demikian dari segi prestasi, Bank Rakyat Jakarta menunjukkan prestasi yang menggalakan berbanding dengan Bank Mandiri¹⁹. Seterusnya disertasi yang di tulis oleh Muhammad Taqiuddin bin Mohamad yang bertajuk *Penentu Keuntungan Sistem Perbankan Islam Di Malaysia* (2009), Disertasi M.A. Fakulti Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, dalam disertasi tersebut, beliau membahaskan tentang sebab-sebab yang menentukan keuntungan di bank-bank yang mengamalkan konsep perbankan Islam, di antara sebab-sebab yang menjadi faktor keuntungan ialah dengan adanya produk *mudarabah* dan *musyarakah* di samping adanya perancangan khusus yang di

¹⁸ Muhammad Zulhilmi, (2006) *Sistem Perbankan Islam Di Nanggroe Aceh Darussalam*. Disertasi Fakulti Syariah dan Ekonomi, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

¹⁹ Paturohman Asrori, (2007) *Sistem Musharakah Di Bank Syariah Mandiri Dan Bank Rakyat Di Jakarta Indonesia*, Disertasi Fakulti Syariah dan Ekonomi, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

lakukan oleh pihak bank untuk menjana keuntungan, penulis disertasi tersebut memberi contoh yang dilakukan oleh Bank Islam (Malaysia Berhad) sehingga bank tersebut yang paling banyak memperolehi keuntungan dalam tahun 2005 hingga tahun 2008²⁰

Buku lain yang ikut membahas tentang konsep berkaitan dengan *syirkah* adalah buku *Ekonomi Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia* (2005), karya Nik Mustafa Nik Hasan *et. al* yang diterbitkan oleh IKIM Kuala Lumpur²¹. Dalam buku terbabit tidak membahas pada sistem *syirkah* pada Bank Rakyat tetapi hanya menyebutkan model ekonomi Islam dan pelaksanaannya di Malaysia, meskipun disebutkan tentang konsep mengambil keuntungan perkongsian dalam pandangan Islam.

Dalam bahasa asing juga dijumpai beberapa buku yang membincangkan tentang sistem ekonomi Islam, antaranya buku *Towards A Just Monetary System* yang dihasilkan oleh Kent Hodder bersama Stoughton dan M. Umer Chapra (1985) yang diterbitkan The Islamic Foundation UK²². Dan buku *Islamic Economic: Theory and Practice*, yang ditulis oleh M A Manan (1986), Selanjutnya buku *Economics Accepting Islam Word Muslim League* karya M.N. Huda (1964) yang dicetak di Singapore. Pembahasan yang sama juga dibahas dalam jurnal Usuluddin bil.II yang bertajuk *The Tawhidie Paradiqma In Islamic Banking* (2000) oleh Joni Tamkin Borhan dan oleh Mahmud Ahmad (1967) *Semantics of Theory of Interest: Islamic Studies*, terbitan Rawalpindi dan penulis tersebut telah membincangkan tentang prinsip perkongsian untung dan rugi adalah suatu peluang untuk memperolehi atau menjana keuntungan

20 Muhammad Taquiuddin bin Mohamad (2009), *Penentu Keuntungan Sistem Perbankan Islam Di Malaysia*. Disertasi Fakulti Syariah dan Ekonomi, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

21 Nik Mustafa Nik Hasan, (2005) *Ekonomi Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: IKIM

22 Kent Hodder, Stoughton dan M. Umer Chapra (1985) *Towards A Just Monetary System*, United of Kingdom: The Islamic Foundation. Lihat juga M A Manan (1986), *Islamic Economic: Theory and Practice*, Malaysia: Kuala Lumpur. Lihat juga M.N. Huda (1964), *Economics Accepting Islam Word Muslim League*, Singapore

yang memuaskan bagi pemilik modal²³. Seterusnya pembahasan yang lebih terperinci tentang pembahagian keuntungan dan risiko kerugian dalam buku Shahrugh Rafi Khan (1987) terbitan Oxford University Press, Karachi, tajuknya *Profit and Loss Sharing: An Islamic Experiment in Finance and Banking*.²⁴

Pembahasan yang hampir serupa terdapat dalam buku Abraham L. Udovitch (1970), di terbitkan oleh Princeton University Press, bertajuk *Partnership and Profit in Medieval Islam*. Pengarang buku itu menerangkan pandangan tentang *musyarakah* bermula dari bentuk-bentuk *musyarakah*, pelaksanaan kontrak *musyarakah* dan beberapa isu yang berkaitan dengan pelaksanaan kontrak sehingga berakhirnya pelaksanaan kontrak, pengarang buku tersebut juga telah menerangkan beberapa pandangan ulama Hanāfi, Māliki, dan Syāfi`ī tentang *musyarakah*, tetapi ianya tidak menjelaskan aplikasi kontrak *musyarakah* di mana-mana institusi perbankan syariah²⁵.

Kesemua buku-buku dan jurnal di atas hanya membincangkan teori dan konsep tentang ekonomi Islam secara am dan pelaksanaannya mengikut pandangan Islam di beberapa tempat. Dalam buku tersebut tidak memfokuskan kajian pada sistem *syirkah al-'Inān*. Apalagi model pelaksanaan *syirkah al-'Inān* pada perbankan tertentu, hanya membahas secara global sahaja. Dengan ini, sangat jelas buku tersebut tidak menyentuh tentang konsep *syirkah al-'Inān* pada Bank Rakyat lebih-lebih lagi Bank Rakyat di Ipoh Perak.

23 Joni Tamkin Borhan (2000), *The Tawhidie Paradiqma In Islamic Banking* Jurnal Usuluddin bil.II Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Lihat juga Abraham L. Udovitch (1970), *Profit and Loss Sharing: An Islamic Experiment in Finance and Banking* Princeton University. Lihat juga Mahmud Ahmad (1967), *Semantics of Theory of Interest* dalam *Islamic Studies*, Rawalpindi

24 Shahrugh Rafi Khan (1987), *Profit and Loss Sharing: An Islamic Experiment in Finance and Banking*. Karachi: Oxford University Press.

25 Abraham L. Udovitch (1970), *Partnership and Profit in Medieval Islam*. Princeton: University Press.

Seterusnya dalam kajian Nik Nor Hasidi Nik Wil (2000) *Dasar Penubuhan Bank Islam Berasaskan Mudārabah dan Musyārakah : Realiti dan kejayaannya dalam operasi Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)*. Pengkaji mendapati bahwa produk yang ditawarkan berasaskan prinsip *Musyārakah* dan *mudhārabah* oleh BIMB tidak mendapatkan sambutan walaupun kedua-dua prinsip ini menjadi asas penting dalam penubuhan BIMB, pengkaji berpandangan faktornya adalah disebabkan BIMB sendiri tidak menggunakan sejumlah daripada tabungannya secara efektif dan banyak kepada prinsip BBA dan *mudārabah* yang kurang risiko dan berjangka pendek dalam menarik pelanggannya, bagaimanapun pengkaji yakin prospek *Musyārakah* dan *Mudārabah* tidak akan malap sekiranya ada komitmen dan sokongan padu daripada semua pihak dan sekurang-kurangnya usaha BIMB dalam memperkenalkan produk berasaskan kedua-dua prinsip ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat Islam bahawa terdapat satu jalan yang terbaik daripada terus dibelenggu riba.²⁶

Demikian juga dalam kajian Saimi Bujang (2002) *Daya Saing Instrumen Musyārakah: Satu Kajian di BIMB*. Daripada kajian ini, penulis mendapati bahawa kajiannya tertumpu kepada penggunaan jenis-jenis *musyārakah* yang tidak begitu meluas dalam urusan niaga. Hanya *syirkah al-‘inān* sering digunakan manakala *syirkah mufāwadah*, *syirkah ‘abdan* dan *syirkah wujūh* diabaikan kerana terdapat khilaf. Hal ini menyebabkan kemampuan dan daya saing yang ditunjukkan dalam prinsip *musyārakah* berada di tahap yang kurang memberangsangkan. Pengkaji mengatakan bahawa *musyārakah* mempunyai kekuatan tersendiri untuk menjana pergerakan dan perjalanan SKI dan SPI, cuma ia tidak ditonjol dan digarapkan dengan sebaik mungkin oleh

26 Nik Nor Hasidi Nik Wil (2000) *Dasar Penubuhan Bank Islam Berasaskan Mudarabah dan Musyārakah: Realiti dan kejayaannya dalam operasi Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)* Kertas projek, Bahagian pengajian syariah, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

institusi kewangan Islam. Bagi pengkaji, *musyarakah* adalah prinsip pembiayaan yang masih kurang diterokai dan penggunaannya terhad.²⁷

Seterusnya Khadijah binti Abdul Rahman (2006) *Aplikasi Musyarakah Mutanaqisah Dalam Pembiayaan Di Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad (KFHMB)*. Daripada kajiannya²⁸, pengkaji mengatakan sistem kewangan Islam (SKI) dan sistem perbankan Islam (SPI) di Malaysia amat kurang menawarkan produk yang berasaskan pembiayaan ekuiti²⁹. Hal ini menyebabkan berlakunya lambakan produk-produk pembiayaan hutang dan kebergantungan kepada prinsip mu'amalat yang bersifat hutang meskipun ia dibolehkan oleh Islam tetapi penggunaannya tidak digalakkan secara meluas. Pengkaji mengatakan juga sikap sesetengah cendekiawan Islam di Malaysia yang terlalu liberal dan tidak bersungguh-sungguh menciptakan prinsip mu'amalat baru ia menjadikan SKI dan SPI di Malaysia tidak berdaya saing dan maju serta tiada perbezaan yang ketara dengan sistem konvensional yang menggunakan sistem riba. Pengkaji mempunyai keyakinan tentang *musyarakah mutanaqisah* mampu untuk menjadi alternatif kepada pembiayaan utang serta membantu menyelesaikan permasalahan masyarakat Islam terutamanya dalam pemilikan rumah yang merupakan keperluan asas bagi setiap insan. Walaupun aplikasi *musyarakah mutanaqisah* KFHMB masih berada di peringkat awal, ia mempunyai potensi dan prospek masa depan yang cerah untuk diperkembangkan.³⁰ Kemudian Yadi Janwari (1998), *Prinsip Operasional Bank Mu'amalat Indonesia Dalam Perspektif Imam Al-Madhahibil Arba'ah*. Dalam disertasinya didapati bahawa dari segi konsepnya terdapat keselarian di antara prinsip

27 Saimi Bujang (2002) *Daya Saing Instrumen Musyarakah: Satu kajian di BIMB*. Bahagian pengajian syariah Islam, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

28 Khadijah binti Abdul Rahman (2006), *Aplikasi Musyarakah Mutanaqisah Dalam Pembiayaan Di Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad (KFHMB)*, Kertas projek, Kuala Lumpur: Pengajian syariah Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

operasi Bank Mu'amalat Indonesia dengan mazhab yang empat (Mazhab Hanāfi, Mālikī, Hanbālī dan Syafi'ī), tetapi dari segi pelaksanaannya masih belum sepenuhnya mengikut kepada konsep yang ada iaitu konsep *syirkah* yang disebut dalam kitab *Madhāhibil Arba'ah*.³¹

Analisa yang hampir sama yang dibahaskan oleh Ab. Mu`min Ab. Ghani, dalam tesis PhD yang bertajuk "*Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*". Tesis PhD, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997. Buku ini menjelaskan secara lengkap mengenai sistem kewangan Islam di Malaysia, dibahaskan juga tentang produk pembiayaan perniagaan-perniagaan Islam di antaranya ialah surat jaminan, surat kredit dan pertukaran matawang asing³².

Kemudian saya dapati juga ulasan tentang ekonomi Islam yang serupa walaupun kupasan yang panjang lebar hanya tentang prinsip dan mekanisme *al-Murābahah* yang dibahaskan oleh Mazran Mohd Nazim³³, "*Mekanisme al-Murābahah dan Bay' bi-thaman Ājil dalam sistem pembiayaan di Bank Islam*," Disertasi M.A, Jabatan Syariah/Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001.

Demikian juga kertas projek oleh Nor Saleha Hasan, "*Perbankan Islam dan Amalannya di Bank Muamalat Malaysia Berhad (MBMB)*", kertas projek di Jabatan Syariah/Ekonomi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, sesi

31 Yadi Janwari (1998), *Prinsip operasional Bank Mu'amalat Indonesia dalam perspektif Imam Madhahibil Arba'ah*, disertasi sarjana, Jakarta Indonesia: Fakulti syri'ah Universiti Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah.

32 Ab. Mu`min Ab. Ghani (1997), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Tesis PhD, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

33 Mazran Mohd Nazim, (2001), *Mekanisme al-Murābahah dan Bay' bi-thaman Ājil dalam sistem pembiayaan di Bank Islam*," Dsertasi M.A, Jabatan syariah/ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

1990/2000. Kertas kerja ini lebih memfokuskan kepada konsep perbankan Islam, terdapat juga kupasan yang mendalam tentang prinsip-prinsip syariah³⁴.

Seterusnya kertas kerja yang ditulis oleh Dayang Madiana binti Abang Sufi, “*Sistem Perbankan Tanpa faedah : Satu Kajian Kes Terhadap Operasi Perbankan Syariah di Bank Rakyat,*” kertas projek Bahagian Analisa Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya Kuala Lumpur, sesi 1994/1995. Kertas projek ini lebih memfokuskan juga kepada sistem perbankan Islam walaupun ada juga dibahaskan mengenai produk-produk lain yang ada di Bank Rakyat seperti pinjaman *al-qard al-hasan*³⁵.

Seterusnya dalam seminar yang dibentangkan oleh Joni Tamkin Borhan (2000) *Budaya Muamalat Setempat Sebagai Asas Pertimbangan Produk-produk Muamalat Dalam Amalan Perbankan Islam*, seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan 2000 Di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 7-8 November 2000. Penulisan ini menekankan kepada prinsip-prinsip *syarī‘ah* di dalam produk muamalat perbankan Islam seperti *al-musyārahah*, *al-mudārabah*, *al-qard al-hasan* dan *murābahah*. Prinsip-prinsip syariah ini digunapakai dalam produk pembiayaan Islam di Bank Rakyat dan Bank Islam.³⁶

Selain daripada hasil kajian yang disebut di atas, terdapat juga hasil karya mengenai sistem perbankan Islam yang telah dibukukan untuk pengetahuan umum, seperti: Sudin Haron, *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Kuala Lumpur, Berita Publishing Sdn.Bhd. 1996. Buku ini menerangkan dan menyenaraikan kesemua produk

34 Nor Saleha Hasan (2000), *Perbankan Islam dan Amalannya di Bank Muamalat Malaysia Berhad (MBMB)*”, kertas projek di Jabatan Syariah/Ekonomi Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur : Universiti Malaya,

35 Dayang Madiana binti Abang Sufi (2005), *Sistem Perbankan Tanpa faedah : Satu Kajian Kes Terhadap Operasi Perbankan Syariah di Bank Rakyat*, kertas projek Bahagian Analisa Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

36 Joni Tamkin Borhan (2000) *Budaya Muamalat Setempat Sebagai Asas Pertimbangan Produk-produk Muamalat Dalam Amalan Perbankan Islam*, seminar Hukum Islam Semasa 3 Peringkat Kebangsaan Kuala Lumpur,Universiti Malaya.

yang ditawarkan di SPI Malaysia seperti sumber kewangan (deposit) pembiayaan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Sistem pembiayaan Islam yang dibahaskan kurang lengkap sehingga tidak jelas kepada pelanggan berapa peratus keuntungan yang akan diperoleh³⁷. Nor Muhammad Yakcob, *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur, Utusan Distributors Sdn.Bhd. 1996. Buku ini memfokuskan tentang teori dan sistem kewangan Islam yang diamalkan di Malaysia.³⁸ dalam buku ini juga ada dibahaskan secara ringkas tentang *syirkah* dan pelaksanaannya di Malaysia. Seterusnya buku yang ditulis oleh Joni Tamkin Borhan dan Hadenan Towpek yang bertajuk *Untung Dalam Sistem Perbankan Islam* (2006). Dalam buku tersebut penulisnya telah menganalisis tentang konsep asas keuntungan dari perspektif Islam dan konvensional serta pelaksanaannya dalam operasi perbankan Islam di Malaysia dengan memberi tumpuan utama dari segi pengurusan aset dan liabiliti³⁹. Dalam buku tersebut dijelaskan juga tentang pelaksanaan perbankan Islam di Malaysia dari aspek sejarah, konsep dan teori di samping bab khusus yang memfokuskan terus kepada keuntungan dalam sistem perbankan Islam yang merangkumi asas penjanaaan keuntungan dan juga aplikasi model dalam penjanaaan keuntungan perbankan Islam.

Selain buku dan kertas kerja penyelidikan didapati juga beberapa Jurnal yang membahas tentang konsep perbankan Islam mengikut pandangan Islam. Antara Jurnal tersebut adalah *Jurnal Usuluddin* Bil. II. Dalam artikel yang bertajuk *Pemikiran Perbankan Islam: Sejarah dan Perkembangan* (2000), yang ditulis oleh Joni Tamkin

37 Sudin Haron (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd.

38 Nor Muhammad Yakcob (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Distributors Sdn.Bhd.

39 Joni Tamkin Borhan dan Hadenan Towpek (2006), *Untung Dalam Sistem Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Bin Borhan⁴⁰. Pembahasan tersebut hanya ditinjau dari sisi histories sahaja, ia tidak menghadkan pada perkembangan samada konsep *syirkah al-'inān* mahupun pelaksanaanya pada Bank Rakyat.

Secara umumnya hasil-hasil kajian yang dilaksanakan adalah berkaitan dengan sistem perbankan Islam secara umum di Malaysia, dengan demikian, penulis memfokuskan hanya terhadap pelaksanaan sistem perbankan Islam khususnya mengenai *musyārahah* yang tepatnya *syirkah al-'inān* di Bank Rakyat dengan menyentuh secara terperinci prinsip-prinsip syariah yang diaplikasikan di bank tersebut.

Kajian berkaitan pelaksanaan prinsip syariah dan sistem perbankan Islam di Bank Rakyat kerana beberapa sebab iaitu:

- a. Di antara bank-bank yang terawal ditubuhkan di Malaysia yang kemudian telah menukarkannya dari sistem konvensional kepada sistem syariah secara total atau menyeluruh.⁴¹
- b. Sistem perbankan syariah di Bank Rakyat mendapat sambutan yang luar biasa di kalangan masyarakat Islam khususnya di Perak, umumnya di Malaysia.⁴²

Hasilnya, penulis dapat menyimpulkan keistimewaan disertasi yang dikaji dengan kajian-kajian terdahulu kerana penulis memfokuskan kepada sistem perbankan Islam khususnya mengenai *musyārahah* yang dilaksanakan di Bank Rakyat.

40 Joni Tamkin Bin Borhan (2000), *Pemikiran Perbankan Islam: Sejarah dan Perkembangan* Jurnal Usuluddin Bil. II Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

41 Info, www.bankrakyat.com.my 12 april 2007

42 *Ibid.*,

1.10 Metodologi Kajian

Kajian ini telah menggunakan dua bentuk metode penyelidikan iaitu:

- i. Kajian perpustakaan (*Library Research*)
- ii. Kajian lapangan (*Field Research*)

Penulis menggunakan metode *sampling* dalam menentukan subjek penelitian sebagai mewakili institusi dalam kategori berkenaan, penulis telah memilih negara Malaysia sebagai lokasi subjek penelitian dan tumpuan difokuskan kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) di Daerah Ipoh Perak untuk memudahkan penyelidikan yang dilakukan. Penulis memilih Bank Rakyat kerana institusi perbankan tersebut menerapkan sistem syariah secara menyeluruh dalam operasi mereka dan ianya juga merupakan diantara institusi perbankan yang terawal selepas Bank Islam Malaysia Berhad dan Bank Muamalat yang melaksanakan sistem syariah di Malaysia.⁴³

1.11 Pengumpulan Data

1.11.1 Kajian Perpustakaan

Dalam penelitian ini pengkaji mengemukakan metode kajian kepustakaan dalam bentuk kajian data. Dan ianya akan diperolehi dari buku-buku, jurnal-jurnal ilmiyyah, risalah-risalah, majalah-majalah dan kitab-kitab yang muktabar yang berkenaan dengan '*akad syirkah*'. Untuk memperoleh bahan-bahan tersebut pengkaji menggunakan beberapa perpustakaan, antaranya sebagai berikut:

43 Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) Info, www.bankrakyat.com.my 4 mac 2007

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
2. Perpustakaan Za`ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
3. Perpustakaan Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
4. Perpustakaan Negara Kuala Lumpur.
5. Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur

1.11.2 Kajian Lapangan

Bagi mencari maklumat yang tidak terdapat dalam perpustakaan, penulis menggunakan kajian lapangan bagi mendapat maklumat-maklumat penting yang berkaitan dengan produk yang berprinsipkan *musyārahah* (*Joint Venture*) serta untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang *musyārahah*. Penyelidikan yang dijalankan bertujuan untuk mengumpul, menyusun dan menganalisis data-data yang telah dikumpulkan mengikut teknik-teknik tertentu.

Selain itu, penulis juga menggunakan metode yang berlainan untuk mengkaji, meneliti, menyusun dan menganalisis data-data yang diperolehi semasa penyelidikan iaitu:

i. Metode Historis atau Persejarahan

Penggunaan metode historis atau persejarahan ini bertujuan mendapatkan data-data berbentuk sejarah hasil dari dokumen-dokumen yang berkaitan dengan masalah tersebut, secara tidak langsung ianya dapat menentukan ketepatan sesuatu kejadian. Metode ini akan banyak membantu penulis untuk mendapatkan catatan kejadian lampau terutamanya sejarah operasi Bank Rakyat sebagai institusi kewangan Islam, yang pada mulanya mengamalkan sistem konvensional kemudian menukarkan kepada sistem

kewangan Islam secara total atau menyeluruh dan ianya juga di antara bank yang terkemuka di Malaysia.

ii. Metode Dokumentasi

Penulis memfokuskan kepada sumber asasi bahan yang berbentuk dokumentasi seperti al-Qur'ān dan hadith-hadith Rasulullah SAW serta pendapat-pendapat ahli perundangan ekonomi Islam dan ilmuan Islam, tidak kurang pentingnya juga buku-buku terkini berkaitan muamalat Islam yang dikarang oleh sarjana semasa.

iii. Metode *Interview* atau Temu bual

Penulis menggunakan metode ini untuk mendapatkan keterangan lanjut tentang hal-hal yang berkaitan tentang operasi perbankan Bank Rakyat tersebut. Penulis menemubual pengurus Bank Rakyat di Ipoh Perak atau wakilnya dan pegawai syariah di ibu pejabat Bank Rakyat Kuala Lumpur.

iv. Melayari Internet

Dalam menjalankan kajian ini, penulis tidak meninggalkan suatu wadah yang moden dan populer di masa sekarang iaitu internet, maka penulis melayari internet tersebut dalam mencari maklumat yang berkaitan dengan subjek kajian ini, ia juga dapat memberi maklumat dan manfaat kepada penulis serta memberi kefahaman yang jelas berkaitan dengan kajian ini. Laman sesawang yang digunakan ialah web Bank Rakyat , web Bank Negara Malaysia dan sebagainya. Selain itu, penulis juga menggunakan dua

metode yang berlainan untuk mengkaji, meneliti, menyusun dan menganalisa data-data yang diperolehi semasa penyelidikan iaitu:

a. Metode Induktif

Penulis mengumpul maklumat secara berterusan bagi menjabar dan menghuraikan tajuk yang dikaji. Pada masa yang sama penulis mencari hubungan antara fakta-fakta atau keterangan-keterangan yang terkumpul untuk membuat interpretasi terhadap apa yang didapati. Dalam hal ini metode induktif diaplikasikan oleh penulis dalam meneliti pandangan para ulama yang dahulu dan ulama terkini terhadap pemahaman dan sandaran hukum yang digunakan oleh mereka tentang prinsip-prinsip syariah yang diamalkan di Bank Rakyat sekarang. Hasil penelitian ini penulis membuat kesimpulan umum di dalam bab lima yang merupakan bab terakhir daripada keseluruhan bab dalam kajian ini. Contohnya, hasil penerangan temubual tentang gambaran pelaksanaan *syirkah al-‘inān*, penulis akan membuat kesimpulan bagi membentuk satu definisi dan konsep tentang *syirkah al-‘inān* yang dimaksudkan.

b. Metode Deduktif

Penulis menggunakan teori yang ada atau dibentuknya sendiri berasaskan pemikiran atau pengalaman tertentu untuk melihat situasi yang berlaku, ini dapat membantu penulis dalam menjelaskan lagi kajian yang di buat. Kaedah ini mencari pembuktian daripada suatu yang bersifat umum kepada suatu yang lebih khusus. Teori ini penulis akan masukkan dalam bab tiga, Contohnya, penulis mengaplikasi dan

mengembangkan konsep *syirkah al- 'inān* dalam operasi produk perniagaan *syirkah al- 'inān* kepada Bank rakyat.

Kaedah ini adalah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan pada data-data yang diperolehi. Penulis menggunakan metode ini untuk membuat perbandingan antara fiqh Syafi'i dan fiqh Hanafi serta pendapat para fuqaha yang lain dan membandingkan tentang dalil-dalil di antara mereka yang berkaitan dengan *mu'amalah* secara keseluruhannya. Kaedah ini penulis akan terapkan dalam bab empat.

1.12 Sistematika Kajian

Penulisan tajuk kajian ini dibahagikan kepada lima bab yang berasingan. Setiap bab tersebut dibincangkan dengan caranya tersendiri. Semua susunan bab dikemaskan dengan rapi bagi menyampaikan maklumat kepada pembaca berkaitan dengan isi yang dibincangkan dalam tajuk ini. Dalam bab pendahuluan atau bab satu, pengkaji meletakkan penjelasan asas tentang rancangan penyelidikan kajian berkenaan. Selain itu penulis juga membincangkan kandungan yang menjadi isu-isu penting dalam bab-bab selanjutnya.

Manakala pada bab dua pula, dibincangkan tentang landasan teori yang berkaitan dengan tajuk kajian ini ialah " Konsep Keuntungan Dalam *Syirkah al- 'Inān* Dari Perspektif Ekonomi Islam: Satu kajian di Bank Rakyat Ipoh, Perak". Dalam bab ini juga dijelaskan tentang pengertian *syirkah* dan dasar hukumnya, syarat dan rukun *syirkah* serta pembahagian *syirkah*. Adapun sumber-sumber data dan fakta dalam penyelidikan ini dikumpulkan menerusi proses penyelidikan perpustakaan dan lapangan sebagai mana yang telah dijelaskan dalam metodologi pembahasan. Seluruh sumber

syirkah yang berkaitan dengan mu'amalat dikumpulkan lalu dianalisis dengan sistematis.

Pada bab tiga, pengkaji membincangkan lanjutan daripada bab dua di atas. Di sini difokuskan kepada pengertian *syirkah al-'inān* sahaja serta pendapat para ulama fiqh mengenai *syirkah* tersebut, dan pendapat para ulama tentang konsep pembahagian keuntungan dalam *syirkah al-'inān*,

Di dalam bab empat, pengkaji membincangkan tentang hukum memperoleh keuntungan dari nisbah modal dalam *syirkah al-'inān* menurut fiqh Hanafi, fiqh Syafi'i dan pendapat ulama-ulama yang lain serta alasan atau dalil-dalil dari ulama-ulama tersebut. Bab ini juga merupakan klimaks penyelidikan tajuk berkenaan. Di sini penulis melakukan analisis terhadap semua data yang telah dibincangkan pada bab-bab sebelumnya. Dalam bab ini penulis juga akan mengemukakan tentang hasil kajian lapangan yang akan diperolehi.

Bab lima, dihuraikan beberapa kesimpulan kajian setelah keseluruhan isi kandungan dalam tajuk kajian ini dibahas dengan teliti. Ia merangkumi kesimpulan umum, kesimpulan khusus dan cadangan atau saran-saran yang dihasilkan daripada kajian tersebut. Bab ini juga dikenali dengan bab penutup.

BAB DUA

KONSEP AL-MUSYĀRAKAH

Pendahuluan

Bab ini penulis akan menjelaskan tentang definisi atau makna *syirkah*. Perbincangan akan meliputi pelbagai aspek seperti makna *syirkah* dari mazhab-mazhab yang muktabar, kemudian dalam bab ini juga akan dibahas mengenai dasar-dasar hukum *syirkah*.

2.1 Makna *Syirkah* dan Dasar Hukumnya

2.1.1 Makna *Syirkah*

Kata *Syirkah* berasal daripada bahasa Arab *شراكة* *شراكة* yang membawa maksud berkongsi, yang asal katanya ialah *Syirkah*. Menurut kamus Bahasa Arab *syirkah* adalah percampuran, perserikatan, persekutuan atau rakan kongsi atau disebut juga perkongsian.⁴⁴ Menurut bahasa *syirkah* disebut juga dengan istilah *اختلاط* iaitu percampuran harta seseorang dengan harta orang lain yang tak dapat dibezakan dan tak dapat dipisahkan.⁴⁵

Sedang *Syirkah* menurut syara' ialah suatu transaksi perkongsian harta antara dua orang atau lebih. Pengertian tersebut sebagaimana yang dinyatakan oleh Syeikh Zakariyyā al-Ansārī dalam kitabnya *al-Syarqawī 'Alā al-Tahrīr* seperti berikut:

44 Jamāl al-Dīn Muḥammad ibni Mukarram, (t.t), *Lisan al-Arab*, jilid IV, Beirut, Libanon: Dār Ihya' al-Turath al-Arabi, H. 175. lihat juga Mahmud yunus, (1989), *Kamus Arab – Indonesia*, Jakarta: PT. Hidakarya Agung, H. 196, lihat juga Husin al-Habsyi, (1977), *Kamus al-Kausar*, YAPI, Bangil, H. 193.

45 *Ibid.*, lihat juga al-Zuhailī, (1989) *Op.cit.*, H. 792.

عقد يثبت به حق شائع في شيء لمتعدد

Ertinya:

Suatu akad yang menetapkan hak bersama terhadap sesuatu bagi beberapa orang.⁴⁶

Syeikh Zakariyyā al-Anṣārī merupakan salah seorang klasik yang mengikuti fiqh mazhab Imam al- Syafi'ī. Satu lagi pengikut mazhab al- Syafi'ī ialah Syeikh Muhammad Syarbini al-Khatīb, beliau menerangkan bahawa *syirkah* menurut syara` adalah seperti berikut :⁴⁷

ثبوت الحق في شيء لإثنين فأكثر على جهة الشيوع هذا أو الاولى أن
يقول هي عقد يقتضى ثبوت ذلك.

Ertinya :

Ketetapan hak bagi dua orang atau lebih terhadap sesuatu secara *syu'ūk*, atau pengertian yang lebih baik *syirkah* adalah suatu akad yang bertujuan untuk menetapkan yang demikian (adanya hak samarata).

Masih mengikut Imam *al- Syafi'ī*, *syirkah* ialah menetapkan hak walaupun dengan cara paksa dalam sesuatu kerjasama antara dua rakan kongsi atau lebih.⁴⁸ Definisi ini menunjukkan setiap rakan kongsi memiliki hak kuasa dan hak paksa ke atas rakan kongsi yang lain.

Pengertian *syirkah* menurut istilah mengalami beberapa perbezaan dari segi bahasa yang digunakan walaupun secara amnya makna dan tujuan tetap sama.

46 Zakariyyā al-Anṣārī, (t.t), *al-Syarqawī `Alā al-Tahrīr*, Juz II, Beirut: Dār al-Fikr, H. 109.

47 Muḥammad Syarbīnī al-Khatīb, (t.t), *al-Iqna'*, Juz II, Beirut: Dār al-Fikr, H. 41.

48 Muḥammad bin Idrīs al-Syafi'ī, (t.t), *al-Um*, juz III, Beirut, Lebanon: Dār al-Fikr, H. 206. Lihat juga Syihāb al-Dīn ibni al-'Abbās al-Haitamī, (t.t), *Tuhfat al-Muhtāj*, Jilid II, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, H. 313.

Berdasarkan pengertian dan definisi *syirkah* mengikut pandangan Ulama mazhab al-Syafi'i ialah hak perkongsian bagi dua orang rakan kongsi atau lebih atas suatu harta yang tak dapat dipisahkan.

Adapun pengertian *syirkah* mengikut pandangan ulama mazhab Māliki menyatakan bahawa *syirkah* menurut istilah adalah seperti berikut:⁴⁹

هي إذن في التصرف لهما مع أنفسهما أي أن يأذن كل واحد من

الشريكين لصاحبه في أن يتصرف في مال لهما

مع إبقاء حق التصرف لكل منهما

Ertinya :

Keizinan atau kuasa untuk bertindak bagi kedua – dua belah pihak itu sendiri maknanya memberi izin bagi rakan kongsi yang bersyariat kepada rakan kongsi yang lain untuk memutuskan dalam hal harta serta ketetapan hak kuasa bagi kedua-dua mereka.

Definisi di atas menunjukkan *syirkah* adanya hak kelola bersama terhadap harta perkongsian, atau dapat diibaratkan bahawa harta *syirkah* sama seperti harta milik bersama kerana kedua-dua orang rakan kongsi mempunyai tanggungjawab atas harta kongsi mereka. Maknanya tidak boleh bagi salah seorang rakan kongsi menjual sendiri haknya tanpa ada izin daripada satu lagi rakan kongsinya.

Sementara mengikut pandangan Ulama mazhab Hanbāli menerangkan, bahawa makna *syirkah* adalah persekutuan dalam hal hak atau kuasa.⁵⁰ Pengertian tersebut seperti mana dijelaskan oleh Ibnu Qudāmah beliau menyatakan; pengertian *syirkah*

⁴⁹ *Ibid.*.

⁵⁰ Ibn Qudāmah, (t.t) *Op.cit.*, H. 11.

adalah menetapkan hak terhadap sesuatu urusan atas jalan hak sama rata.(sama rata dalam hak dan kewajiban).⁵¹

Pendapat beliau menunjukkan bahawa *syirkah* dapat berlaku pada selain harta benda. Maknannya *syirkah* dapat berlaku pada perkongsian kuasa. Jika ada suatu urusan maka kedua-dua rakan kongsi dapat menguatkuasakan urusan tersebut. Secara lahiriah *syirkah* di sini hampir sama dengan sistem bahagi kuasa. Namun dalam konteks *syirkah* tidak ada yang satu disebut ketua dan satu lagi rakan kongsi disebut dengan naib rakan kongsi, tetapi kedua-dua rakan kongsi kuasa memiliki hak yang sama dalam menjalankan tanggungjawabnya atas perkongsian mereka.⁵²

Dalam mazhab Hanāfi atau mazhab Imam Abū Hanīfah diterangkan pengertian *syirkah* ialah transaksi yang dilakukan antara dua pihak dalam hal permodalan dan keuntungan.⁵³ Sekilas definisi tersebut menunjukkan bahawa *syirkah* sama dengan transaksi jual beli dari sisi sama-sama bermaksud bagi mendapat keuntungan. Dari sisi lain *syirkah* dalam pandangan ini keuntungan mesti dibagi sama. Barangkali perbezaanya, *syirkah* dilakukan oleh dua orang rakan atau lebih atas suatu harta. Sedangkan jual beli dapat dilakukan dengan bebas oleh seseorang.

Walaupun definisi yang dikemukakan oleh para fuqaha dari beberapa mazhab fiqh berkenaan dengan pengertian *syirkah* terdapat perbezaan dari segi ayat atau kalimat yang digunakan, namun dapat dirumuskan atau difahami intinya bahawa *syirkah* adalah suatu akad atau suatu perjanjian kerjasama antara dua pihak atau lebih, baik berkenaan dengan modal mahupun pekerjaan atau usaha untuk memperolehi

51 Muḥammad Syarbīnī al-Khatīb, (t.t), *Op.cit*, H. 211.

52 Syihāb al-Dīn ibni al-ʿAbbās al-Haitamī, (t.t), *Op.cit.*,

53 Ibn ʿAbidin, (t.t), *Op.cit* H. 364.

keuntungan bersama dan menetapkan percampuran hak sehingga diusahakan dengan satu nama yaitu *syirkah* atau syarikat.

2.3 Asas Hukum *Syirkah*

2.3.1 Al-Qur`ān

Asas utama tentang hukum pelaksanaan transaksi *syirkah* dalam pespektif Islam ialah Al-Qur`ān.⁵⁴ Yang dimaksud al-Qur`ān di sini ialah kalam Allah SWT dalam bahasa Arab yang diturunkan kepada Muhammad SAW., yang menjadi ibadah ketika dibaca, dimulai dengan *sūrah al-Fātihah*, dan diakhiri dengan *sūrah al-Nās*. Ianya terbahagi dalam dua pembahagian. Pertama; *ayat muhkamāt* yang merupakan inti al-Qur`ān, iaitu ayat-ayat yang terang, tegas dan maksudnya dapat dipahami dengan mudah. Dan kedua; *ayat mutasyābihāt*, iaitu ayat-ayat yang memerlukan kepada *ta`wil* dan tafsir dan mengandungi beberapa pengertian. Seperti mana dalam firman Allah SWT yang bermaksud;

Dia-lah yang menurunkan Al-Kitab (Al Qur`ān) kepada kamu di antara isinya ada ayat-ayat yang muhkamat, itulah pokok-pokok isi Al- Qur`ān dan yang lain (ayat-ayat) *mutasyābihāt*. (Surah Ali Imran:7).

Antara dalil al-Qur`ān tentang konsep *syirkah* dapat dilihat pada beberapa ayat dalam Al-Qur`ān yang menjelaskan tentang konsep *syirkah*, sama ada secara teks mahupun secara konteks penafsirannya. Antara ayat al-Qur`ān yang dijadikan sebagai asas hukum *syirkah* adalah sebagai berikut;

⁵⁴ Mustafā al-Khunna, *op.cit*, H. 218. lihat juga al-Zuhailī, *op.cit*, H. 793.

قَالَ لَقَدْ ظَلَمَكَ بِسُؤَالِ نَعَجْتِكَ إِلَىٰ نِعَاجِهِ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْخُلَطَاءِ لِيَبْغَىٰ
بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَقَلِيلٌ مَّا هُمْ وَظَنَّ
دَاوُدُ إِنَّمَا فَتَنَّاهُ فَاسْتَغْفَرَ رَبَّهُ وَخَرَّ رَاكِعًا وَأَنَابَ (سورة ص: 24)

Ertinya :

Nabi Dāwūd berkata, sesungguhnya dia telah berbuat zalim kepadamu dengan meminta kambingmu itu untuk ditambahkan kepada kambingnya, sesungguhnya kebanyakan orang yang berkongsi (bersyarikat) itu sebahagian mereka berbuat zalim kepada sebahagian yang lain kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal shaleh. Dan amat sedikitlah mereka ini dan Dāwūd mengetahui bahawa kami mengujinya maka dia meminta ampun kepada Tuhannya lalu dia sujud dan meminta ampun. (*sūrah al-Ṣad: 24*).

Pada ayat di atas terdapat kalimat *الخطاء* yang membawa maksud adalah orang-orang yang mencampurkan harta mereka menjadi satu maksudnya iaitu orang-orang yang berkongsi atau bersekutu. Dari pengertian maksud ayat di atas dapat difahamkan bahawa *syirkah* dibolehkan dalam Islam, meskipun dalam transaksi *syirkah* sangat berisiko terjadi kezaliman antara sesama rakan kongsi seperti mana dijelaskan dalam maksud ayat tersebut. Transaksi *syirkah* akan aman dari kezaliman jika dilakukan oleh orang-orang yang beriman dan beramal salih. Ini menjadi syarat bagi *syirkah* iaitu memiliki sifat kejujuran dan saling percaya sesama rakan kongsi.

Dalam kitab tafsir *al-Qasīmī* menjelaskan maksud dari ayat di atas ialah percampuran harta dari dua orang sahabat yang berkongsi dan pentingnya kejujuran dalam sesuatu perkongsian dan tidak menzalimi sahabat yang lain⁵⁵.

Seterusnya dalam Tafsir *al-Marāghī* menjelaskan maksud dari ayat di atas seperti berikut:

⁵⁵ Muhammad Jamāl al-Dīn al-Qasīmī, (t.t) *Tafsir al-Qasīmī*, jil. 8, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, H. 247

الا من يخافون ربهم ويؤمنون به ويعملون صالح الاعمال

فان نفوسهم نعزم عن الظلم

Ertinya:

Kecuali orang-orang yang takut akan Tuhan mereka dan beriman denganNya mereka akan melakukan amal yang soleh maka jiwa mereka akan terhindar dari melakukan kezaliman⁵⁶.

Ayat lain yang dijadikan sebagai asas hukum tentang konsep *syirkah* dalam perspektif Islam ialah ayat 12 *sūrah al-Nisā`*. Firman Allah seperti berikut:

فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي الثُّلُثِ .. (سورة النساء: 12)

Ertinya:

Maka mereka bersekutu atau berkongsi dalam yang sepertiga (*sūrah al-Nisā`*: 12).

Ayat di atas dengan lebih jelas menyebutkan perkataan *syuraka`* atau rakan kongsi. Ini merupakan dasar hukum yang menunjukkan keharusan untuk berkongsi menurut perspektif Islam. Bahkan dalam masalah *mu`amalah* juga dikenali sebagai salah satu usaha atau perniagaan yang Islami. Tujuan dibolehkan transaksi *syirkah* ini untuk memenuhi keperluan hidup masyarakat yang dapat terpenuhi dengan bekerjasama dan kadang-kadang perlu berkongsi dengan orang lain, dan sekaligus untuk menghindari kemudharatan masyarakat dalam konteks transaksi perkongsian.

56 Ahmad Mustafā al-Marāghī, (t.t) *Tafsir al-Marāghī*, jil 8, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, H. 214
(Dalam kedua-dua kitab tafsir di atas, ulama tafsir hanya menerangkan ayat tersebut di atas tentang penyamaran dua Malaikat yang datang untuk mengadu kepada nabi Dāwūd masalah kawannya yang mendesak dia untuk menyerahkan seekor kambing yang dimilikinya kepada kawannya, sedangkan kawan dia itu sudah memiliki beberapa ekor kambing. Namun demikian hampir semua ulama fiqh mengambil ayat tersebut dalam kitab-kitabnya sebagai dalil keharusan berkongsi dalam perniagaan, itu semua berpandu pada kalimat الخطاء yang ada pada ayat tersebut.

2.3.2 Al-Sunnah

Definisi sunnah atau hadith ialah sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW. sama ada perkataan, perbuatan, keputusan ataupun sifatnya. Salah satu dasar hukum yang bersumber kepada hadith mengenai keharusan melaksanakan *syirkah* adalah hadith qudsy yang diriwayatkan oleh Abū Dāwūd dan Hākim seperti berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ يَقُولُ أَنَا ثَالِثُ
الشَّارِكَيْنِ : مَا لَمْ يَخُنْ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ فَإِذَا خَانَ خَرَجْتُ مِنْ
بَيْنَهُمَا (رواه أبو داود)

Ertinya:

Dari Abū Hurairah R.A. Rasulullah SAW. Bersabda, sesungguhnya Allah SWT. berfirman Aku adalah pihak ketiga dari dua orang yang berkongsi selama salah seorang dari mereka tidak mengkhianati rakan kongsinya, jika mengkhianati maka aku keluar dari kedua-duanya. (Hadith riwayat Abū Dāwūd).⁵⁷

Hadith di atas membawa maksud bahawa Allah memberkati orang yang melakukan transaksi perkongsian dalam urusan harta. Namun dengan syarat seorang rakan kongsi dari mereka tidak mengkhianati rakan kongsi yang lain, jika salah seorang dari mereka berbuat khianat maka berkat akan dicabut dari mereka. Difahamkan sebaliknya kalau Islam tidak membolehkan *syirkah* tentu Allah tidak akan memberkati orang-orang yang melakukan transaksi *syirkah*.

Seterusnya dalil hadith dari Perawi-Perawi yang lain yang menunjukkan *syirkah* itu dibenarkan dalam Islam. Hadith tersebut ialah seperti berikut:

⁵⁷ Abū Dawūd, *Sunan Abū Dāwūd*, op.cit, h. 257.

عَنْ جَابِرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ جَعَلَ رَسُولُ اللَّهِ الشُّفْعَةَ فِي كُلِّ مَالٍ

لَمْ يُفْسَمْ فَإِذَا وَقَعَتِ الْحُدُودُ وَصُرِفَتِ الطَّرِيقُ فَلَا شُفْعَةَ

(رواه البخارى)

Ertinya:

Dari Jābir R.A. Dia berkata. Rasulullah SAW menjadikan di dalam harta itu hak gugatan bagi semua jenis harta yang tidak dapat dibahagikan, maka apabila terdapat had dan digunakan sebagai jalan maka tidak berlaku pertikaian. (H.R. Bukhārī)⁵⁸

Hadith di atas menunjukkan dibolehkannya *syirkah* di dalam Islam untuk melakukan *mu'amalah* sesuai dengan tuntutan *syara'*. Seterusnya apabila berlaku kes pertikaian antara kedua mereka, dan salah satu hak dari mereka terjejas dalam melakukan *syirkah*, maka *syara'* membolehkannya untuk melakukan gugatan bagi yang dirugikan tersebut untuk mendapatkan haknya. Sebaliknya, jika mereka berdua telah sepakat dengan suatu syarat, bermakna, apabila terdapat had dan digunakan sebagai jalan, maka gugatan tersebut tidak berlaku.

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ كَانَ لَهُ

شَرِيكٌ فِي حَائِطٍ فَلَا يَبِيعُ نَصِيبَهُ مِنْ ذَلِكَ حَتَّى يُعْرِضَهُ عَلَى شَرِيكِهِ

(رواه الترمذى)

Ertinya:

Dari Jābir Bin 'Abd Allah, Bahwa Nabi SAW bersabda, barangsiapa yang mempunyai rakan kongsi pada sebuah bangunan, maka janganlah kamu menjual bahagiannya sehingga dia menawarkan kepada rakan kongsinya. (HR. Tarmīzī)⁵⁹

58 Abū 'Abd Allah Muhammad bin Ismā'īl, (t.t) *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, kitab al-Buyū', no.hadith 2213, Beirut: Dār al-Fikr, H. 196

59 Abū 'Īsā Muhammad bin 'Īsā (t.t) *Jamī' al-Tarmīzī* bab al-Buyū', no.hadith 1324 Beirut: Dār al-Fikr, H. 212

Hadith di atas menunjukkan bahawa barang siapa yang mempunyai rakan kongsi pada sebuah bangunan, maka rakan kongsi yang pertama tak boleh menjual sebelum menawarkan dahulu kepada rakan kongsi yang kedua. Maka jika rakan kongsi yang pertama tetap juga menjual, bagi rakan kongsi yang kedua, ianya berhak menuntut haknya tersebut, dan kes tersebut boleh dituntut melalui pengadilan agama atau pengadilan *syari'ah*.

عَنْ صَالِحِ بْنِ صَوَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَلَاثَ بَرَكَاتٍ الْبَيْعُ إِلَى أَجَلٍ وَالْمُقَارَضَةُ وَإِخْلَاطُ الْبُرِّ بِالشَّعِيرِ لِلبَيْتِ لَا لِلْبَيْعِ فِينَهُ (رواه ابن ماجه).

Ertinya:

Dari Soleh bin Suhīb dari ayahnya berkata, telah bersabda Rasul SAW. Ada tiga perkara didalamnya terdapat keberkatan. iaitu berjualan barang sebelum habis tempohnya. dan pinjaman, Serta menggabungkan gandum dengan *syair* untuk dimakan bukan untuk di jual. (HR Ibnu Mājah)⁶⁰.

Hadits di atas menunjukkan bahawa ada tiga perkara yang terdapat keberkatan di dalamnya, pertama, berjualan sebelum habis tempohnya, berjualan yang sebelum habis tempohnya bermaksud adalah *syirkah* yang berjualan barang yang belum habis masa tempohnya. Kedua, perkara yang terdapat keberkatan di dalamnya adalah pinjaman. Sedangkan yang ketiga perkara yang terdapat berkah di dalamnya adalah menggabungkan gandum dengan *syair* untuk dimakan bukan untuk di jual.

عَنِ السَّائِبِ قَالَ لِلنَّبِيِّ كُنْتُ شَرِيكِي فِي الْجَاهِلِيَّةِ فَكُنْتُ غَيْرَ شَرِيكِي
كُنْتُ لَا تُدَارِيْنِي وَ لَا تُمَارِيْنِي (رواه ابن ماجه)

60 Abū ‘ Abd Allah Muḥammad bin Yazīz, (t.t) *Sunan Ibnu Majah*, kitab al-syirkah, no.hadith 2315 Beirut: Dār al-Fikr. H. 237

Ertinya:

Dari Sā'ib dia berkata kepada Nabi, engkau adalah rakan kongsi pada masa Jahiliyah sedangkan aku tidak seperti rakan kongsi kerana engkau tidak ambil tahu dan tidak menyelaku (HR.Ibnu Mājah)⁶¹

Hadith di atas menunjukkan kebolehan melakukan *syirkah* dalam semua hal. Ini dapat dipahamkan pada perbuatan sahabat Nabi pada masa Jahiliyah, akan tetapi dalam kes ini ada rakan perkongsian yang dirugikan oleh salah seorang rakan perkongsian yang lain dengan tidak ambil tahu dan tidak menyela rakan perkongsian yang satu lagi. Dalam Islam kes macam ini tidak dibenarkan kerana Islam sangat menjaga hak-hak dalam perkongsian dengan jalan syariat atau agama yang lurus. Hadith ini menunjukkan seolah-olah Sya'ieb telah melakukan perkara yang dapat merugikan rakan kongsinya itu iaitu Nabi SAW.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ اشْتَرَكْتُ أَنَا وَعَمَّارٌ وَسَعْدٌ فِيمَا نُصِيبَ بِدِمِّ بَدْرٍ
قَالَ فَجَاءَ سَعْدٌ بِأَسِيرَيْنِ وَلَمْ أَجِئْ أَنَا وَعَمَّارٌ بِشَيْءٍ
(رواه أبو داود)

Ertinya:

Dari 'Abd Allah dia berkata aku berkongsi dengan 'Amār dan Sa'ad pada bahagian hasil di peperangan badar lalu ia berkata, Sa'ad datang membawa dua tawanan dan aku tidak membawa apapun kepada Amār (HR. Abū Dāwūd)⁶²

Hadith di atas menunjukkan perkongsian yang dilakukan oleh dua orang sahabat Nabi antara Amār dan Sa'ad dibolehkan dalam semua hal termasuk dalam memiliki harta iaitu dua orang hamba abdi. Dua orang hamba abdi yang dimiliki oleh Sa'ad, ini merupakan milik bersama antara Amār dan Sa'ad jika mengikuti hak-hak dan syarat-syarat dalam *syirkah*. Ini dapat dipahamkan bahawa dua orang hamba abdi

61 *Ibid.*

62 Abū Dawūd (t.t), *Sunan Abū Dāwūd. Op.cit.* H. 258.

tersebut, jika dijual, maka Amār juga mendapatkan hak di situ, maka jika dibahagi, bermakna Sa'ad mendapatkan satu orang hamba abdi dan Amār juga akan mendapatkan satu orang hamba abdi, mereka mendapatkan hak yang sama, jika mengikut syarat-syarat yang ada dalam *syirkah*.

عَنْ شَيْبِ بْنِ عَرْقَدَةَ قَالَ حَدَّثَنِي الْحَيُّ عَنْ عُرْوَةَ يَعْنِي ابْنَ الْجَعْدِ
الْبَارِقِيِّ قَالَ أَعْطَاهُ النَّبِيُّ دِينَارًا يَشْتَرِي بِهِ أُضْحِيَّةً أَوْ شَاةً فَأَشْتَرِي
شَاتَيْنِ فَبَاعَ إِحْدَاهُمَا بِدِينَارٍ فَأَتَاهُ بِشَاةٍ
وَدِينَارٍ فَدَعَا لَهُ بِالْبُرْكَاةِ فِي بَيْعِهِ فَكَانَ لَوْ اشْتَرَيْتُ ثُرَابًا لَرَبِحَ فِيهِ
(رواه أبو داود) .

Ertinya:

Dari Syabīb Bin Gharqadah, dia berkata, menceritakan padaku pada waktu hidupnya. Dari 'Urwah bin Ja'ad al-Bāriqī, dia berkata, Nabi telah memberi dia satu dinar untuk membeli hewan Qurban atau seekor kambing betina, lalu dia membeli dua ekor kambing dan menjual salah satunya seharga satu dinar lalu dia membawa kepada nabi dengan seekor kambing dan duit satu dinar lalu rasul mendoakan baginya keberkatan dalam perniagaannya maka jika dia beli tanah sekalipun maka ia akan untung dengan nya.(HR Abū Dāwūd).⁶³

Hadith di atas menunjukkan hak *syirkah* Nabi SAW pada harta sahabatnya yang bernama Syabīb. Ini bermakna dalam harta sahabat Nabi SAW ada hak Nabi pada harta tersebut dalam bentuk *syirkah* kerana dinar yang dimiliki oleh Syabīb adalah milik Nabi SAW yang diberikan padanya untuk membeli hewan qurban dan ia membeli dua ekor kambing, yang satu untuk qurban dan yang satu lagi dia jual dengan harga satu dinar. Hadith ini menunjukkan bahawa *syirkah* boleh berlaku pada harta seseorang dengan memanfaatkan harta seseorang untuk jual beli, walaupun belum ada izin dari pemilik harta tersebut dan izin untuk *syirkah* boleh diberikan sesudah harta tersebut digunakan untuk *syirkah*.

63 *Ibid.*

Dalam kitab *Fath al-Barī fī syarh Sahīh al-Bukharī* menerangkan maksud dari hadith di atas seperti berikut:

ان الشريكين اذا خلط رأس مالهما فالربح بينهما

Ertinya:

Bahwa apabila dua orang yang berkongsi mencampurkan modal hartanya maka keuntungan dibahagikan antara kedua-duanya⁶⁴.

Dari dalil-dalil di atas, baik dalil al-Qur'ān mahupun dalil hadith, jelas menunjukkan bahawa hukum melakukan *syirkah* adalah boleh atau diharuskan. Meskipun dalam dalil-dalil di atas tidak menjelaskan secara terperinci metode perkongsian tersebut, namun ianya menjadi asas kuat bolehnya transaksi *syirkah*. Hanya sahaja al-Qur'ān dan hadith menekankan agar transaksi *syirkah* tersebut dilakukan dengan jujur dan saling tidak menzalimi, kerana tujuan *syirkah* adalah untuk memenuhi hajat atau keperluan hidup masyarakat

2.3.3 Ijma' Ulama

Ibn Rusyd dalam kitabnya *Bidāyat al-Mujtahid* mengemukakan bahawa para ulama telah sepakat tentang bolehnya *syirkah al-'inān*, sedangkan *syirkah Mufāwadah*, *syirkah wujūh* dan *syirkah Abdān* masih berselisih pendapat antara para ulama tentang keharusannya.⁶⁵

64 Ahmad bin Alī bin Hajar al-Asqalānī (t.t), *Fath al-Bārī fī syarh Sahīh al-Bukharī*, juz 5, Saudi: Dār al-Salām. H 161

65 Ibn Rusyd (t.t), *Op.cit.*

2.2 Syarat dan Rukun *Syirkah*

Dalam melakukan *syirkah*, syarat dan rukun mesti dipenuhi, sehingga *syirkah* tersebut dapat dinyatakan benar dan dapat diterima.

2.2.1 Syarat *Syirkah*

Adapun syarat umum *syirkah* menurut Hanāfiyyah adalah seperti berikut:

- i. Perkongsian tersebut merupakan transaksi yang boleh di wakilkan
- ii. Pembahagian keuntungan untuk kedua-dua rakan kongsi perlu dijelaskan nisbahnya (peratusannya) ketika berlakunya akad.
- iii. Pembahagian keuntungan diambil dari hasil usaha harta syarikat bukan dari harta lain.⁶⁶

Sedangkan syarat khusus terhadap *syirkah* adalah modal yang diberikan dalam bentuk benda yang nyata dan dihadirkan baik pada saat akad mahupun pada saat menjual.⁶⁷ Syarat khusus ini memberi pengertian bahawa benda yang dijadikan modal mestilah benda yang nyata dan mesti dihadirkan pada saat akad berlangsung atau pada saat benda itu dijual.

2.2.2 Rukun *Syirkah*

Menurut jumhur ulama, rukun *syirkah* terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu:

- i. *Sighah* (Lafaz *ijāb* dan *qabūl*).

66 Kamāl al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd Wahāb al-Siwāsī (t.t), *Fath al-Qādir* juz. V, Beirut: Dār al- Fikr H. 5. lihat juga al-Zuhailī. *Op.cit.* H. 805.

67 ‘Abd al-Raḥmān al-Jazirī (t.t), *al-Fiqh ‘Ala Madhāhib al-Arba‘ah*, Juz III, Mesir: Dār Ihya al-Thurath al-Arabī, H.675 lihat juga al-Zuhailī, *ibid.*

Sighah ini sering juga disebut *ijāb* dan *qabūl*, yaitu adanya dua orang atau lebih yang berakad, seperti dikatakan oleh salah seorang di antara yang berkongsi, seperti ucapan: kita berkongsi pada barang ini dan saya izinkan kamu menjalankannya dengan jalan jual beli dan lain-lainnya. Kemudian dijawab oleh yang rakan kongsi yang lain: saya terima seperti yang kamu katakana itu. Dalam menjalankan *ijāb* dan *qabūl* ini tidak disyaratkan sama jenisnya atau banyaknya.⁶⁸

ii. Dua orang yang bersyarikat (rakan kongsi)

Iaitu adanya dua orang atau lebih yang bersyarikat. Orang yang bersyarikat itu disyaratkan seperti berikut:

iii. *Balīgh* (bukan kanak-kanak)

Dalam melakukan *syirkah* ianya memerlukan rakan kongsi, rakan kongsi tersebut disyaratkan sudah dewasa bukan kanak-kanak jika *syirkah* di lakukan oleh kanak-kanak maka *syirkah* itu batal.

iv. Berakal (bukan orang gila)

Disyaratkan orang yang bersyarikat itu orang yang berakal maksudnya ialah untuk menghindari timbulnya *gharar* (penipuan) dari rakan kongsi.

v. Merdeka (bukan hamba dan bukan orang dipaksa)

vi. Adanya benda yang disyarikatkan.

Benda atau barang yang disyarikatkan itu mesti ada pada saat akad *syirkah* berlaku atau pada saat jual beli di lakukan. Adapun berkaitan dengan percampuran harta *syirkah*, jumbuh ulama termasuk didalamnya Hanafiyyah, Malikiyyah dan Hanabilah menyatakan bahawa tidak disyaratkan adanya percampuran dalam barang *syirkah*.⁶⁹

68 Abī al- Mawāhib'Abd al- Wahāb bin Aḥmad al- Anṣarī (t.t), *al-Mizan al-Kubra*, Juz I, Beirut, Lebanon: Dār al-Fikri, H. 134

69 *Ibid*, lihat Syams al-Dīn al-Sarakhsī (t.t) *Op.cit.* H. 177. lihat juga Ibn Rusyd, *Op.cit.* H. 250. kemudian lihat juga Kamāl al-Dīn Muhammad bin'Abd Wāhid al-Siwāsi. *Op.cit* H. 24.

Dari uraian-uraian yang telah dipaparkan di atas dapat disimpulkan bahawa untuk sahnya *syirkah* hendaklah memenuhi syarat dan rukunnya, dengan demikian dalam menjalankan atau melaksanakan *syirkah* dapat terlepas dari keraguan akan kesalahannya.

2.2.3 Pembahagian *Syirkah*

Syirkah pada dasarnya terbahagi kepada dua kategori besar iaitu⁷⁰;

3.2.1. *Syirkah Amlāk*

3.2.2. *Syirkah 'Uqūd*.

Syirkah Amlāk adalah hak milik, *syirkah* ini disebut juga dengan nama *syirkah ijbāriyyah* (paksaan) sedangkan *syirkah 'Ukūd* adalah *syirkah* berdasarkan transaksi, *syirkah* ini disebut juga dengan *syirkah Ikhtiyāriyyah* (suka rela).⁷¹

i. *Syirkah Amlāk*

Menurut bahasa *syirkah Amlāk* ialah akad yang terjadi antara dua orang atau lebih yang mempunyai hak milik atas sesuatu harta tanpa adanya transaksi kerjasama terlebih dahulu.⁷² Contohnya, beberapa orang ahli waris yang mendapat harta pusaka dari ibu atau bapanya yang meninggal dunia. *Syirkah* ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

a. *Syirkah Ikhtiyāriyyah* iaitu *syirkah* yang terjadi oleh perbuatan dua pihak yang bekerjasama manakala kedua-duanya membeli, diberi atau di warisi sesuatu yang keduanya menerimanya sehingga sesuatu itu menjadi milik bersama bagi kedua-duanya

70 Sayyid Sābiq. *Op.cit.* H. 310

71 Sayyid Sābiq, *op.cit.*, lihat juga al-Zuhailī, *op.cit.* H. 794.

72 al-Zuhailī, *ibid.*.

b. *Syirkah Ijbāriyyah* iaitu *syirkah* yang terjadi bukan oleh perbuatan dua pihak atau lebih, seperti dua orang yang mewarisi sesuatu sehingga dua orang tersebut sama-sama mempunyai hak milik atas harta pusaka tersebut.

ii. *Syirkah 'Uqūd*

Syirkah 'Uqūd adalah transaksi yang dilakukan oleh dua orang atau lebih untuk berkongsi dalam hal permodalan dan keuntungan.⁷³ Pembahagian jenis *syirkah 'uqūd* ini berbeza-beza di kalangan ulama.

Menurut Hanābilah, *syirkah 'uqūd* terbahagi kepada lima bahagian iaitu *syirkah al-'inān*, *syirkah mufāwadah*, *syirkah abdān*, *syirkah wujūh* dan *syirkah mudārabah*. Manakala Hanafiyyah *syirkah 'uqūd* terbahagi kepada enam macam iaitu *syirkah amwāl*, *syirkah a'mal*, *syirkah wujūh* dan setiap *syirkah* adakalanya *mufāwadah* dan adakalanya *al-'inān*. Menurut ulama *Amsār* (negeri-negeri besar) termasuk didalamnya Malikiyyah dan Syafi'iyah, *syirkah* terbahagi kepada empat bahagian iaitu *syirkah al-'inān*, *syirkah mufāwadah*, *syirkah abdān* dan *syirkah wujūh*.⁷⁴

Di sini penulis akan menerangkan keempat-empat jenis *syirkah* yang ada dalam *syirkah 'uqūd* iaitu :

iii. *Syirkah al-'Inān*

Syirkah al-'inān ialah perkongsian diantara dua orang atau lebih dalam menyediakan modal untuk melakukan perniagaan yang kedua-duanya bersetuju untuk membahagikan keuntungan atau menanggung kerugian diantara kedua-duanya.⁷⁵

73 'Abd al-Rahmān al-Jazīrī, *op.,cit* H. 83.

74 Ibn Rusyd, *op.,cit.*, juz II, H. 248. lihat juga al-Zuhailī, *op.,cit.*

75 'Abd al-Rahmān al-Jazīrī, *op.,cit* H. 84

iv. *Syirkah Mufāwadah*

Syirkah mufāwadah ialah perkongsian di antara dua orang atau lebih pada sesuatu perniagaan dengan syarat kedua-dua pihak memasukkan modal yang jumlahnya sama, agama yang sama, dan kedua-duanya mempunyai hak dan kewajipan serta kuasa yang sama atas perniagaan tersebut, setiap rakan kongsi adalah wakil bagi rakan kongsi yang lain dalam urusan perniagaan syarikat serta penjamin bagi rakan kongsi yang lain mengenai tanggungjawab dalam urusan perniagaan syarikat.⁷⁶

v. *Syirkah Wujūh*

Syirkah wujūh adalah perkongsian diantara dua orang atau lebih tanpa adanya modal yang kedua-duanya dengan membeli secara kredit kemudian menjualnya dengan bayaran tunai, dan mengumpul keuntungan untuk dibahagikan antara mereka⁷⁷.

vi. *Syirkah Abdān*

Syirkah abdān ialah perkongsian antara dua orang atau lebih dalam sesuatu pekerjaan yang kedua-duanya melakukan kerja tersebut kemudian hasil dari kerja yang dilakukan oleh mereka dibahagi diantara kedua-duanya.⁷⁸

Menurut mazhab imam Mālik, *syirkah* terbahagi kepada beberapa bahagian, diantaranya ialah *syirkah al-irāth* iaitu perkongsian pada harta pusaka kemudian bersetuju untuk mengurus bersama dengan tujuan mendapat keuntungan yang akan dibahagi sama rata, *syirkah al-ghanīmah* dan *syirkah al-Mutabain* iaitu gabungan sesuatu antara dua orang rakan kongsi atau lebih seperti berkongsi untuk membeli satu rumah atau barang lain.⁷⁹

⁷⁶ *Ibid.*

⁷⁷ *Ibid.* H. 85

⁷⁸ *Ibid*

⁷⁹ Mālik bin Anas al-Asbahi (t.t) *Muwatta` Imam Malik* juz. I, Cairo: Dār al-Ghad al-Jadīd, H. 427. Lihat juga 'Abd al-Rahmān al-Jazīrī, *Op.,cit.*, H. 69.

2.4 Kesimpulan

Dari huraian di atas dapat disimpulkan bahawa *syirkah* dibolehkan dalam hukum Islam berdasarkan kepada al-Qurān, hadith, dan ijma' ulama. Disebabkan *syirkah* banyak jenisnya maka ulamapun memberi bermacam-macam pendapat berkenaan dengan kebolehannya dari beberapa jenisnya.

BAB TIGA

KETENTUAN-KETENTUAN HUKUM DALAM *SYIRKAH AL-'INĀN*

Pendahuluan

Dalam bab ketiga ini penulis akan membahaskan secara terperinci tentang ketentuan-ketentuan hukum khususnya dalam *syirkah al-'inān*, serta pendapat-pendapat dari ulama yang muktabar, walaupun dalam bab ini penulis hanya memfokuskan berkenaan *syirkah al-'inān* namun demikian penulis juga akan menghuraikan tentang *syirkah-syirkah* yang lain serta hukum-hukumnya supaya lebih jelas dan dapat di buat perbandingan antara *syirkah-syirkah* yang dibahaskan dalam kitab-kitab fiqh yang ada sekarang.

3.1 Maksud *Syirkah al-'Inān* dan Dasar Hukumnya

3.1.1 Pengertian *Syirkah al-'Inān*

Sebagaimana yang telah penulis huraikan dalam bab sebelumnya, bahawa *syirkah* terbahagi kepada banyak jenisnya dan beracam-macam ulasan yang diberikan oleh para ulama. Namun demikian secara umumnya *syirkah* itu terbahagi kepada empat macam, *syirkah mufāwadah*, *syirkah al-'inān*, *syirkah wujūh* dan *syirkah abdān*. Dalam pembahasan ini penulis hanya membahas dan mengkaji *syirkah al-'inān* sebagai topik pembahasan yang penulis kaji.

Syirkah al-'inān menurut bahasa bermaksud berkongsi pada sesuatu benda.⁸⁰

Sedangkan erti *syirkah al-'inān* menurut istilah, penulis akan merujuk berdasarkan kepada pendapat beberapa ulama yang muktabar.

Syirkah al-'inān menurut istilah sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Sayyīd Sābiq dalam kitabnya *Fiqh al-Sunnah* adalah persekutuan dalam urusan harta oleh dua orang atau lebih bahawa mereka akan mengurus niaga dengan keuntungan dibahagi dua.⁸¹

Menurut al-Siwasī dalam kitabnya *Fatḥh al-Qadīr* dinyatakan bahawa *syirkah al-'inān* ialah :

هي ان يشترك اثنان في نوع بر او طعام او يشتركان في عموم

التجارات

Ertinya :

Perkongsi antara dua orang dalam macam-macam biji gandum atau bahan makanan atau juga perkongsi dua orang dalam jual beli secara umum.⁸²

Syirkah al-'inān menurut 'Abd al-Rahmān al-Jazirī dalam kitabnya *Fiqh al-Islam 'ala Madhāhibil al-Arba'ah* ada beberapa macam pengertian, antara lain seperti berikut :

Menurut Mazhab Hanāfī, *syirkah al-'inān* adalah berkongsinya dua orang atau lebih pada satu macam dari beberapa macam perniagaan seperti gandum atau kapas, atau berkongsi pada seluruh perniagaan.⁸³

80 Muhammad Yunus, (1989) *Kamus Arab – Indonesia*, Jakarta, P.T. Hidakarya Agung, H. 281.

81 Sayyīd Sābiq, (1987), *op.cit.*, H. 176.

82 Kamāl al-Dīn Muḥammad bin 'Abd Wahāb al-Siwasī, (t.t), *Op.Cit* H. 6.

83 'Abd al-Rahmān al-Jazirī, (t.t) *op.cit.* H. 64.

Menurut Mazhab Mālikī, *syirkah al-'inān* adalah berkongsinya dua orang supaya salah seorang dari mereka tidak melakukan sesuatu kecuali dengan izin dari rakan kongsinya.⁸⁴

Menurut Mazhab Hanbālī, *syirkah al-'inān* adalah berkongsinya dua orang atau lebih pada harta agar mereka bersama-sama memajukannya dan keuntungan yang mereka perolehi akan dibahagi antara mereka sesuai dengan perjanjian yang telah mereka setujui, atau berkongsinya dua orang atau lebih pada beberapa harta mereka agar salah seorang dari mereka saja yang melakukan pekerjaan dengan perjanjian bahawa bagi yang melakukan pekerjaan tadi akan memperoleh bahagian keuntungan yang lebih banyak daripada keuntungan dari hasil perniagaan mereka.⁸⁵

Menurut Mazhab al-Syafi'ī *syirkah al-'inān* ialah pernyataan tentang perjanjian antara dua orang atau lebih untuk berkongsi dalam sesuatu modal harta untuk diniagakan dan keuntungannya akan dibahagi antara mereka sesuai dengan modal yang mereka laburkan dengan syarat-syarat yang telah ditentukan.⁸⁶

Adapun pengertian *syirkah al-'inān* yang telah disepakati oleh ulama Ḥanafiyyah, Syafi'iyah, Zaidiyyah, Ja'fariyyah, Zahiriyyah dan Ḥanābilah sebagaimana yang dihuraikan oleh Wahbah al-Zuhailī dalam kitabnya *Fiqh al-Islam wa Adillatuhu* seperti berikut :

شركة العنان هي ان يشترك اثنان في مال لهما على ان يتجر فيه

والربح بينهما

84 Malik bin Anas (t.t) *al-Mudawwanah al-kubra*, jil.5, Beirut: Dār Sādir H 40-41

85 Abū al-'Abbas Taqī al-Dīn Ahmad (t.t) *al-Fatawa al-kubrā*, Beirut: Dār Ma'rifah H. 473

86 Muhammad bin Idris al-Syafi'ī (t.t), *al-Umm Op.cit.*, H.207 .

Ertinya ;

Syirkah al- 'inān adalah dua orang yang berkongsi dalam permodalan untuk melakukan sesuatu urusanniaga dan keuntungan dari perniagaan tersebut akan dibahagi antara kedua-duanya.⁸⁷

Dengan demikian jelaslah bahawa pengertian *syirkah al- 'inān* sebagaimana yang telah disepakati oleh para ulama di atas adalah perkongsian yang dilakukan oleh dua orang atau lebih dalam hal permodalan untuk melakukan perniagaan dengan sama-sama memperolehi keuntungan atau sama-sama menanggung resiko kerugian.

3.1.2 Dasar Hukum *Syirkah al- 'Inān*

Hukum Islam merupakan ketentuan hukum yang berasal dari Allah S.W.T. melalui petunjuk-petunjuk yang telah diturunkanNya baik melalui al-Qur`ān mahupun melalui hadith atau juga melalui penyelidikan yang telah dilakukan oleh para ulama. Bagi umat Islam, memperolehi atau mendapatkan kepastian hukum merupakan jalan yang lurus sehingga dapat membuat umat Islam tenang dalam menjalankan aktiviti harian mereka. Demikian juga halnya dengan *syirkah al- 'inān* ini. Agar umat Islam dapat menjalankan dan melaksanakan *syirkah al- 'inān* dalam kehidupan seharian dengan tenang, baik dan benar maka tuntunan dan kepastian hukum mengenainya mestilah juga telah diselesaikan sehingga hukum *syirkah al- 'inān* dapat diambil dan didirujuk dari sumber hukum Islam yang utama, baik dari al-Qur`ān mahupun dari hadith nabi Muhammad SAW.

Dalam konteks hukum Islam, *syirkah al- 'inān* merupakan salah satu bentuk *syirkah* yang hukumnya dibolehkan atau diharuskan dengan bersumberkan kepada

87 al-Zuhailī (1989), *op.cit.*, H. 729.

hadith-hadith nabi Muhammad SAW serta ijma' para ulama. Hadith Riwayat Abū Dāwūd:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ يَقُولُ أَنَا ثَالِثُ
الشَّارِكَيْنِ : مَا لَمْ يَخُنْ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ فَإِذَا خَانَهُ خَرَجْتُ مِنْ بَيْنِهِمَا
(رواه أبو داود)

Ertinya:

Dari Abū Hurairah R.a. berkata Rasulullah SAW sesungguhnya Allah berfirman “Aku adalah pihak ketiga dari dua orang yang berkongsi selama salah seorang dari mereka tidak mengkhianati kawan yang lain. Jika mengkhianati maka aku keluar dari kedua-duanya. (Hadith riwayat Abū Dawūd).⁸⁸

Hadith di atas diakui shahih oleh Imām Hākim dan untuk lebih terang penulis akan jelaskan satu persatu tentang kalimat-kalimat yang terdapat dalam hadith tersebut di atas, kalimat “aku adalah pihak ketiga dari dua orang yang berkongsi” maksudnya adalah bahawa sesungguhnya Allah dan segala kebesarannya akan memberikan atau menurunkan keberkatan kepada harta dan kepada orang yang berkongsi yang tidak mengkhianati rakan kongsinya dan Allah juga akan menjaga dan memelihara harta mereka⁸⁹

Selanjutnya kalimat “maka aku akan keluar dari kedua-duanya” ertinya ialah bahawa Allah akan mengangkat berkahNya dari harta mereka. Kalau menurut riwayat Daruqutni berbunyi: Apabila salah seorang dari rakan kongsinya mengkhianati rakan kongsinya yang lain maka Allah akan mengangkat berkah dari keduanya.⁹⁰

88 Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd*, op.cit.

89 *Ibid.*.

Hadith di atas merupakan landasan atau rujukan tentang keharusan *syirkah al-'inān*, kerana hadith ini menurut riwayatnya memang ditujukan kepada *syirkah* dalam bentuk kerjasama baik dalam urusan penyediaan modal mahupun kerjasama dalam hal kerja yang kemudiannya di kenali dengan nama *syirkah al-'inān*.⁹¹ Sehingga para ulama mazhab merujuk kepada hadith yang diriwayatkan oleh Abū Dāwūd ini untuk membuktikan keharusan hukum *syirkah al-'inān* dalam hukum Islam.

Dalam konteks hukum Islam sumber hukum Islam mempunyai hirarki atau tingkatan-tingkatan di mana tingkatan tersebut menentukan kuat atau lemahnya posisi sesuatu ketetapan hukum yang ada. Sebagaimana yang telah penulis sampaikan di atas bahawa salah satu sumber hukum dan landasan hukum bagi kebolehan *syirkah al-'inan* adalah hadith riwayat Abū Dāwūd. Sedangkan untuk dasar hukum kedua yang memperkuat kedudukan *syirkah al-'inan* ini dalam hukum Islam adalah ijma' ulama.

Dalam *fiqh al-Islam wa Adillatuhu* karangan al-Zuhailī ditegaskan bahawa sesungguhnya kebolehan *syirkah al-'inān* ini sudah merupakan suatu ijma',⁹² walaupun pada kenyataannya para ulama masih berbeza pendapat pada sebahagian syarat-syaratnya.

Ketetapan hukum ini tentu sahaja telah menjadikan *syirkah al-'inān* suatu produk hukum yang jelas landasan hukumnya dan cukup kuat kerana didukung oleh dua sumber hukum yang kuat pula hujjahnya, sehingga ketika sampai pada peringkat praktik di lapangan, umat Islam dapat menjalankan dan melaksanakan konsep *syirkah al-'inān*

90 *Ibid*

91 Taqiu al-Dīn Abū Bakr ibn Muḥammad al-Ḥusainī, (1978), *op.cit.* H. 210

92 Al-Zuhailī. *Op.cit.* lihat juga Sayyīd Sābiq, *op.cit.* H. 176.

menjadi suatu langkah maju dalam mengembangkan ajaran syariat Islam melalui praktik muamalat yang Islami serta diridhai oleh Allah S.W.T

Perlu diperhatikan bahawa disyariatkannya *syirkah al-'inān* melalui hadith dan ijma' ulama semata-mata ditujukan untuk membantu umat manusia dalam menjalani kehidupan dalam suasana saling tolong- menolong dan saling percaya-mempercayai serta jauh dari sifat khianat-mengkhianati, kerana dalam hadith dan ijma' di atas selain membuktikan kebolehan *syirkah al-'inān* tetapi juga mengandungi ancaman bahawa Allah akan mencabut berkat bagi orang yang menjalankan *syirkah al-'inān* secara khianat.

3.2 Pendapat Ulama Tentang Kebolehan *Syirkah al-'Inān*.

Dalam hal *syirkah al-'inān* memang para ulama telah sepakat bahawa hukumnya boleh dan sah untuk di laksanakan dengan berlandaskan kepada hadith dan ijma' ulama sebagaimana yang telah penulis paparkan di atas. Namun demikian para ulama jelas berbeza pendapat dalam *syirkah* yang lain misalnya Syafi'iyah, Zahiriah dan Imamiyyah berpendapat bahawa segala jenis *syirkah* tidak diperbolehkan kecuali *syirkah al-'inān* dan *syirkah muḍārabah*.⁹³

Hanābilah menghalalkan semua jenis *syirkah* kecuali *syirkah mufāwāḍah*.⁹⁴ Sedangkan Mālikiyyah memperbolehkan semua jenis *syirkah* kecuali *syirkah wujūh* dan *syirkah mufāwāḍah*.⁹⁵ Hanafiyyah dan Zaidiyyah memperbolehkan semua jenis *syirkah* asalkan memenuhi segala persyaratan yang telah ditetapkan.⁹⁶

93 Al-Zuhailī. *Ibid.*

94 Abū al-'Abbas Taqī al-Dīn Ahmad(t.t). *Op,cit.*

95 Malik bin Anas (t.t) *al-Mudawwanah al-Kubra. Op,cit.*

Dari huraian di atas nampak jelas bahawa pada dasarnya semua ulama mazhab terkemuka berpendapat bahawa *syirkah al-'inān* hukumnya boleh, sedangkan untuk jenis *syirkah mufāwadah*, *syirkah wujūh* dan *syirkah* yang lain selain *syirkah al-'inān* sebahagian ulama tidak menghalalkannya untuk dilaksanakannya, hanya Ḥanafiiyyah dan Zaidiyyah sahaja yang memberi kelonggaran terhadap *syirkah* dengan memberikan ketentuan hukum iaitu membolehkan bagi semua jenis *syirkah* asalkan memenuhi persyaratan, iaitu terpenuhi syarat-syarat untuk melakukan *syirkah* sebagaimana yang telah penulis paparkan dalam bab terdahulu.

Pengertian *syirkah al-'inān* yang disepakati oleh jumbuh ulama termasuk dalamnya ulama Hanafiiyyah, Syaifiyyah, Zaidiyyah, Ja`fariyyah, Zahiriyyah dan Ḥanābilah sebagaimana yang dinyatakan oleh Wahbah al-Zuhailī dalam kitabnya *Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* sebagai berikut:

Syirkah al-'inān adalah dua orang atau lebih yang berkongsi dalam permodalan untuk melakukan perniagaan dan akan berkongsi keuntungan serta menanggung kerugian bersama.⁹⁷

Dari pengertian yang disampaikan di atas, penulis dapat mengambil kesimpulan bahawa pengertian *syirkah al-'inān* yang disepakati oleh jumbuh ulama adalah bentuk *syirkah* yang terdiri dari dua perkara iaitu perkara pertama adalah modal dan yang kedua ialah kerja.

Dalam Kamus Dewan, modal ialah wang atau harta benda yang dipergunakan sebagai pangkal atau pokok untuk berniaga.⁹⁸ Kedua perkara yang tersebut di atas baik

96 Abu Yusuf (t.t) *al-Kharāj*. *Op.cit.*

97 Al-Zuhailī. *Op.cit*

modal mahupun kerja dalam *syirkah al-'inān* wujud secara serentak iaitu kedua-dua pihak yang berkongsi sama-sama mempunyai modal dan sama-sama setuju untuk melakukan kerja khususnya dalam bidang perniagaan. Kedua perkara inilah yang menjadi titik tolak pertentangan di antara para ulama mengenai mengapa di tolaknya *syirkah* lain selain *syirkah al-'inān* kerana dalam *syirkah* selain *syirkah al-'inān* kedua perkara ini kadang-kadang terpisah, berdiri sendiri bahkan kadang-kadang salah satunya tidak ada, sebagai contoh, penulis mengambil pendapat Imam Syafi'ī yang hanya menerima *syirkah al-'inān* dan *syirkah mudhārabah* sahaja dan menolak semua jenis *syirkah* yang lain termasuk *syirkah mufāwadah*, *wujūh*, *abdān* dan *syirkah* yang lainnya. Dalam kitab al-Umm, Imām Syafi'ī menolak *syirkah* yang lain selain *syirkah al-'inān* kerana dalam *syirkah* tersebut terkandung unsur ketidakpastian atau penipuan dan ketidakjelasan sebagaimana yang tertulis dalam kitab tersebut di atas seperti berikut:

Kerana didalamnya (*syirkah mufāwadah*) terkandung keraguan yang besar dan ketidakjelasan.⁹⁹

Oleh demikian penulis dapat menyimpulkan bahawa *syirkah al-'inān* merupakan *syirkah* yang selamat dan jauh dari adanya penipuan, ketidakpastian dan ketidakjelasan. Dalam *syirkah al-'inān* ini kedua-dua unsur, baik unsur modal mahupun kerja digabungkan secara bersama-sama oleh kedua-dua pihak sehingga kedua-dua pihak mempunyai tanggung jawab yang sama dan seimbang.

Di samping itu juga sehingga menjadi alasan utama para ulama bagi membolehkan *syirkah al-'inān* adalah kerana dalil hadith riwayat Abū Dāwūd yang menjadi alasan dibolehkannya *syirkah* dalam hukum Islam yang ditujukan kepada *syirkah al-'inān* serta dengan adanya ijma' ulama yang pada dasarnya semua ulama

98 Teuku Iskandar (1989), *Kamus Dewan Edisi Baru*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, H. 832.

99 Muḥammad bin Idrīs al-Syafi'ī, (t.t), *op.cit* H. 207.

mazhab menbolehkan dan menetapkan bahawa *syirkah al-'inān* suatu bentuk *syirkah* yang dibolehkan secara mutlak dalam hukum syariat.

3.3 Konsep Untung Dalam Perniagaan

Schumpeter dalam bukunya yang bertajuk *The Theory of Economic Development* yang meletakkan penekanan terhadap perubahan teknologi yang ditunjukkan oleh para pelaku perubahan dalam menjana dan membangunkan ekonomi. Menurut beliau, pembuat perubahan disini adalah para pengusaha dan untung yang diperolehi merupakan ganjaran kepada mereka¹⁰⁰, Namun demikian, Schumpeter mendapati bahawa fungsi pembaharuan berdasarkan tanggapan beliau ini ternyata telah lama di institusikan ke dalam himpunan idea-idea yang telah usang¹⁰¹. Walaupun begitu, Schumpeter didapati terus berusaha menghubungkan untung ke dalam fungsi pengeluaran¹⁰².

Siti Rohani Yahya mendefinisikan untung sebagai baki yang tertinggal yang diperolehi oleh pengusaha setelah ia membayar dan menyelesaikan segala kos perbelanjaan dalam menjalankan perniagaan¹⁰³. Dari sudut teori, baki daripada pendapatan yang telah ditolak perbelanjaannya maka baki tersebut adalah dianggap sebagai untung. Beliau menyatakan juga bahawa dalam ekonomi terdapat juga konsep untung yang turut mempunyai pengertian tertentu yang boleh dibahagikan kepada

100 Schumpeter, J.A (1934), *The Theory of Economic Development*, c- iv, Cambridge: Harvard University Press, h 235.

101 *Ibid.*

102 *Ibid.*

103 Siti Rohani Yahya, (1988), *Konsep Asas Ekonomi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka., H. 294

untung normal, untung kurang normal, untung lebih normal, untung monopoli dan untung yang tidak dibahagikan¹⁰⁴.

Untung juga memainkan beberapa peranan atau fungsi ekonomi yang penting¹⁰⁵ iaitu:

i. Menggiatkan serta menggalakkan pelaburan.

Segala pelaburan yang dilakukan, lazimnya bertujuan untuk memperolehi keuntungan.

ii. Menggerakkan penggunaan punca-punca keluaran ke tahap optimum.

Jika keuntungan yang tinggi diperolehi dalam sesebuah perniagaan, maka sebab-sebab tersebut akan menyebabkan pelabur-pelabur baru akan akan bergabung atau melabur dalam perniagaan tersebut.

iii. Untung membawa kepada kecekapan dan dianggap sebagai petunjuk kepada kecekapan dan keadaan ini membuatkan pengusaha akan memilih teknik-teknik pengeluaran yang paling cekap.

Kemudian, Gaffar Abdalla Ahmed berpendapat bahawa untung sebagai darah daging sesebuah firma. Kelangsungan dan penyempurnaan sesebuah firma keseluruhannya sangat bergantung kepada untung, kerugian berterusan akan mengurangkan asetnya. Kadar untung yang tinggi akan membolehkan pihak bank meransangkan modal dengan kaedah yang betul, di samping merupakan petunjuk kepada pihak pelabur, peminjam dan pelanggan bahawa bank masih berdaya maju¹⁰⁶.

104 *Ibid.*,

105 *Ibid.*,

106 Gaffar Abdalla Ahmed, (2003), *The Lack of Profit and Loss Sharing Performance: The Efficiency of Islamic Financing Methodes In Sudanese Banks (1993-1999)* Kertas kerja International Banking Conference di Monash University H 13.

3.4 Untung Menurut Perspektif Islam

Sebelum penulis mengemukakan pendapat ulama mengenai laba atau untung dalam *syirkah al-'inān* sebagaimana berkaitan erat dengan penulisan disertasi ini, penulis merasa perlu untuk terlebih dahulu mengetengahkan takrif laba atau untung.

Perkataan laba menurut Kamus Dewan diertikan dengan keuntungan daripada perniagaan, perdagangan atau pelaburan lawannya rugi.¹⁰⁷ Dan disebut juga keuntungan yang diperolehi dari usaha perniagaan.

Adapun menurut istilah bahasa Arab, laba yang juga dikenali dengan istilah profit disebut dengan *al-riḥ* (الربح)¹⁰⁸ sedangkan menurut bahasa *al-riḥ* diertikan dengan *al-maksab* (المكسب)¹⁰⁹ yang ertinya adalah keuntungan.

Pengertian laba dalam konteks ekonomi Islam sebagaimana termaktub dalam kitab *al-Mu'jam al-Wasīf* adalah seperti berikut:

Laba menurut ilmu ekonomi adalah perbezaan antara harga modal dengan harga barang yang dijual.¹¹⁰

Pengertian laba dalam konteks ekonomi Islam di atas menunjukkan bahawa apa yang dimaksud dengan laba adalah perbezaan harga sesuatu barang yang dijual dengan harga asal atau modal, misalnya sebuah rumah yang dibeli seseorang bernilai

107 Teuku Iskandar (1989), *op.cit.*, H. 687.

108 Munir Ba'albaki, (1973), *al-Maurid, edisi ke enam*, Beirut: Dār al-'Ilmi li al-Malayen, H. 727.

109 'Abd al-Salām Harūn, (t.t), *al-Mu'jam al-Wasīf*, Juz I Taهران: al-Maktabah al-Ilmiyyah, hlm 322. lihat juga Louis Malout, (1986), *al-Munjid fi al-Lughat*, Cetakan XI, Beirut, Lebanon: al-Maktabah al-Syafi'iyah, H. 244.

110 *Ibid.* H. 245

RM 100.000. kemudian rumah tersebut dijual kembali dengan harga RM 120.000, perbezaan harga modal dengan harga jual ialah RM 20.000. maka RM 20.000 itulah disebut dengan laba atau untung.

Adapun pengertian laba secara umum yang termaktub dalam *al-Mu'jam al-Wasīf* adalah seperti berikut:

Laba secara umum adalah setiap keuntungan yang dihasilkan oleh yang berusaha sebagai tambahan dari modalnya dan balasan atau upah dari usahanya.¹¹¹

Keuntungan dalam perniagaan adalah tujuan utama yang ingin dicapai oleh setiap pengusaha kerana laba dalam sebuah syarikat merupakan ukuran kemajuan usaha, dengan adanya keuntungan tersebut maka perniagaan akan terus berkembang sehingga produktivitiya dari masa kesemasa akan terus meningkat.

Dalam disertasi ini, penulis merasa sangat perlu untuk mengkaji pengertian laba yang diperolehi dalam *syirkah al-'inān* menurut pandangan atau pendapat para ulama mazhab kerana hal itu berkaitan dengan kepastian hukum dan jaminan keadilan bagi rakan kongsi yang bersyarikat dan penulis hanya menfokuskan yang berkaitan dengan *syirkah al-'inān* sehingga dengan adanya kepastian hukum yang ditentukan oleh para ulama maka ianya akan menjadi panduan atau rujukan kepada para pengusaha yang bersyarikat kalau terjadi perselisihan atau pertikaian antara rakan kongsi mengenai konsep pembahagian keuntungan.

Ahli Tafsir kebanyakan mereka secara umum membuat penafsiran untung berpandu kepada Sūrah al-Baqarah ayat ke 16 yang bermaksud:

¹¹¹ *Ibid.*

Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan petunjuk, maka tidak beruntunglah perniagaan mereka dan tidaklah mereka mendapat petunjuk. (Sūrah al-Baqarah 2:16)

Untung memberi maksud penambahan atau lebih ke atas modal dasar. Imam al-Tabari berpendapat, keuntungan daripada para peniaga ialah pertukaran daripada suatu barangan yang dimiliki sama ada nilai pertukaran itu sama atau melebihi harga belian barangan tersebut. Sekiranya nilai pertukaran itu kurang daripada harga beliannya maka ia dianggap rugi.¹¹²

Beliau turut menjelaskan bahawa keuntungan yang diperolehi itu wujud ketika terjadinya pertukaran antara harga dengan barangan keluaran sama ada nilai tukaran itu sama ataupun melebihi harga belian tersebut. Keuntungan barang perniagaan pula ialah hasil daripada pertukaran harta, iaitu apabila ia berpindah milik dengan cara akad jual beli.¹¹³

Kemudian Imam al-Alusī menerangkan bahawa keuntungan adalah usaha untuk memperoleh kelebihan modal melalui modal, dalam istilah fiqh disebut dengan *taḥsīl al ziādah `ala rais al-māl*.¹¹⁴

Manakala Rasyid Riḍa pula dalam Tafsir al-Manar menjelaskan bahawa mereka orang-orang yang munafik itu lebih suka memilih sesat daripada petunjuk demi sesuatu untung yang mereka yakini dapat diperolehi daripada orang lain caranya ialah melalui pertukaran iaitu pertukaran antara kedua-dua pihak dengan harapan mendapat keuntungan.¹¹⁵

¹¹² Abū Jāfar ibn Jarīr al-Tabarī (1975), *Jami' al-Bayān fī Tafsīr al-Qur`ān al-Karīm*, Beirut: Dār al-Ma`rifah. H. 220

¹¹³ *Ibid.*

¹¹⁴ Abū al-Faḍl Shihāb al-Dīn Maḥmūd Al-Alusī (t.t), *Ruḥ al-Ma`āni fī Tafsīr al-Qur`ān al-Karīm*, Dār al-Fikr. H. 87

¹¹⁵ Muḥammad Rasyīd Riḍā (t.t), *Tafsīr al-Manar*, Kaherah: Hajah al-Misriyyah al-Ammah. H. 56

Oleh yang demikian, makna ayat di atas seolah-olah menyatakan bahawa tidak ada penambahan dalam perniagaan mereka dan mereka tidak memperoleh petunjuk dalam perniagaan tersebut kerana mereka telah menjual petunjuk dengan kesesatan.

Kesimpulan daripada pendapat ulama-ulama tafsir di atas dapat disimpulkan, bahawa tujuan sesuatu perniagaan ialah untuk mendapatkan keuntungan daripada perniagaan mereka. Dalam surah al-Baqarah ayat ke 16 itu pada hakikatnya ialah lebih menyentuh tentang perbuatan orang-orang munafik yang cenderung mensia-siakan modal yang utama iaitu petunjuk dan mereka lebih suka memilih kesesatan demi mencapai kesenangan duniawi.

3.5 Pendapat Ulama Tentang Konsep Pembahagian Laba (Keuntungan) Dalam *Syirkah al- 'Inān*

Syirkah merupakan suatu bentuk usaha kerja yang tujuannya ialah untuk mencari atau ingin memperolehi laba atau keuntungan. Dalam hukum Islam untuk memperolehi laba tidak dilarang bahkan digalakkan tetapi mestilah berada dalam konteks tidak saling menzalimi antara satu sama lain kerana dalam Islam sangat menitikberatkan kejujuran dan keadilan dan saling hormat-menghormati terhadap usaha dan kerja rakan kongsi.

Oleh demikian, dalam aturan hukum Islam seorang muslim mesti tahu bagaimana cara dan jalan yang ditempuh untuk mendapatkan atau memperolehi laba dalam suatu perniagaan serta mestilah tetap memperhatikan dan mempertahankan

etika dan akhlak dalam beriaga dengan sentiasa memegang teguh kepada prinsip-prinsip bermuamalat berdasarkan kepada aturan-aturan dasar al-Qur`ān dan sunnah Nabi SAW.

Sebagaimana yang telah penulis huraikan dalam bab terdahulu bahawa pengertian *syirkah al-'inān*, para ulama memberikan erti yang berlainan sesuai dengan pandangan dan latar belakang mazhabnya.

Menurut Imam al-Syafi`ī, penulis mengutip pandangan tersebut dalam kitab *al-Umm* seperti berikut:

Syirkah al-'inān adalah adanya dua orang atau lebih yang melakukan akad untuk berkongsi dalam hal harta benda bagi perniagaan dengan keuntungan di bahagikan antara rakan kongsi mengikut nisbah modal masing-masing dengan syarat-syarat tertentu.¹¹⁶

Makna *syirkah al-'inān* yang menurut Imam Syafi`ī di atas nampak jelas bahawa Imam Syafi`ī sendiri dalam menerangkan makna *syirkah al-'inān* telah memasukkan tentang cara-cara pembahagian laba, yang secara tegas menyatakan bahawa keuntungan mesti dibahagikan berdasarkan nisbah modal masing-masing, ini merupakan isyarat tegas bahawa menurut Imam Syafi`ī laba dan wajib dibahagikan berdasarkan nisbah modal dari kedua-dua pihak tanpa memasukkan unsur lain selain unsur kerja kerana dalam pengertian di atas terdapat unsur kerja iaitu bergabungnya kedua-dua pihak untuk melakukan kerja iaitu berniaga. Namun demikian, Imam Syafi`ī menegaskan bahawa unsur modal merupakan asas pertimbangan dalam menentukan jumlah laba yang akan diperolehi oleh setiap rakan kongsi kerana kedua-dua pihak sudah mempunyai pembahagian kerja yang jelas dan mempunyai tanggungjawab masing-masing sesuai dengan perjanjian pada masa *akad syirkah* berlaku, kerana

116 Muhammad bin Idris al-Syafi`ī (t.t), *al-Umm op.cit.* H.206.

syirkah pada dasarnya adalah suatu bentuk kerjasama atau perkongsian baik berkongsi dalam hal kerja mahupun berkongsi dalam hal keuntungan dan kerugian.¹¹⁷

Dalam *syirkah al-'inān*, Imam Syafi'ī tidak mensyaratkan di dalam akad *syirkah al-'inān* ukuran banyaknya harta yang ingin disyarikatkan, jika harta yang akan disyarikatkan itu sama jenisnya dan jumlahnya sama maka tidak boleh disyaratkan keuntungan yang lebih banyak terhadap salah seorang rakan kongsi serta tidak boleh juga disyaratkan pekerjaan yang lebih banyak terhadap salah seorang rakan kongsinya itu.¹¹⁸

Jika disyaratkan bahawa salah satu di antara rakan kongsi akan memperoleh keuntungan lebih dari rakan kongsi yang lain sedangkan harta yang disyarikatkan sama jenis dan jumlahnya atau disyaratkan terhadap salah satu pihak bahawa pekerjaannya lebih banyak dari rakan kongsi yang lain maka *syirkahnya* itu menjadi tidak sah atau batal.¹¹⁹

Paparan di atas menunjukkan ketegasan mazhab Syafi'ī dalam menentukan hal pembahagian keuntungan atau kerugian mestilah sesuai dengan jumlah modal yang dimasukkan oleh kedua-dua pihak kerana adakalanya dua orang yang berkongsi memulakan usaha dengan jumlah modal yang sama dan adakalanya jumlah modal tidak sama di antara salah satu rakan kongsi dengan demikian pembahagian keuntungan atau kerugian mestilah berdasarkan pada jumlah, jenis dan macam harta yang dimasukkan oleh setiap rakan kongsi untuk di jadikan modal dalam *syirkah al-'inān*.

117 *Ibid.*

118 *Ibid.*

119 Abī al-Mawāhib 'Abd al-Wahāb bin Ahmad al-Anṣārī, (t.t), *Op.cit.*

Lebih lanjut Imam al-Syirāzi dalam kitabnya *al-Muhadhdhab fī Fiqh Imami*

al- Syafi'ī menerangkan seperti berikut :

Keuntungan dan kerugian mesti dibahagikan berdasarkan nisbah modal masing-masing dari kedua-dua mereka yang berkongsi kerana laba bertambah bersama harta kedua-duanya dan rugi mengurangi harta kedua-duanya. Maka laba dan rugi didasarkan pada nisbah modal, dan jika disyaratkan kelebihan laba atau rugi kepada salah seorang rakan kongsi sedangkan modalnya sama jumlahnya atau pembahagian laba atau rugi dibahagikan sama tetapi modal salah seorang rakan kongsi lebih banyak dari rakan kongsi yang lain maka *akad syirkahnya* tidak sah.¹²⁰

Huraian di atas menegaskan bahawa dalam *syirkah al- 'inān* pembahagian laba atau rugi didasarkan hanya kepada nisbah modal masing-masing. Dalam hal ini jika ternyata kedua-dua pihak mensyaratkan kepada salah seorang di antara mereka akan mendapatkan laba lebih banyak dari pihak lain sedangkan jumlah modal mereka sama, maka menurut mazhab Syafi'ī *akad syirkah* tersebut menjadi batal atau tidak sah.¹²¹

Hal ini dikemukakan kerana pada dasarnya jika salah seorang memperoleh keuntungan lebih dari salah seorang dari kedua-duanya maka akan berkurangnya laba kepada pihak yang lain, dengan demikian, perbuatan tersebut dianggap telah menzalimi rakan kongsi yang lain.

Pendapat ulama mazhab yang lain yang bersetuju dengan pandangan Imam Syafi'ī ialah Imam Mālik, hal ini dapat dilihat dalam ungkapan berikut :

Imam Mālik berkata: Termasuk syarat sahnya *syirkah al- 'inān* ialah pembahagian keuntungan dan kerugian mesti berdasarkan kepada nisbah modal kedua belah pihak kerana laba dalam *syirkah* ini mengikut kepada harta (modal), dengan dalil bahawa sesungguhnya sah akad *syirkah* berdasarkan kepada pembahagian laba dan tidak boleh merubahkannya dengan suatu syarat yang lain.¹²²

120 Imam al-Syirāzi, (t.t), *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imāmi al- Syafi'ī*, Juz I, Beirut, Lebanon: Dār al-Fikri, H. 316

121 Abī al-Mawāhib 'abd al-Wahāb bin Ahmad al-Anṣarī, (t.t), *Op.cit.* H. 135

122 Mālik bin Anas al-Asbahi (t.t) *Muwatta'.* *Op.cit.* H. 428. Lihat juga Ibn 'Abidīn (t.t), *op.cit.*

Dari huraian di atas, nampak jelas bahawa fiqh Syafi'i dan fiqh Mālikī berpendapat tentang pembahagian laba mesti dibahagikan berdasarkan nisbah modal yang dimasukkan oleh kedua-dua pihak. Jika ketika berlakunya perjanjian perkongsian yang dalam *akad syirkah* disyaratkannya bahawa salah satu pihak akan memperoleh keuntungan lebih dari nisbah modalnya maka perjanjian *syirkah* tersebut menjadi tidak sah atau perjanjian itu terbatal disebabkan ada perjanjian yang menyatakan salah seorang rakan kongsi akan memperoleh keuntungan lebih dari nisbah modalnya.

Pendapat mazhab Syafi'i dan Mālikī di atas berpandukan hadith Rasulullah yang di riwayatkan oleh Imam Bukhari seperti berikut :

عَنْ أَنَسٍ حَدَّثَهُ أَنَّ أَبَا بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ كَتَبَ لَهُ فَرِيضَةَ الصَّدَقَةِ الَّتِي
فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : وَكَانَ مِنْ خَلِيطَيْنِ فَإِنَّهُمَا يَتَرَا جَعَانَ بَيْنَهُمَا
بِالسَّوِيَّةِ (رواه بخارى).

Ertinya:

Dari Anas r.a, sesungguhnya Abu Bakar r.a memutuskan ketentuan sedekah (zakat) seperti yang telah ditentukan oleh Rasulullah SAW, beliau bersabda: Dua barang yang bercampur dan barang itu dimiliki oleh dua orang maka harus dibahagikan antara kedua-duanya dengan jumlah yang sama. (Hadith Riwayat Bukhari)¹²³

Dengan demikian secara jelas dan tegas hadith di atas menyatakan bahawa jika ada percampuran atau perkongsian suatu barang, yang barang tersebut dimiliki oleh dua orang maka mesti dibahagikan dengan jumlah yang sama di antara kedua-duanya.

Imam Ḥanbālī mengemukakan pendapat yang berbeza dengan kedua-dua Imam di atas. Imam Hanbālī berpendapat bahawa keuntungan pada dasarnya dibahagikan berdasarkan jumlah dan banyaknya modal yang dimasukkan oleh kedua-dua pihak yang bersyarikat namun demikian kedua-dua pihak yang berkongsi boleh membuat persetujuan dan boleh mensyaratkan bahawa salah satu rakan kongsi akan

123 Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī (1991), *Saḥīḥ al-Bukhārī*, Juz III, Kitab Zakat Bab Zakat Haiwan Ternak, Beirut: Dār al-fikr, H.523.

memperolehi keuntungan yang lebih dari rakan kongsinya disebabkan ada pertimbangan-pertimbangan tertentu. Hal ini dapat dilihat dalam kitab *al-Mugnī wa Syarḥ al-Kabīr* karangan Ibn Qudāmah sebagai berikut:

Dan bagi kami (mazhab Ḥanbālī) sesungguhnya kerja yang mengandung hak atas laba, maka boleh melebihi laba kerana adanya kerja di antara kedua-duanya sebagaimana dua orang yang *bermuḍārabah* bagi seseorang dengan yang lainnya. Hal ini disebabkan adakala salah seorang dari mereka mempunyai kelebihan dalam hal perniagaan, baik mempunyai kepakaran dalam berniaga mahupun kerjanya lebih kuat dari rakan kongsi yang lain. Jika keadaan demikian maka boleh baginya mensyaratkan akan memperoleh keuntungan lebih banyak dari rakan kongsi yang lain sebagai ganti dari kerjanya sebagaimana disyaratkan laba sebagai ganti kerja *muḍārabah*.¹²⁴

Pendapat mazhab Ḥanbālī di atas menerangkan bahawa pada dasarnya keuntungan dibahagikan berdasarkan nisbah modal yang dimasukkan oleh pihak-pihak yang bersyarikat namun demikian mazhab Ḥanbālī membolehkan pihak yang bersyarikat bersepakat dan mensyaratkan kelebihan laba bagi salah seorang di antara mereka dengan pertimbangan pihak yang lain lebih kuat kerja dan lebih banyak kerjanya atau salah seorang dari mereka mempunyai kemahiran yang lebih dalam hal perniagaan, dengan demikian laba yang diperolehi lebih dari rakan kongsinya merupakan imbalan dari kelebihan yang dimilikinya.

Dalam ungkapan di atas kebolehan melebihi keuntungan kepada salah satu rakan kongsi dalam *syirkah al-'inān* adalah merupakan *qias* kepada *syirkah Muḍārabah*. Dalam *syirkah Muḍārabah* terdapat dua pihak, pihak pertama merupakan pemilik modal (*Ṣāhibul Māl*) dan pihak dua dinamakan pekerja (*Muḍārib*). *Muḍārabah* adalah suatu akad antara pemilik modal dengan pekerja, pemilik modal menyerahkan modalnya kepada pekerja untuk diusahakan dengan keuntungan dari usaha tersebut akan dibahagikan berdasarkan kesepakatan yang dibuat pada masa *akad syirkah muḍārabah*

124 Ibn Qudāmah, (t.t), *op.,cit.* H. 141

itu berlaku. Oleh demikian *syirkah al-'inān* menurut Ḥanbālī tentang perkara pembahagian keuntungan ini diqiaskan kepada *syirkah Muḍārabah*, dalam *Muḍārabah* kerja dianggap juga sebagai modal yang dapat diberi nilai atau harga sama seperti modal dalam bentuk harta, sehingga kelebihan atas laba yang disyaratkan kepada salah seorang rakan kongsi merupakan ganti atau imbalan dari kelebihan yang ada padanya.

Pendapat terakhir yang penulis kemukakan dalam bab ini adalah pendapat Imam yang mengikuti mazhab Ḥanafī, pendapat tersebut sebagaimana yang termaktub dalam kitab *al-Mabsūṭ* karangan Imam al-Sarakhsī ialah memberi panduan tentang konsep pembahagian keuntungan dalam *syirkah al-'inān*. Unsur pertama dalam pembahagian laba adalah modal, maksudnya pembahagian laba bagi pihak-pihak yang bersyarikat ditentukan berdasarkan nisbah modal yang dimasukkan oleh kedua-dua pihak, hal ini dapat dilihat dalam ibarat berikut:

Kemudian disebutkan di dalamnya yang termasuk permasalahan laba, maka laba dibahagikan kepada kedua-dua pihak berdasarkan kepada nisbah modal harta kedua-duanya.¹²⁵

Ungkapan di atas jelas menyatakan bahawa unsur pertama yang dijadikan pertimbangan dalam pembahagian keuntungan dalam *syirkah al-'inān* adalah nisbah modal yang dimasukkan oleh kedua-dua pihak, jadi, pada tahap pertama dalam pembahagian laba adalah dengan memperhatikan besar kecilnya modal yang dimasukkan oleh kedua-dua pihak.

Pada dasarnya imam Abū Ḥanīfah bersepakat dengan jumbuh ulama bahawa konsep pembahagian keuntungan dalam *syirkah al-'inān* adalah berdasarkan nisbah modal dari kedua-dua rakan kongsi, namun demikian imam Abū Ḥanīfah juga memberi ketentuan kedua bahawa selain modal sebagai dasar kepada pembahagian

125 Syams al-Dīn al-Sarakhsī (t.t), *al-Mabsūṭ*, Juz II, Beirut: Dār al-kutub al-ilmīyah, H. 156

laba, kedua-dua pihak boleh membahagikan keuntungan berdasarkan kesepakatan atas suatu syarat mengenai pembahagian keuntungan. Hal ini dapat dilihat dalam ungkapan berikut:

Dan mensyaratkan (menentukan) keuntungan sah menurut kami (mazhab Ḥanāfi).¹²⁶

Petikan di atas secara umum memberi kebebasan kepada yang melaksanakan *syirkah al-'inān* untuk melakukan kesepakatan berkenaan tentang cara-cara pembahagian keuntungan, apabila pembahagian keuntungan dilakukan berdasarkan kepada persepakatan dari kedua-dua pihak dan pembahagian keuntungan bukan berdasarkan kepada nisbah modal yang dimasukkan oleh kedua-dua pihak maka pembahagian keuntungan dengan konsep tersebut adalah sah, bahkan jika dalam pembahagian keuntungan disyaratkan salah seorang rakan kongsi memperoleh keuntungan lebih dari yang lain maka hukumnya adalah boleh atau sah akad *syirkahnya*. Ini dapat dilihat dari ungkapan dalam kitab *al-Fatḥ al-Qadīr* karangan Imam al-Siwāsī seperti berikut:

Dan sah hukumnya jika modal jumlahnya sama tetapi lebih pada keuntungannya.¹²⁷

Dengan demikian sangat jelas bahawa dalam mazhab Ḥanāfi, pembahagian keuntungan selain berdasarkan nisbah modal masing-masing, boleh juga dilakukan pembahagian keuntungan sesuai dengan kesepakatan kedua-dua pihak atas suatu syarat walaupun mensyaratkan pembahagian keuntungan tidak sama antara kedua-dua rakan kongsi sedangkan modal yang dimasukkan dengan jumlah yang sama, pembahagian

126 *Ibid.*

127 Kamāl al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al- Wāhid al-Siwāsī, (t.t) *op.cit.* H. 177.

dengan konsep tersebut dalam mazhab Ḥanāfi adalah boleh dan sah hukumnya.

Untuk mempermudah dalam memahami pendapat para ulama dari setiap mazhab yang berkenaan dengan pembahagian keuntungan dalam *syirkah al-'inān*, penulis akan mengemukakan huraian Wahbah al-Zuhaili dalam kitabnya *Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* sebagai berikut:

Pendapat pertama, dinyatakan oleh imam Abū Ḥanīfah, Imam Aḥmad bin Ḥanbāl dan Zaidiyyah seperti berikut:

- i. Keuntungan dibahagikan berdasarkan nisbah modal, baik modalnya sama jumlahnya mahupun modal salah seorang rakan kongsi lebih banyak dari yang lain.
- ii. Hak memperoleh keuntungan adakalanya kerana pertimbangan harta, kerja atau jaminan.
- iii. Boleh melebihkan keuntungan bagi salah satu pihak yang bersyarikat walaupun kedua-dua pihak memasukkan modal yang sama jumlahnya.
- iv. Kerugian juga ditanggung oleh kedua-duanya berdasarkan kepada nisbah modal atau menurut persepakatan disetujui oleh pihak yang berkongsi.

Pendapat kedua, dinyatakan oleh imam Syāfi'i, imam Mālik, Zahir, dan Zufār dari mazhab Ḥanāfi seperti berikut:

- i. Syarat sahnya *syirkah al-'inān* adalah laba atau rugi mesti dibahagikan berdasarkan nisbah modal di antara kedua-duanya.
- ii. Tidak sah hukumnya *syirkah* tersebut jika melebihkan keuntungan kepada salah satu rakan kongsi dengan jumlah modal yang sama.¹²⁸

128 al-Zuhaili, (1989), *op.cit.*, H. 393.

Dari huraian di atas, nampak jelas bagaimana pendapat para ulama mengenai ketentuan-ketentuan pembahagian keuntungan dalam *syirkah al-'inān*. Betapa banyaknya perhatian yang dicurahkan oleh para ulama tentang pembahagian keuntungan dalam *syirkah al-'inān*, dengan demikian menunjukkan bahawa pembahagian mengenai konsep *syirkah al-'inān* cukup banyak mendapat perhatian dari kalangan ulama mazhab disebabkan hal ini menyangkut kepastian hukum dan perasaan keadilan serta jaminan terhadap praktik bermua`malatnya secara Islami sesuai dengan tuntutan syariat sehingga dengan demikian suasana kerja atau usaha dalam perniagaan berjalan dengan baik terutamanya bagi mereka yang menjalankan dan mempraktikkan *syirkah* khususnya *syirkah al-'inān*.

3.6 Pembatalan Akad Syirkah

Akad *syirkah* secara umum akan terbatal dengan tiga sebab¹²⁹ seperti berikut:

3.6.1 Dibatalkan oleh kedua-duanya atau oleh salah satu rakan kongsi.

Menurut ulama dalam mazhab Mālikiyyah, oleh kerana akad *syirkah* merupakan akad yang harus dan tidak lazim atau tidak tetap, maka kedua-duanya boleh membatalkan akad *syirkah* mereka ataupun salah satu pihak yang berkongsi boleh menamatkan perkongsian mereka bila-bila masa yang dikehendaki oleh mereka¹³⁰.

129 Syihāb al-Dīn ibni al-'Abbās al-Haitamī, (t.t), *op.,cit.*, H. 216

130 Mālik bin Anas al-Asbahi (t.t) *Muwatta` . Op.cit.*

3.6.2 Mati salah seorang rakan kongsi.

Apabila mati salah seorang yang berkongsi maka terbatallah *syirkah* kerana sudah batal milik orang yang sudah mati dan hilang hak transaksi disebabkan oleh kematiannya.

3.6.3 Gila salah seorang rakan kongsi

Apa bila salah satu pihak yang berkongsi gila yang berterusan maka terbatallah perkongsian mereka kerana orang yang berkongsi mesti boleh menjadi wakil bagi pihak lain, dengan demikian maka orang yang gila dengan sendirinya terkeluar daripada menjadi wakil.

3.7 Kesimpulan

Berdasarkan huraian-huraian di atas dapat disimpulkan bahawa makna *syirkah* adalah perkongsian antara dua orang atau lebih untuk melakukan usaha yang tujuannya untuk memperolehi keuntungan dari usaha mereka tersebut. Untuk melengkapkan *syirkah* supaya selari dengan syariah maka etika dalam perkongsian mesti dipenuhi seperti saling percaya dan tidak mengkhianati rakan kongsi yang lain sehingga perkongsian tersebut dapat berjalan dengan harmoni. Seterusnya tentang pembahagian keuntungan dan resiko kerugian, secara umum ada dua konsep, pertama, menurut nisbah modal yang dimasukkan oleh kedua-dua rakan kongsi. Konsep kedua, berdasarkan kepada persepakatan awal di antara rakan kongsi tersebut. Namun demikian sebahagian fuqaha diantaranya ulama dalam mazhab Syāfi'ī, mereka mengwajibkan pembahagian

keuntungan berdasarkan nisbah modal bukan berdasarkan kepada persetujuan tetapi ulama dalam mazhab Ḥanāfī membolehkan kedua-duanya, baik berdasarkan nisbah modal mahupun persepakatan antara rakan kongsi.

BAB EMPAT

ANALISA APLIKASI *SYIRKAH AL-INĀN* DI BANK RAKYAT IPOH

Pendahuluan

Dalam bab ini penulis akan membahaskan mengenai pendapat dari imam-imam mujtahid iaitu imam Hanāfi dan imam-imam yang lain berkenaan dengan *syirkah al-'inān* tentang hukum menerima keuntungan lebih dari nisbah modalnya, disertakan juga dalil-dalil dan alasan-alasan berkenaan dengan hukum tersebut. Dalam bab ini juga akan memasukkan analisis penulis tentang pandangan ulama yang lebih baik untuk diaplikasikan di masa sekarang serta menceritakan serba sedikit tentang sejarah bermulanya perbankan Islam di Malaysia dan penubuhan Bank Rakyat serta perkhidmatan perbankan Syariah yang ditawarkan oleh Bank Rakyat tersebut khususnya tentang produk-produk yang berkaitan dengan perkongsian (*musyārahah* dan *muḍārabah*).

4.1 Sejarah Penubuhan Bank Rakyat

Pada tahun 20-an badan kewangan yang berasaskan prinsip koperasi bertujuan untuk kepentingan para petani dan juga nelayan telah banyak ditubuhkan. Pada 11 Oktober 1923 badan kewangan yang pertama telah didaftarkan dengan nama Syarikat Kampong Bekerjasama Bagan Tiang Jimat-Cermat Pinjam Meminjam Dengan Tanggongan Tidak Berhad di bawah Enakmen Syarikat Kerjasama. Rentetan penubuhan syarikat tersebut, beberapa buah lagi badan kewangan telah ditubuh dan didaftarkan di seluruh negara. Pada tahun 50-an, menyaksikan syarikat-syarikat kerjasama kampung ini telah bergabung dan menubuhkan beberapa buah bank persatuan di kawasan masing-

masing. Pada 7 Jun 1950, bank persatuan yang pertama telah didaftarkan dan ianya dikenali dengan nama Bank Persatuan Bekerjasama-sama Seberang Perai Dengan Tanggongan Berhad, sehingga akhir Jun 1954, sebanyak 12 buah bank persatuan telah didaftarkan.

Pada Julai 1954, satu perjumpaan telah diadakan di Bukit Mertajam, Pulau Pinang yang dihadiri oleh wakil-wakil bank persatuan kerjasama di seluruh negara. Dalam perjumpaan tersebut, keputusan telah diambil untuk menubuhkan Bank Agong Kampong Bekerjasama-sama Persekutuan Tanah Melayu Dengan Tanggongan Berhad. Bank ini telah didaftarkan di bawah Ordinan Syarikat Kerjasama 1948 pada 28 September 1954 yang ibu pejabatnya terletak di Bukit Mertajam¹³¹. Ahli-ahlinya terdiri daripada 11 bank persatuan kerjasama. Antara tujuan utama bank ini ditubuhkan adalah untuk memberi bantuan, meningkatkan taraf hidup ahli-ahlinya dan koperasi-koperasi yang lain melalui kegiatan dalam bidang kewangan, perusahaan, pertanian dan perniagaan di dalam mahupun di luar Bandar. Bank inilah yang merupakan asas kepada penubuhan Bank Rakyat yang wujud sekarang.¹³²

Pada Disember 1961, melalui Mesyuarat Agong Bank telah diputuskan supaya ibu pejabat bank dipindahkan ke Kuala Lumpur dan diperluaskan lagi skop dan tujuannya untuk membeli dan memiliki harta-harta seperti tanah, bangunan-bangunan dan bahan-bahan lain untuk kepentingan ahli-ahlinya. Mesyuarat Agong telah diadakan lagi pada tahun 1964 di mana undang-undang kecil telah dipinda supaya nama bank ini ditukar nama kepada Bank Agong Kerjasama Malaysia Berhad atau ringkasannya Bank Agong (Apex Bank). Manakala pada tahun 1966, sekali lagi nama bank tersebut telah

131 Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) Info, www.bankrakyat.com.my, pada 12 Julai 2007

132 Parlimen Malaysia, (1979), *Kedudukan Bank Rakyat*. Kuala Lumpur: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, h. v.

ditukar nama kepada Bank Kerjasama Malaysia Berhad atau ringkasannya Bank Kerjasama.

Kerana permintaan orang ramai, keahliannya telah dibuka kepada koperasi-koperasi dan individu perseorangan. Seterusnya segala skop aktiviti bank tidak lagi tertumpu kepada urusan-urusan koperasi sahaja, malahan ianya terbuka kepada orang ramai untuk menjalankan segala aktiviti perbankan dan urusan pinjaman kewangan yang berkaitan dengan koperasi. Tahun 1968 pula menyaksikan cawangan pertama telah dibuka di Sungai Petani, Kedah. Sekitar tahun 1968 hingga 1969, beberapa cawangan Bank Kerjasama telah dibuka di Alor Setar, Muar, Kangar dan Bagan Serai.¹³³

Pindaan-pindaan Undang-undang kecil telah membolehkan Bank Kerjasama menubuhkan anak-anak syarikatnya. Selaras dengan peranannya yang semakin meluas, pada 6 Januari 1973, namanya sekali lagi telah ditukarkan kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad atau ringkasnya Bank Rakyat. Sehingga tahun 1975, Bank Rakyat telah mempunyai 17 buah cawangan bank ianya terletak di Kota Bharu Kelantan, Melaka, Sungai Besar Selangor, Kuala Lumpur, Temerloh, Pahang, Baling Kedah, Kuala Terengganu, Pontian Johor, Kajang, Telok Anson, (Teluk Intan) Kuantan Pahang, dan Johor Baharu.¹³⁴

Seterusnya, Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (peruntukan Khas) 1978, telah dikuatkuasakan pada 16 Februari 1978. Dengan berkuatkuasannya akta tersebut, Kerajaan telah melantik sebuah Lembaga Pengarah Yang baru untuk tujuan menjalankan tugas-tugas pentadbiran hal ehwal perniagaan Bank Rakyat. Kemudian Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (peruntukan khas) 1978 juga telah

133 Penulis Khas, (1994), "Melalui Liku Sejarah Bank Rakyat" dalam *Majalah Rakyat*, bil. 3. Malaysia, Kuala Lumpur: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, h. 11.

134 Parlimen Malaysia *op.cit.*, h. 3

meletakkan Bank Rakyat di bawah penyeliaan Menteri yang bertanggungjawab bagi kemajuan koperasi. Bank Rakyat juga telah didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 yang memerlukan merujuk terus kepada Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi bagi mendapat persetujuan dalam melaksanakan apa-apa produk kewangan yang baru. Bank Rakyat agak berlainan dengan bank-bank lain di Malaysia, kerana sebuah bank koperasi ianya tidak tertakluk kepada pengawalan dan pengawasan Bank Negara.¹³⁵

4.2 Sejarah Penubuhan Sistem Perbankan Syariah Bank Rakyat

Pelaksanaan sistem perbankan Syariah merupakan tindakan yang telah lama dirancang oleh Bank Rakyat iaitu sejak tahun 1989 lagi. Hasrat murni untuk mempernalkan sistem perbankan yang berlandaskan kepada prinsip dan konsep syariah telah dibincangkan dalam perjumpaan Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 28 Februari 1989. Lembaga Pengarah telah mencadangkan kepada pihak pengurusan Bank Rakyat untuk mengkaji dan meneliti prinsip-prinsip perbankan berkonsepkan Syariah, produk-produk perbankan syariah serta meminda undang-undang kecil sebelum perbankan Islam ini dijalankan¹³⁶.

Pada Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 27 November 1989, Jawatankuasa Pemandu Pengenaln Operasi Secara Bank Islam telah ditubuhkan pada 23 Disember 1989. Jawatankuasa tersebut dianggotai oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Haji Taib yang dilantik oleh Lembaga Pengarah sebagai Pengerusi, seorang wakil Lembaga Pengarah, Pengurus Besar, tiga Ketua Bahagian, dua Ketua Jabatan dan

135 Ab.Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (JAKIM) h. 355.

136 Ahmad Asyraf bin Hamzah, (2003), *Sistem Perbankan Islam Dan Pelaksanaannya Di Ibu Pejabat Bank Rakyat*, Disertasi Sarjana Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Sesi 2002/2003, Kuala Lumpur, H.168.

seorang pegawai. Kemudian Urusetia Jawatankuasa tersebut diletakkan dibawah bahagian Setiausaha/Subsidiari yang mana bidang tugasnya ialah seperti berikut¹³⁷:

- i. Mengkaji dan mengenalpasti konsep perbankan secara Islam, termasuk dari aspek dasar pelaksanaan bidang operasi, falsafah Bank Islam, hubungan perniagaan dengan institusi kewangan lain dan kaedah pengendalian konsep perbankan Islam.
- ii. Melihat keserasian operasi bank secara Islam dari sudut agama, perundangan, pembangunan sosio-ekonomi dan kehendak orang ramai.
- iii. Mengemukakan cadangan pelaksanaan melalui suatu laporan lengkap yang mengandungi antara lain hasil dari sudut operasi, konsep asas bank Islam, rangka perundangan pelaksanaannya dan kaedah operasi serta sistem pengendalian.

Kemudian pada 5 Mei 1993¹³⁸, sistem perbankan Syariah telah dilancarkan secara rasminya oleh Dato' Dr. Affifuddin Haji Omar, Pengerusi Bank Rakyat di Kuala Lumpur. Bersamaan dengan itu juga sistem perbankan konvensional telah ditamatkan dan Bank Rakyat kini hanya menawarkan produk yang berlandaskan syariah sahaja.

Bank syariah dengan sistem bahagi untung dan rugi (*profit and loss sharing*) memiliki konsep yang sangat tepat di tengah-tengah keadaan ketidakadilan yang dialami oleh masyarakat. Konsep kebersamaan dalam menghadapi risiko rugi dan memperoleh keuntungan, serta adanya keadilan dalam berniaga menjadi suatu potensi yang sangat strategis bagi perkembangan perbankan Islam di masa akan datang. Hal ini kerana majoriti rakyat Malaysia adalah Islam (Muslim) bahkan rakyat yang bukan Islam pun akan tertarik dengan konsep perbankan Islam yang sangat mementingkan kebersamaan

137 Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (t.t) , *Laporan Rancangan Induk Pengenalan Sistem Operasi Secara Islam di Bank Rakyat(LRIP)* Kuala Lumpur: Bank Rakyat Malaysia Berhad, H. 3-4.

138 Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) Info, www.bankrakyat.com.my 24 April 2008

dan keadilan. Dengan demikian, perbankan Islam akan menjadi prospek yang sangat cerah untuk berkembang maju dalam masyarakat. Di samping itu perbankan Islam dengan konsep bahagi hasil, lebih mengutamakan *stabiliti* dan *rentabiliti* , sedangkan bank konvensional dengan sistem faedah atau bunga mempunyai kelemahan iaitu memiliki sifat *inflatoir* (inflasi) dan cenderung *diskriminatif* (diskriminasi).¹³⁹

4.3 Tugas Dan Tanggung jawab Jawatankuasa Syariah

Jawatankuasa Syariah ialah golongan pakar dalam bidang syariah dan ekonomi Islam yang bertindak sebagai penasihat bagi memastikan segala urusan Bank mematuhi kehendak Syariah. Jawatankuasa Syariah dilantik oleh Lembaga Pengarah Bank Rakyat dan diluluskan Bank Negara Malaysia (BNM).¹⁴⁰

Adalah menjadi kewajipan dan syarat yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia kepada semua institusi perbankan yang ingin melaksanakan konsep perbankan berlandaskan syariah Islam, bahawa institusi tersebut mestilah membentuk dan melantik Jawatankuasa Syariah. Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Syariah¹⁴¹ tersebut ialah:

- i. Mengesahkan permohonan memperkenalkan produk baru.
- ii. Menjadi penasihat kepada pihak-pihak yang berkaitan seperti peguam, juruaudit dan jururunding Bank dalam hal-hal yang berhubung dan berkaitan dengan hukum Syariah apabila diminta.
- iii. Menasihati Bank dalam perundingan dengan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai sebarang perkara yang berkaitan dengan Syariah yang belum diselesaikan atau disahkan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM.

139 Ab.Ghani (1999), *Op.cit.* H. 29

140 Bank Negara Malaysia info. www.bnm.gov.com.my. 16 Ogos 2012

141 Buku Laporan Tahunan Bank Rakyat 2011@ info www.bankrakyat.com.my 13 Mei 2012

iv. Merekod sebarang pandangan mengenai isu-isu yang berkaitan Syariah. Jawatankuasa Syariah hendaklah menyediakan pandangan Syariah secara bertulis dalam keadaan berikut:

a. Apabila Bank merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah BNM bagi mendapatkan nasihat.

b. Apabila Bank menyerahkan permohonan kelulusan produk baru seperti garis panduan kelulusan produk yang dikeluarkan oleh BNM.


v. Memantau dan memastikan Bank sentiasa patuh dan melaksanakan keputusan yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM.

vi. Menasihati Bank dalam pengiraan dan pengagihan zakat.

vii. Memantau Bank Rakyat dalam siri taklimat, kursus dan ceramah kepada orang ramai tentang perbankan Syariah bagi tujuan memperkenalkan dan memperluaskan perniagaan Bank.

viii. Jawatankuasa Syariah hendaklah melaksanakan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan keperluan Syariah seperti yang termaktub dalam *Syariah Governance Framework For Islamic Financial Institutions* atau Garis Panduan dan Arahan yang dikeluarkan oleh BNM.

STRUKTUR TADBIR URUS SYARIAH



Sumber: Buku Laporan Tahunan 2011 Bank Rakyat

4.4 Konsep Perbankan Islam Bank Rakyat

Konsep Perbankan Syariah di Bank Rakyat sangat berbeza dengan SPI yang ada di institusi-institusi kewangan yang lain. Perbezaan dari segi istilah ini menunjukkan SPI ialah merujuk kepada produk-produk perbankan Islam yang ditawarkan oleh bank-bank yang tidak menjalankan konsep syariah tetapi membuka kaunter untuk perbankan Islam. Ini bermaksud bank-bank yang menawarkan SPI masih lagi menawarkan produk-produk konvensional yang berasaskan riba. Adapun sistem perbankan syariah ialah berasaskan kepada konsep perbankan Islam yang dilaksanakan oleh Bank Rakyat dalam proses transformasi bank syariah secara menyeluruh, apabila proses perubahan ini selesai maka Bank Rakyat tidak lagi menawarkan produk-produk perbankan konvensional yang berasaskan riba¹⁴².

“Sistem Perbankan Syariah” adalah istilah baru yang digunakan oleh Bank Rakyat dan ianya sangat bersesuaian dengan perubahan yang dilakukan oleh Bank

142 Dinsman, (1994), “Sistem Perbankan Syariah Bank Rakyat” dalam *Dewan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 9.

Rakyat dari sistem konvensional kepada prinsip perbankan syariah yang berasaskan muamalat Islam secara menyeluruh.

4.5 Perkhidmatan Perbankan Syariah Yang Ditawarkan di Bank Rakyat Ipoh

Perkhidmatan perbankan syariah di Bank Rakyat terbahagi kepada lima prinsip, iaitu prinsip *al-Wadi'ah* (simpanan), prinsip *al-Musyarakah* dan *al-Mudārabah* (perkongsian hasil), prinsip *al-Tijārah* (jual beli), prinsip *al-Ajr* (pengambilan upah atau fee), dan prinsip *al-Qard* (biaya administrasi).¹⁴³ Namun, dalam penelitian ini penulis hanya memfokuskan yang berkaitan dengan *syirkah* (perkongsian) atau pembahagian keuntungan. *Syirkah* yang penulis maksudkan di sinilah iaitu *syirkah al-'inān*.

4.5.1 Perkhidmatan Pelaburan *al-Mudārabah*

Penulis memasukkan pelaburan tersebut dalam pembahasan ini kerana *al-Mudārabah* hampir sama dengan *al-Musyarakah* dari segi pembahagian keuntungan antara pemilik modal dan pengurus modal tersebut, sebagaimana yang telah penulis jelaskan dalam bab pengenalan, yang membezakan antara *al-Musyarakah* dan *al-Mudārabah* ialah kalau *al-Mudārabah* hanya berkongsi keuntungan sahaja tetapi tidak berkongsi usaha.¹⁴⁴

Akad *al-mudārabah* merupakan kontrak perjanjian di antara penyimpan modal iaitu pelanggan bank dengan pihak bank sebagai pengusaha modal untuk dilaburkan dalam perniagaan yang menepati kehendak syariah, di mana keuntungan yang diperolehi akan dibahagikan menurut nisbah yang telah disepakati oleh kedua-duanya. Berdasarkan prinsip syariah *al-mudārabah* ini, nisbah keuntungan tidak ditetapkan atau

143 Penulis Khas, (1994), *op. cit.*, H. 12

144 Imam al-Syirāzi (t.t), *Op.cit.* H. 317

diketahui terlebih dahulu, tetapi akan dikira apabila cukup tempohnya. Perjanjian antara pemilik modal dengan pihak bank tentang nisbah keuntungan hanyalah pada peratusan dari keuntungan yang akan diperolehi. Dalam hal ini, Bank Rakyat Cawangan Ipoh memperuntukkan 60% keuntungan untuk bank dan 40% untuk pelabur. Nisbah ini mungkin juga berubah mengikut persetujuan oleh pelabur dan pihak bank.¹⁴⁵

Bank Rakyat mensyaratkan jumlah minimum untuk pelaburan dalam akaun *al-Muḍārabah* sebanyak RM500. Pelabur-pelabur boleh memilih untuk melaburkan wang mereka dalam jangka masa yang dipersetujui bersama. Tempoh masa pelaburan boleh ditetapkan kepada 1 bulan, 3 bulan, 6 bulan dan seterusnya hingga 60 bulan.¹⁴⁶ Bagi pelabur, boleh memilih mana-mana masa pelaburan yang telah ditetapkan oleh bank sesuai dengan keinginan pelabur. Bila mana pelabur telah memilih masa yang telah ditetapkan, maka pelabur baru boleh membuat pelaburan dengan sistem bagi hasil sesuai dengan ketentuan syariat.

Seandainya dalam mengusahakan pelaburan tersebut berlaku kerugian, dianya ditanggung oleh pemilik modal kecuali apabila kerugian berlaku disebabkan kelalaian atau kecuaiannya, penyelewengan oleh pihak bank maka kerugian itu ditanggung oleh pihak bank tersebut.¹⁴⁷ Pihak bank berkewajipan menanggung semua kerugian apabila berlaku kerugian dalam pelaburan tersebut. Pihak bank wajib membayar kerugian tersebut disebabkan kecuaiannya.

145 Temubual dengan Zaida binti Khairuddin, Ketua unit Bahagian Pembiayaan Bank Rakyat Cawangan Ipoh. Ditemubual pada 12 April 2006 dan 18 ogos 2012. Di Bank Rakyat Cawangan Ipoh, Perak. Lihat juga Dinsman, (1994), *Dewan Masyarakat*, *op.cit*, H. 6.

146 *Ibid.*

147 *Risalah Bank Rakyat. Op.,cit*

4.5.2 Perkhidmatan *al-Musyārahah*

Al-Musyārahah ialah kontrak perjanjian perkongsian yang terdiri dari dua pihak yang berkongsi atas pembelian sesuatu barang atau harta tertentu. Oleh kerana salah satu pihak tidak mencukupi modal untuk membeli sesuatu barang atau harta maka mereka memerlukan rakan kongsi iaitu pihak bank untuk menolongnya.¹⁴⁸ Pihak bank adalah merupakan rakan kongsi pelabur untuk membuat kontrak perjanjian perkongsian dalam membuat pelaburan ini.

4.6 Produk-Produk Usaha *al-Musyārahah* di Bank Rakyat

Produk-produk usaha *al-musyārahah* di Bank Rakyat termasuk Bank Rakyat Cawangan Ipoh Perak, seperti berikut:

- 1). Pembiayaan berdasarkan prinsip bahagi hasil (Usahasama Koperasi) iaitu pelaburan khas.
- 2). Memberikan kemudahan (*facility*) *letter of credit (L/C)*
- 3). Penyertaan modal dengan perusahaan atau bank yang lain yang juga mendasarkan usahanya kepada prinsip-prinsip syari'ah¹⁴⁹.

Berdasarkan data di atas, Bank Rakyat pada masa sekarang telah mengaplikasikan konsep *al-musyārahah* kepada beberapa produk, diantaranya ialah pembiayaan runcit iaitu Pembiayaan Usahasama Koperasi *Syārik*. Dianya adalah produk pembiayaan yang ditawarkan oleh Bank Rakyat kepada ahli koperasi yang hendak membeli barangan pengguna.

148 Ab.Mumin Ab. Ghani, (1999), *Sistem Kewangan Islam Dan Pelaksanaannya di Malaysia. Op.,cit*, H. 272.

149 Temu bual dengan Mohd.Hanafiah bin Mohd.Nawawi, Pegawai Syariah Ibu Pejabat Bank Rakyat Kuala Lumpur, pada 10 Mei 2012 lihat juga Bank Kerjasama Rakyat Berhad (Bank Rakyat) Info, www.bankrakyat.com.my 18 Jun 2012 (Bank Rakyat Cawangan Ipoh tidak melantik Pegawai Syariah sendiri sebab semua produk perbankan yang dilaksanakan di cawangan adalah berdasarkan kepada arahan dari Bank Pusat). Lihat [www.bankrakyat.com my/jawatankuasa syariah](http://www.bankrakyat.com.my/jawatankuasa_syariah)) 11 Mei 2012

Peruncitan iaitu Pembiayaan Usahasama Koperasi *Syārik*, telah menarik minat ramai ahli koperasi untuk membuat pelaburan melalui prinsip *al-Musyārah* sehingga Bank Rakyat menjadi salah satu institusi kewangan yang sangat berjaya dan merupakan koperasi yang paling berjaya di Malaysia.¹⁵⁰ Pembahagian keuntungan tersebut dibahagi menurut perjanjian atau persyaratan yang telah mereka sepakati bersama.¹⁵¹

Pengkongsian seperti ini melibatkan kedua-dua rakan kongsi yang bersetuju untuk berkongsi peratusan saham awalan yang akan dimiliki oleh setiap rakan kongsi terhadap barang atau harta yang dibeli. Seterusnya pihak pelanggan akan menambah modalnya dengan membeli saham pembiaya sehingga harta tersebut menjadi miliknya sendiri. Bank yang menguruskan pembelian harta tersebut bersedia untuk menjual sahamnya kepada pelanggan secara ansuran menurut kadar ansuran tertentu dan bersetuju untuk menyewakan barangan itu mengikut harga pasaran. Tempoh masa barangan tersebut akan dipindah milik kepada pelanggan, tergantung kepada berapa banyak jumlah saham yang akan dibeli oleh pelanggan atau rakan kongsi tersebut daripada bank. Kemudian, keuntungan akan diperolehi oleh pihak bank hasil daripada *syirkah* yang telah dilakukan. Kemudian keuntungan akan dibahagi antara pemegang saham dan pihak bank menurut nisbah yang telah mereka sepakati.¹⁵²

Jadual 4. 7 Senarai Produk Perbankan Islam Di Bank Rakyat

Produk-produk	Prinsip Syariah
Akaun Semasa	<i>al-Wadi 'ah Yad Damānah</i>
Akaun Simpanan	<i>al-Wadi 'ah Yad Damānah</i>
Akaun Pelaburan Am	<i>al-Muḍārabah</i>
Akaun Pelaburan Khas	<i>al-Musyārah</i>

150 Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) Info, www.bankrakyat.com.my 13 Pebruari 2010

151 *Ibid.*

152 Temubual dengan Zaida binti Khairuddin, Ketua unit Bahagian Pembiayaan Bank Rakyat Cawangan Ipoh. *Op.cit.* Lihat juga Ab. Mumin Ab. Gani, (1999), *Op.cit.*

Pelaburan dalam sijil Pelaburan Kerajaan	<i>al-Qarḍ al-Ḥasan</i>
Pelaburan dalam Saham /Pembiayaan Pemilikan Saham	<i>al-Wakālah/ al-Muḍārabah/ Bay ' Bithaman Ājil</i>
Pembiayaan Pembelian Rumah/ Kenderaan	<i>Bay Bithaman Ājil/al-Ijārah Thumma al-Bay '</i>
Pembelian Kenderaan	<i>Bay ' Bithaman Ājil/al-Ijārah Thumma al-Bay '</i>
Pembiayaan Modal Kerja	<i>al-Muḍārabah</i>
Pembiayaan Projek	<i>al-Musyārah</i>
Pembiayaan Pemilikan Harta	<i>Bay ' Bithaman Ājil</i>
Pembiayaan Semula Kredit Eksport Secara Islam <ul style="list-style-type: none"> • Pra Penghantaran • Pasca Penghantaran 	<i>al-Muḍārabah dan Bay al-Dayn</i>
Bil Penerimaan Secara Islam <ul style="list-style-type: none"> • Import/ Belian • Eksport/ Jualan 	<i>al-Muḍārabah dan Bay ' al-Dayn</i>
Bon Korporat Secara Islam	<i>Bay ' Bithaman Ājil</i>
Kemudahan Surat Kredit	<i>al-Wakālah/al-Muḍārabah</i>
Jaminan Perkapalan	<i>al-Kafālah</i>
Surat Jaminan	<i>al-Kafālah</i>
Kemudahan Overdraif	<i>al-Qarḍ al-Ḥasan</i>
Operasi Bil	<i>al-Ujr/ al-Wakālah</i>
Pinjaman Ihsan	<i>al-Qarḍ al-Ḥasan</i>
Pajakan	<i>al-Ijārah</i>
Penanggung Jaminan Bon Islam	<i>al-Ujr</i>

Sumber:

Fail Bank Rakyat Ipoh.

Menurut jadual 4.7 di atas dapat dilihat bahawa produk perbankan Islam yang ditawarkan oleh Bank Rakyat dengan prinsip *musyārah* hanya ada dalam pelaburan khas dan pembiayaan projek sahaja, pelaburan khas tersebut meliputi pemilikan saham yang diagihkan kepada pelanggan atau rakan kongsi dengan ketentuan-ketentuan tertentu yang telah mereka persetujui sedangkan pembiayaan projek ianya ada beberapa bahagian diantaranya ialah pembiayaan kepada koperasi *syārik* dengan prinsip *musyārah*, dan pembiayaan projek, pembiayaan projek tersebut diuruskan bersama antara bank dengan pemaju projek, pembiayaan projek diberikan kepada syarikat atau perseorangan sebagai tambahan modal kepada mereka dengan peraturan-peraturan atau prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh pihak bank. Walaupun produk perbankan Islam dengan prinsip *musyārah* yang ditawarkan oleh Bank Rakyat hanya pelaburan khas

dan pembiayaan projek sahaja namun demikian dengan produk tersebut jugalah Bank Rakyat cawangan Ipoh telah mendapat banyak keuntungan dibandingkan dengan produk-produk yang lain.¹⁵³

4.8 Prosedur-Prosedur Dalam Menawarkan Pembiayaan Projek Pada Bank Rakyat Cawangan Ipoh Perak

Dalam menawarkan pembiayaan projek dengan prinsip *musyarakah*, Bank Rakyat cawangan Ipoh Perak, dilakukan dengan tahapan-tahapan seperti berikut:¹⁵⁴

1) Survey Lapangan, tahap ini adalah tahap dimana Bank Rakyat melakukan kunjungan atau penawaran kerjasama atau hubungan perbankan dengan syarikat atau perseorangan iaitu calon rakan kongsi. Survey ini dilakukan oleh petugas/pegawai Bank Rakyat dengan cara mengirim surat penawaran dan melakukan survey lapangan kepada syarikat atau perseorangan. Hal-hal yang disurvei adalah seperti berikut :

a) Daerah Survey, daerah yang dijadikan sasaran survey ialah jarak lokasi dari pejabat Bank Rakyat.

b) Sumber pendapatan, iaitu sumber pendapatan daerah/masyarakat yang menonjol, misalnya, ada suatu usaha masyarakat yang berterusan seperti perkebunan, pertanian, perikanan, sumber alam dan sebagainya.

c) Perusahaan dan Lokasi, pihak bank merekod nama badan usaha serta jenis usaha/industri dan alamat/lokasi perusahaan dimaksud. Badan usaha yang dimaksud meliputi badan usaha milik kerajaan atau milik swasta. Selain itu dijelaskan klasifikasi perusahaan apakah masuk perusahaan besar, menengah atau kecil. Hal ini dimaksudkan untuk mempermudah dalam pemetaan potensi pasaran.

¹⁵³ Temubual dengan Rizal Bin Radzi, Penolong Pengurus Bank Rakyat Cawangan Ipoh, Perak. 16 Januari 2014

¹⁵⁴ Temubual Rizal bin Radzi. *ibid* dan Terbitan khas Bank Rakyat (Borang Kerjasama projek Bank Rakyat serta terma dan syarat)

d) Daerah Perdagangan, pihak bank merekod lokasi daerah pasar, kedai dan daerah perdagangan lainnya. Juga merekod jenis barang dagangan yang mendominasi dalam daerah perdagangan tersebut.

e) Pejabat kerajaan, menjelaskan jumlah/nama pejabat kerajaan dan pejabat milik kerajaan lainnya serta lokasi/alamat pejabat yang dimaksud.

f) Pejabat/badan usaha lainnya, pihak bank juga merekod nama pejabat/badan usaha lainnya (misalnya yayasan, koperasi dan sebagainya) dan jenis usaha/produk yang dihasilkan.

g) Lain-lain, merekod informasi lainya yang dinilai dapat menjana pemasaran, misalnya daerah wisata, daerah dimaksud terdapat pelabuhan, tempat perkelahan dan sebagainya.

2) Serah permohonan, setelah penawaran (*offer*) oleh Bank Rakyat diterima oleh calon pelanggan, maka calon pelanggan dapat mengajukan permohonan pembiayaan projek dengan prinsip *musyarakah* kepada Bank Rakyat. Permohonan pembiayaan yang melebihi RM5 Juat pihak pemohon wajib membuat permohonan terus kepada Bank Rakyat Pusat kerana kalau pembiayaan melebihi RM 5 Juta, bank cawangan tidak diberi kuasa untuk memproses permohonan tersebut. Namun demikian kalau permohonan yang melebihi RM5 Juta diluluskan oleh Bank Rakyat Pusat maka Bank Rakyat cawangan yang berhampiran dengan lokasi projek yang akan mengurus dan memantau terhadap projek yang diusahakan itu, dan membuat laporan berkala kepada Bank Rakyat Pusat. Pada dasarnya permohonan pembiayaan *musyarakah* itu diajukan secara bertulis dengan mengajukan Surat Permohonan *Musyarakah* (SPM), namun demikian, dalam keadaan dimana cara ini sukar atau tidak mungkin dilakukan, permohonan boleh juga diajukan langsung secara lisan oleh pelanggan kepada petugas Bank Rakyat. Dalam surat permohonan *musyarakah*, pelanggan menjelaskan keperluan dana sebagai modal tambahan untuk mengusahakan projek tertentu. Pelanggan

menjelaskan tentang proyek yang akan dikerjakan, pihak-pihak yang terlibat, dan tujuan proyek. Juga pihak yang akan memanfaatkan proyek, pengalaman pelanggan dalam melaksanakan proyek sejenis atau pengalaman pelanggan dalam proyek lain, keuntungan yang dapat diperoleh dari proyek ini, dan sumber dana untuk mengembalikan modal tersebut kepada bank kalau terjadi sesuatu yang tidak diduga dalam menjalankan proyek tersebut.

3) *Checking* (periksa), *checking* dilakukan setelah mendapatkan suatu kesimpulan yang jelas bahwa suatu permohonan pembiayaan *musyarakah* yang diajukan pemohon dipandang layak untuk dipertimbangkan.

Setelah Bank Rakyat menerima surat permohonan pembiayaan *musyarakah* dari pelanggan, maka *Account officer/marketing* dari Bank Rakyat akan melakukan *checking*, yaitu melakukan pemeriksaan keadaan calon rakan kongsi di lapangan. *Checking* dilakukan dengan mewawancarai pemohon (calon rakan kongsi) mengenai permodalan dan kepemilikannya, susunan pengurus, badan usaha, riwayat perusahaan, bidang usaha, hubungan dengan Bank Rakyat, hubungan dengan bank lain, kelompok perusahaan, dan objek usaha/projek yang mencakup sifat usaha/projek, manfaat usaha/projek, lokasi usaha/projek, proses produksi usaha, bahan baku dan syarat pembelian, peralatan dan kelengkapan produksi, barang yang dihasilkan/diperdagangkan, pemasaran dan syarat penjualan dan tenaga kerja.

4) Tahap Analisa, analisa pembiayaan adalah serangkain kegiatan dalam rangka menilai informasi, data-data serta fakta di lapangan sehubungan diajukannya permohonan pembiayaan oleh pelanggan. Setelah melakukan pemeriksaan keadaan calon rakan kongsi di lapangan, bahagian Administrasi Pembiayaan Bank Rakyat akan melakukan analisa terhadap permohonan pembiayaan yang diajukan oleh calon rakan kongsi. Analisa ini dapat dibahagi kepada :

a) Informasi calon rakan kongsi, meliputi informasi umum, iaitu tentang nama, alamat, bidang usaha, kumpulan usaha, permodalan dan kepengurusan dari calon.

b) Permodalan dan kepengurusan harus berdasarkan akta notaris (rasmi).

c) Informasi bank, iaitu tentang hubungan dengan Bank Rakyat dan hubungan dengan bank lain serta informasi lain yang berkaitan dengan calon pelanggan, seperti usahanya bergerak dalam bidang apa, hubungan dengan bank apakah baik atau tidak, dan sebagainya.

d) Analisa aspek pengurusan, mencakup profesional pengurus dapat dilihat dari pengurus perusahaan, apakah sebelumnya pernah bekerja pada perusahaan yang membidangi usaha yang sama baik dalam negeri mahupun luar negeri dan kemampuan calon pelanggan dalam memperluas jaringan usahanya.

e) Reputasi Pengurus syarikat, misalnya tidak pernah bermasalah dengan semua *stake holder* badan usaha termasuk dengan pengguna, tidak pernah dihukum kerana melakukan pelanggaran atau kejahatan.

f) Karakter Pengurus, mempunyai komitmen yang tinggi dan keyakinan terhadap Bank Rakyat.

g) Analisa aspek kewangan, mencakup evaluasi kemampuan kewangan yang dapat dilihat dari laporan kewangan per 3 (tiga) tahun terakhir, terdiri dari prestasi yang baik dapat dilihat dari peningkatan penjualan dan didukung oleh pendanaan yang baik.

Hasil pemeriksaan (*checking*) bahagian administrasi pembiayaan disampaikan kepada *account officer/marketing* bersamaan dengan analisa kualitatif dan kuantitatif. Kemudian *account officer/marketing* akan melakukan pembentangan projek tersebut kepada urusetia pembiayaan. Kemudian bila permohonan pelanggan dianggap layak dan memenuhi kriteria, urusetia pembiayaan akan memberikan persetujuan dengan mengeluarkan keputusan yang meliputi identiti pelanggan, iaitu nama Pengurus, jenis

dan jumlah pembiayaan dan tujuan penggunaan dana tersebut. Berdasarkan persetujuan urusetia pembiayaan, maka bahagian *account officer/marketing* akan mengirim Surat Penegasan Persetujuan Pembiayaan kepada pelanggan dan meminta kepada pelanggan tersebut supaya melengkapi dokumen-dokumen lain yang diperlukan oleh bank. Surat Penegasan Persetujuan Pembiayaan meliputi pemberitahuan bahawa Urusetia Pembiayaan Bank Rakyat telah menyetujui untuk memberi kemudahan pembiayaan dengan konsep *musyarakah* dengan syarat dan ketentuan yang akan disepakati bersama iaitu struktur pembiayaan, jenis, tujuan, had pembiayaan, serta bahagi hasil (*nisbah*) antara pihak bank dan pelanggan.¹⁵⁵

Jadual 4.9 Laporan Kewangan Lima Tahun Bank Rakyat

Keuntungan sebelum cukai dan zakat (RM JUTA)	2007 828.83	2008 1.234.33	2009 1.550.00	2010 1.717.13	2011 2.018.99
Dana Pemegang Saham (RM Juta)	3.964.09	4.421.39	5.301.74	5.952.85	8.354.99
Bilangan Pemegang Saham	793.482	789.673	794.199	758.356	926.578
Modal Saham (RM JUTA)	1.993.16	1994.96	1994.96	1994.96	2.349.06
Aset (RM JUTA)	34.900.15	41.728.35	50.637.60	61.912.06	72.478.92
Pembiayaan (RM JUTA)	22.936.31	30.135.93	37.690.65	44.983.02	49.179.25

Sumber: Jabatan Pembangunan Produk, Bank Kerjasama Rakyat Berhad

Berdasarkan jadual 4.8 di atas, bahawa prestasi tahunan Bank Rakyat senantiasa meningkat setiap tahun, ianya meningkat bukan sahaja dari segi keuntungan

¹⁵⁵ Temubual dengan Rizal Bin Radzi. *Ibid*

bahkan dalam hal dana pemegang saham, bilangan pemegang saham, modal saham, aset dan pembiayaan. Ini dapat dilihat peningkatan yang memberangsangkan. Pada tahun 2007 keuntungan sebelum cukai dan zakat ialah RM828.83 Juta dan pada tahun 2008 keuntungan meningkat kepada RM1.234.33 Juta, seterusnya pada tahun 2009 keuntungan Bank Rakyat terus meningkat kepada RM1.550.00 Juta, kemudian pada tahun 2010 meningkat lagi kepada RM1.717.13 Juta, dan pada tahun 2011 Bank Rakyat bertambah lagi keuntungan iaitu RM2.018.99 Juta. Begitu juga dana pemegang saham, pada 2007 dana pemegang saham ialah RM3.964.09 Juta dan pada tahun 2008 dana tersebut meningkat kepada RM4.421.39 Juta, kemudian pada tahun 2009 bertambah kepada RM5.301.74 Juta, dan pada tahun 2010 dana pemegang saham meningkat kepada RM5.952.85 Juta, seterusnya pada tahun 2011 bertambah lagi kepada RM8.354.99 Juta. Dan bilangan pemegang saham juga bertambah ramai pada 2007 iaitu 793.482 Juta orang sehingga pada tahun 2011 meningkat kepada 926.578 Juta orang.¹⁵⁶

Dalam jadual di atas dapat dilihat juga dana pembiayaan Bank Rakyat (pembiayaan dengan prinsip *musyārahah*) turut meningkat, pada tahun 2007 dana tersebut ialah RM22.936.31 Juta, pada tahun 2008 meningkat kepada RM30.135.93 Juta dan pada tahun 2009 dan tahun 2010 serta tahun 2011 dana tersebut meningkat kepada RM49.179.25 Juta, ianya meningkat melebihi RM7 Juta setiap tahun.¹⁵⁷

4.10 Syarat - Syarat Menjadi Rakan Kongsi (*Musyārik*) di Bank Rakyat

Untuk menjadi pelabur (*Musyārik*) dalam produk *al-musyārahah* di Bank Rakyat, ada beberapa syarat yang ditetapkan, syarat-syaratnya seperti berikut:¹⁵⁸

156 Laporan tahunan Bank Rakyat (Lihat lampiran 6)

157 *Ibid.*

158 Terbitan khas Bank Rakyat, (*borang permohonan menjadi anggota*)

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Berumur 18 tahun.
- iii. Bermastautin di Malaysia.
- iv. Tidak hilang upaya dari segi mental.
- v. Bukan seorang yang bankrap
- vi. Bukan seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan boleh daftar.
- vii. Bukan seorang yang telah dibuang dari menjadi anggota di bawah Akta dan suatu tempoh selama satu tahun sebelum lagi berlalu dari tarikh pembuangan.

4.11 Konsep Pembahagian Keuntungan Di Bank Rakyat Ipoh

Agar kedua-dua belah pihak saling menguntungkan dan tidak mengalami kerugian, maka Bank Rakyat telah menerapkan prinsip *revenue sharing*.¹⁵⁹

Prinsip *revenue sharing* adalah pihak Bank Rakyat menetapkan aturan atau konsep pembahagian keuntungan dengan rakan kongsinya berdasarkan kepada hasil pendapatan yang diperolehi dari hasil penjualannya secara keseluruhan. Dengan demikian, prinsip *revenue sharing* yang telah diamalkan oleh Bank Rakyat dalam kontrak pembiayaan modal *musyārahah* ianya selari dengan prinsip pembahagian keuntungan yang telah dilaksanakan oleh institusi perbankan Islam di seluruh dunia.¹⁶⁰

Secara umumnya perkiraan dalam pembahagian keuntungan dalam produk perbankan Islam baik prinsip *musyārahah* mahupun prinsip yang lain yang telah ditentukan oleh Bank Rakyat seperti berikut:

¹⁵⁹ Bank Rakyat Malaysia Berhad, info, www.Bankrakyat.com.my /cawangan ipoh 27 Jun 2012

¹⁶⁰ *Ibid.*

- i. Pendapatan atau penjualan projek adalah sebagai hasil perkongsian yang telah diusahakan bersama sebelum dipotong cukai penghasilan dan zakat serta kos-kos yang lainnya.
- ii. Purata penjualan dalam sebulan iaitu baki pembiayaan dibahagi dengan jumlah total pembiayaan awal di kali dengan hasil penjualan.
- iii. Purata penjualan harian dalam sebulan iaitu rata-rata harian baki pembiayaan dalam satu bulan dibahagi dengan total pembiayaan awal dikali dengan hasil penjualan.¹⁶¹
- iv. Seterusnya jumlah pembahagian untung yang telah disetujui, akan dikali dengan kenyataan dasar pembahagian untung pada akhir tahun.

Namun Demikian, dalam skim pembiayaan projek, Bank Rakyat ada konsep khusus dalam pembahagian keuntungan antara bank dan rakan kongsi.

Konsep pembahagian nisbah keuntungan antara bank dan rakan kongsi khususnya dalam produk pembiayaan dengan prinsip *musyarakah* di Bank Rakyat cawangan Ipoh, Perak, kedua-duanya sepakat membahagikan nisbah keuntungan seperti berikut:

- i. Pembahagian keuntungan dalam skim pembiayaan projek akan dikira selepas projek itu siap dan selepas mendapat hasil iaitu selepas projek itu dijual.
- ii. Untuk pembiayaan kurang RM5 Juta pihak bank akan memperolehi 40 peratus dari keuntungan bersih projek selepas ditolak cukai dan zakat sedangkan rakan kongsi memperolehi 60 peratus. Adapun pembiayaan yang melebihi RM 5 Juta, pihak Bank hanya memperolehi 25 peratus dan rakan kongsi mendapatkan 75 peratus, nisbah tersebut dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak, nisbah tersebut dicadangkan oleh pihak bank sebelum pembiayaan projek untuk tambahan modal diluluskan oleh pihak

¹⁶¹ Lihat www.bankrakyat.com.my . 23 Jun 2012

bank, pihak bank memberi alasan terhadap nisbah tersebut kerana pihak pemaju projek yang lebih banyak kerja dan tanggung jawab terhadap projek yang diusahakan, sedangkan pihak bank hanya mengutuskan seorang pegawai untuk memantau dan memberi nasihat dan sebagainya kepada pengurus projek. Namun demikian, kalau pembiayaan kepada perseorangan dengan nilai pembiayaan tidak melebihi angka juta, maka nisbah keuntungan kadang-kadang tidak seperti yang disebut di atas, tetapi akan mengikuti kepada persetujuan bersama.¹⁶²

Umumnya dalam sesuatu perkongsian perniagaan, kadang-kadang tidak terlepas juga dari mengalami kerugian. Kurugian dalam akad *syirkah* akan ditanggung bersama oleh kedua-dua pihak, nisbahnya berdasarkan kepada perjanjian yang telah dibuat di awal akad *musyarakah*. Dalam akad *musyarakah*, Bank Rakyat menentukan dan menetapkan terhadap produk *musyarakah* dengan konsep *syirkah al-`inān* sahaja kerana pendapat tentang *syirkah al-`inān* tidak berlaku perbezaan pendapat diantara para ulama dan mazhab.¹⁶³

Kesimpulannya, Pada keseluruhannya Bank Rakyat telah berjaya mengaplikasikan prinsip-prinsip syariah melalui produk-produk perbankan Islamnya. Prinsip-prinsip syariah yang diterapkan ini bersesuaian dan berdasarkan al-Quran, Hadith, Ijma, Qias dan sumber-sumber hukum lain yang disepakati oleh para ulama fiqh dan cendikiawan Islam masa kini. Sumber-sumber itu semua menjadi rujukan dan pegangan utama bagi fuqaha dan cendikiawan Islam dalam menetapkan dan mengaplikasikan prinsip-prinsip syariah melalui produk-produk perbankan Islamnya masa kini.

162 Temubual dengan Rizal Bin Radzi, 16 Januari 2014. *Op.cit*

163 Temu bual dengan Pegawai Syariah Ibu Pejabat Bank Rakyat Kuala Lumpur, Mohd.Hanafiah bin Mohd.Nawawi pada 10 Mei 2012 lihat juga Bank Kerjasama Rakyat Berhad (Bank Rakyat) Info, www.bankrakyat.com.my 18 Jun 2009

Bank Rakyat juga telah berjaya mengaplikasikan prinsip-prinsip syariah dalam semua produk perbankan Islamnya khususnya dalam prinsip *musyarakah* misalnya dalam menjalankan suatu usahasama diantara Bank Rakyat dengan rakan kongsi dalam menjalankan suatu projek dengan prinsip *musyarakah* atau berkongsi, kedua-duanya telah berbincang dan membuat perjanjian dalam hal kerja dan dalam hal pembahagian keuntungan sebelum melakukan usaha tersebut, dan mereka bersetuju bahawa keuntungan akan dibahagi menurut perjanjian yang telah termeterai antara mereka. Itu semua kerana memang hasrat Bank Rakyat untuk menjalankan dan melaksanakan semua produknya selari dengan syariah Islam, disamping itu juga, Bank Rakyat mesti mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, bahawa semua institusi kewangan yang ada di Malaysia yang berkehendak untuk menjalankan sistem kewangan secara prinsip syariah, institusi tersebut wajib melantik sekurang-kurangnya lima orang ahli jawatan kuasa syariah. Peranan ahli jawatan kuasa tersebut ialah menasihati pihak bank dan memantau perjalanan setiap produk yang akan dilaksanakannya.¹⁶⁴

4.12 Kesesuaian Pendapat Ulama Dalam Pembahagian Keuntungan Di Bank Rakyat

Mazhab Ḥanāfī menyatakan sebagaimana yang telah penulis sebutkan pada bab sebelum ini, bahawa boleh hukumnya membahagi keuntungan dengan memberikan bahagian keuntungan lebih dari nisbah modal salah satu pihak atas pihak yang lainnya walaupun setiap rakan kongsi memasukkan modal yang sama atau dengan kata lain mazhab Ḥanāfī membolehkan pembahagian keuntungan melebihi nisbah modal yang dimasukkan salah satu pihak yang berkongsi dibandingkan dengan pihak yang lainnya dalam *Syirkah al- 'inān*.

¹⁶⁴ Bank Negara Malaysia info. www.bnm.gov.com.my 24 April 2012

Pendapat Imam dalam mazhab Ḥanafī mengenai bolehnya pembahagian keuntungan dengan memberikan bahagian keuntungan yang melebihi nisbah modal bagi salah satu pihak berlandaskan pendapat beliau mengenai bolehnya menentukan perolehan keuntungan. Imam tersebut mengatakan bahawa menentukan keuntungan adalah sah hukumnya dengan berdalilkan kepada *athār* ‘Alī bin Ṭālib sebagaimana termaktub dalam kitab *al-Mabsūṭ*.¹⁶⁵ seperti berikut:

الربح على ما اشترطاً والوضيعة على المال

Ertinya:

Keuntungan tergantung dari apa yang ditentukan oleh kedua-dua belah pihak dan kerugian tergantung atas harta.

Dalam *athār* di atas jelas bahawa pembahagian keuntungan tergantung kepada apa yang telah ditentukan oleh kedua-dua pihak yang berkongsi, berbeza dengan keadaannya dengan *wadi’ah* (kerugian), ianya berdasarkan kepada harta atau modalnya. Jika *wadi’ah* (kerugian) berdasarkan kepada harta atau modal, maka *syirkah* berdasarkan modal dan juga perjanjian yang disepakati oleh kedua belah pihak sebelum menjalankan *syirkah* atau perkongsian.

Dengan demikian, *athār* ini menjadi landasan hukum bagi mazhab Ḥanafī bahawa konsep pembahagian keuntungan boleh sahaja berdasarkan kepada kesepakatan oleh kedua-dua pihak yang berkongsi atas sesuatu perjanjian tertentu bukan hanya atas pertimbangan nisbah modal yang di masukkan oleh kedua-dua pihak. Selanjutnya Imam Abū Ḥanīfah menegaskan bahawa hak atas keuntungan yang diperolehi kerana adanya

¹⁶⁵ Syams al-Dīn al-Sarakhsī, *op.cit.* H. 156. *Athār* di dalam kitab *al-Mabsūṭ* di atas juga terdapat dalam kitab *Faḥḥ al-Qādir* dan *Ru’ūs al-Masāil*, namun demikian dalam kitab tersebut *athār* ini dinyatakan sebagai hadith, dalam syarahnya juga diterangkan bahawa hadith tersebut tidak didapati di dalam kitab-kitab hadith dan sebahagian ulama menisbalkannya kepada ucapan ‘Alī bin Ṭālib r.a. sehingga menjadi *athār*. Lihat juga Kamāl al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Wahīd al-Siwāsī, *ibid.*

ketentuan yang sudah disepakati bersama, dengan demikian, salah seorang dari rakan kongsi berhak atas keuntungan berdasarkan kepada apa yang telah ditentukan tentang pembahagian keuntungan tersebut. Hal ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW seperti berikut:

قال رسول الله المسلمون عند شروطهم

Ertinya:

Kaum muslimin tergantung dari apa yang mereka telah syaratkan (sepakati)¹⁶⁶

Hadith di atas jelas menegaskan bahawa kaum muslimin boleh melakukan akad sesuai dengan kesepakatan terhadap sesuatu perjanjian tertentu selama tidak bertentangan dengan ketentuan al-Qur`ān dan sunnah nabi. Dalam hal ini tentunya berkaitan erat dengan ketentuan yang dilakukan berkenaan dengan pembahagian keuntungan dalam *Syirkah al-'inān*, oleh demikian, mazhab Ḥanāfi mengambil sesuatu ketetapan berdasarkan hadith di atas bahawa hukum menentukan pembahagian keuntungan atas dasar sesuatu kesepakatan tertentu termasuk di dalamnya perjanjian memberikan keuntungan lebih dari nisbah modal bagi salah satu rakan kongsi adalah boleh atau sah hukumnya. Kerana hal tersebut tidak bertentangan dengan hukum al-Qur`ān dan sunnah disebabkan ada dalil yang mendukungnya.

Dengan demikian mekanisme atau konsep pembahagian keuntungan berdasarkan *athār* terdahulu sesuai dengan hadith yang disebutkan di atas, bahawa

166 Abū Dāwūd Sulaimān, Sunan Abū Dāwūd, *op.cit.*, H. 23-24. Lihat juga Syams al-Dīn al-Sarakhsī, *ibid.*, H.157, Hadith ini dalam kitab Sunan Abū Dāwūd secara lengkap berbunyi seperti berikut

:
عن أبي هريرة قال : قال رسول الله الصلح جائز بين المسلمين الا صلحا أحل حراما او حرم حلالا زاد سليمان بن داود المهري قال رسول الله
المسلمون عند شروطهم

Ertinya:

Perdamaian antara umat Islam itu boleh kecuali perdamaian yang menghalalkan perkara yang haram atau mengharamkan perkara yang halal, Sulaimān bin Dāwūd menambah; Dan Rasulullah SAW bersabda: Umat Islam berjalan di atas perjanjian mereka.

pembahagian keuntungan dalam *syirkah al-inān* tidak hanya berdasarkan nisbah modal yang dimasukkan oleh pihak-pihak yang berkongsi dalam *Syirkah* tersebut melainkan boleh dilakukan dengan dasar ketentuan yang telah disepakati bersama antara rakan kongsi termasuk untuk melebihkan keuntungan bagi salah seorang rakan kongsi atas rakan kongsi yang lain, berdasarkan hadith di atas kaum muslimin boleh menentukan sesuatu kesepakatan bersama dalam mencari perdamaian atau kesepakatan selama tidak melanggar hukum yang terkandung dalam al-Qur`ān dan Sunnah.

Maka berdasarkan dalil-dalil di atas, mazhab Hanāfi membolehkan pembahagian keuntungan tidak semata-mata berdasarkan kepada nisbah modal yang dimasukkan oleh kedua-dua pihak kedalam *Syirkah al-'inān* melainkan keuntungan boleh dibahagikan berdasarkan kepada kesepakatan yang telah dibuat oleh kedua-dua pihak. Oleh demikian harus hukumnya menyepakati pembahagian keuntungan lebih dari nisbah modal bagi salah seorang rakan kongsi walaupun jumlah modalnya sama kerana hal ini merupakan bahagian dari perjanjian yang telah mereka sepakati.

Selanjutnya mazhab Hanāfi menyatakan bahawa ketentuan yang menjadi kesepakatan oleh para *musyarik* dalam *Syirkah al-'inān* bagi menentukan pembahagian keuntungan adakalanya dengan modal, kerja dan jaminan, dalam hal pembahagian keuntungan lebih dari nisbah modal walaupun modal yang dimasukkan oleh kedua-dua pihak sama jumlahnya dapat didasarkan kepada kelebihan kerja yang menjadi faktor bagi penambahan pembahagian keuntungan kerana dalam kenyataannya kadang-kadang salah satu pihak lebih banyak kerjanya, lebih mahir dalam bekerja serta lebih banyak peranannya dalam menghasilkan keuntungan kepada syarikat.¹⁶⁷ Kenyataan ini dapat dilihat dalam kitab *al-mabsūf* seperti berikut:

¹⁶⁷ *Ibid.*. lihat juga Abū Yusūf (t.t) *al-Kharāj Op.cit*

Kemudian dibolehkan akad (penentuan keuntungan) ini berdasarkan keperluan manusia dan keperluan yang diperlukan kepada syarat tersebut kerana kadang-kadang salah satu pihak lebih mahir dari pihak yang lainnya dalam menjalankan perniagaan dan dia tidak rela disamakan dengan rakan kongsi yang lain dan dia berhak memperolehi keuntungan yang lebih disebabkan kelebihan yang dimilikinya yang kelebihannya itu tidak dimiliki oleh rakan kongsi yang lain.¹⁶⁸

Dari pernyataan di atas nampak jelas bahawa dalam melakukan akad *Syirkah* di mana disyaratkan bagi salah satu pihak akan memperolehi lebih banyak berkenaan dengan keuntungan yang didasari dengan adanya keperluan akan sesuatu tuntutan dalam akad tersebut untuk melebihkan keuntungan kepada salah satu pihak, dengan alasan bahawa adakalanya salah satu rakan kongsi yang menjalankan perniagaan syarikat tersebut lebih pandai atau mempunyai kepakaran dalam perniagaan dan lebih banyak peranannya dalam mendatangkan keuntungan sehingga dengan keadaan demikian dia tidak bersetuju apabila keuntungan dibahagikan secara samarata dengan pertimbangan bahawa dia mempunyai kelebihan dalam hal kerja dalam perkongsian tersebut, maka dengan demikian, dibolehkan melebihkan keuntungan bagi salah satu rakan kongsi sebagai ganti dan menghargai atas kelebihan yang dimilikinya baik kelebihan dari segi kerjanya mahupun kelebihan ilmunya dalam hal ehwal perniagaan.

Dari pernyataan yang terdapat dalam mazhab *Hanāfi* di atas, penulis mendapati bahawa alasan yang disampaikan oleh mazhab *Hanāfi* dapat dibahagi kepada dua pola analisa, pertama analisa dari sudut dalil dan kedua analisa dari sudut relevan masakini

Kedua-dua alasan di atas baik dari sudut dalil mahupun dari sudut relevan masa kini akan penulis sebutkan di bawah ini.

¹⁶⁸ *Ibid.*

Kesimpulannya, Bank Rakyat cawangan Ipoh, Perak, telah mengaplikasikan pendapat imam dalam Ḥanāfī dalam pelaksanaan produk mereka khususnya dalam produk *al-Musyārahah* dan *al-Muḍārabah*.¹⁶⁹ Contohnya, pembahagian nisbah keuntungan di antara pelabur dan pihak Bank Rakyat akan ditetapkan berdasarkan kepada persetujuan awal sebelum pelabur memasukkan modal dalam Bank Rakyat bukan mengikut nisbah modal sebagaimana yang disyaratkan oleh imam al-Syafī.

Penulis juga lebih cenderung untuk menerima pendapat Imam Abū Ḥanīfah kerana pendapat fiqh mazhab Ḥanāfī lebih sesuai untuk dilaksanakan pada masa sekarang ini khususnya dalam praktik perkongsian yang berlandaskan ekonomi Islam, kerana sebagaimana yang telah penulis sebutkan diawal disertasi ini, bahawa bukan semuanya rakan kongsi sama, kadang-kadang rakan kongsi yang modalnya kurang dari rakan kongsi yang lain tetapi rakan kongsi tersebut lebih mahir dalam hal kerja yang sedang dilakukan dan tidak adil rasanya rakan kongsi tersebut mendapat nisbah keuntungan lebih kecil dari rakan kongsi yang lain kerana modalnya kurang dari yang lain, dan alasan-alasan fiqh Ḥanāfī lebih kukuh kerana disertai dengan dalil *naqlī* dan *‘aqlī*, dalam dalil tersebut nampak jelas dan terang bahawa rakan kongsi boleh bersepakat dengan menentukan dalam *syirkah al-`inān* tersebut bahawa salah seorang dari rakan kongsi boleh mendapat keuntungan lebih dari nisbah modalnya kerana adanya pertimbangan-pertimbangan tertentu, baik pertimbangan kerja mahupun adanya jaminan yang rakan kongsi tersebut lebih mahir berniaga.

169 Temubual dengan Pegawai Syariah Bahagian Pengawasan ibu pejabat Bank Rakyat Kuala Lumpur Mohd. Mawardi bin Sairi *Op.cit.*

4.12.1 Analisa Dari Sudut Dalil

Imam Abū Ḥanīfah dalam mengemukakan pendapatnya mengenai bolehnya membuat kesepakatan pembahagian keuntungan dengan memberikan nisbah keuntungan lebih banyak dari nisbah modal bagi salah satu rakan kongsi dibandingkan dengan rakan kongsinya dalam *Syirkah al-'inān* didasarkan kepada beberapa dalil. Dalil tersebut pernah penulis sebutkan di atas, baik itu *athār* Alī bin Abī Ṭālib, mahupun hadith nabi SAW. Kedua-dua *athār* tersebut, sangat menyokong pendapat fiqh dalam mazhab Ḥanāfī.

Penulis akan mengemukakan dalil-dalil yang digunakan sebagai pendukung mazhab Hanāfī. Dalil yang pertama adalah *athār*' Alī bin Abī Ṭālib Dalil yang pertama ini dapat dilihat dalam kitab *al-Mabsūṭ* seperti berikut:

الربح على ما اشترطا والوضيعة على المال

Ertinya:

Keuntungan tergantung dari apa yang ditentukan oleh kedua-dua belah pihak dan kerugian tergantung atas harta.¹⁷⁰

Berdasarkan *athār* yang digunakan oleh imam Abū Ḥanīfah di atas, penulis menganalisa bahawa pembahagian keuntungan dalam *syirkah al-'inān* dapat disesuaikan kepada apa yang ditentukan oleh kedua-dua pihak yang berkongsi, hal ini berbeza dengan *waḍi'ah* yang dalam *athār* di atas dinyatakan bahawa pembahagian tanggungan kerugian didasarkan hanya kepada nisbah modalnya sahaja. Pembahagian

170 Syams al-Dīn al-Sarakhsī *Op.cit.*, H. 156

hasil dalam *syirkah al-`inān* adalah berdasarkan modal dan kesepakatan kedua-dua belah pihak.

Oleh kerana itu menurut analisa penulis *athār* ini sesuai untuk dijadikan landasan hukum bagi mazhab Ḥanāfī bahawasanya mekanisme pembahagian keuntungan boleh dilaksanakan berdasarkan kepada persetujuan diantara kedua-dua belah pihak yang berkongsi walaupun modal yang dimasukkan oleh kedua-duanya jumlahnya sama.

Ini menunjukkan bahawa Islam sangat menjaga hak-hak bersama dalam menjalankan muamalah atau bisnis berlandaskan syariah dengan menjamin hak-hak yang bersesuaian dengan al-Qur`ān dan sunnah. Dengan demikian tidak ada yang menzalimi dan tidak ada yang dizalimi.

Dalil yang kedua yang dikemukakan oleh ulama dalam mazhab Ḥanafī mengenai *musyārik* berhak atas keuntungan berdasarkan kepada persetujuan yang ditentukan terhadap cara pembahagian keuntungan didasarkan kepada hadith seperti berikut:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ الْمُسْلِمُونَ عِنْدَ شُرُوطِهِمْ

Ertinya

Kaum muslimin tergantung dari apa yang mereka syaratkan.¹⁷¹

Hadith di atas merupakan landasan bagi Imam Abū Ḥanīfah bahawa mereka yang berkongsi dalam sesuatu perniagaan boleh melakukan akad sesuai dengan

171 Abū Dāwūd Sulaymān. *Op.cit.*, H. 157

kesepakatan tertentu selama tidak bertentangan dengan kehendak syaria'ah Islam. Kesepakatan tersebut harus betul-betul dibuat dan dijalankan atas dasar sama-sama suka dan juga atas dasar keikhlasan dalam melakukan akad sesuai dengan kesepakatan dan persetujuan bersama.

Dengan demikian penulis menganalisa bahawa berdasarkan hadith ini, Imam Abū Ḥanīfah menegaskan bahawa hukum menentukan nisbah keuntungan antara rakan kongsi berdasarkan kepada persetujuan bersama adalah boleh dengan alasan bahawa hal demikian tidak bertentangan dengan al-Qur' ān dan hadith bahkan didukung oleh *athār* 'Alī bin Abī Ṭālib¹⁷².

Selanjutnya penulis menganalisa bahawa selain dua dalil di atas, mazhab Ḥanāfī juga menyatakan bahawa hak atas laba didasarkan kepada tiga hal, iaitu modal, kerja dan jaminan. Hal ini dapat dilihat dalam kitab *al-Kharāj* dan *Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu* seperti berikut:

Kerana hak memperoleh keuntungan menurut Ḥanafiyyah adakalanya berdasarkan modal harta atau kerja atau jaminan.¹⁷³

Berdasarkan kenyataan di atas, penulis menganalisa bahawa bagi mazhab Ḥanāfī pembahagian keuntungan dapat dilakukan berdasarkan kepada tiga faktor penentu yang dapat dijadikan pertimbangan bagi para *musyārik*. Pertama berdasarkan nisbah modal yang dimasukkan oleh kedua-dua rakan kongsi dalam sesuatu perkongsian, kedua berdasarkan banyaknya kerja bagi salah seorang rakan kongsi, ketiga berdasarkan kepada populeriti dan pengaruh yang kuat atau lebih pandai dalam berniaga. Oleh demikian penulis menganalisa bahawa pendapat imam Abū Ḥanīfah membolehkan para

172 Abū Yusūf (t.t) *Al-kharāj Op.cit*, lihat juga al-Zuhailī *Op.cit.*,

173 Abū Yusūf. *Ibid.*

rakan kongsi membuat persetujuan atau perjanjian berkenaan pembahagian keuntungan lebih banyak kepada salah seorang rakan kongsi adalah sebagai pengganti dari kelebihan rakan kongsi tersebut.

4.12.2 Analisis Dari Sudut Relevan Masa Kini

Berikutnya penulis akan menganalisa kesesuaian pendapat Imam-Imam mazhab dalam keadaan sekarang di mana praktik *musyarakah* adalah merupakan salah satu produk perbankan yang ditawarkan oleh semua bank baik perbankan konvensional mahupun perbankan Islam.

Analisa yang penulis buat di sini adalah khasnya pada produk perbankan di Malaysia, baik perbankan konvensional mahupun perbankan Islam. Analisa ini bertujuan untuk melihat relevansi masa kini terhadap pendapat yang ada dalam mazhab Ḥanāfi. Dengan adanya analisa penulis ini, diharapkan dapat diperolehi jawapan, apakah pendapat yang ada dalam mazhab Ḥanāfi bersesuaian dengan masa kini atau tidak.

Dalam hal pembahagian untung, imam Mālik, imam Syafī'i sepakat menyatakan bahawa secara amnya keuntungan dari sebuah perniagaan secara berkongsi dibahagi atas pertimbangan nisbah modal yang dimasukkan oleh setiap pihak yang berkongsi.

Pendapat jumhur ulama ini berbeza dengan pendapat mazhab Ḥanāfi. Dalam masalah ini penulis lebih sepakat dengan pendapat mazhab Ḥanāfi kerana bersesuaian dengan masa kini dan sangat relevan dengan perkembangan bisnis di dunia yang

sekarang diamalkan dalam perbankan baik perbankan konvensional maupun perbankan Islam.

Imam Mālik, imam Syafi'ī, dan imam al-Zaffar termasuk ulama yang berpendapat bahawa tidak boleh ditentukan salah seorang dari rakan kongsi memperoleh keuntungan lebih dari nisbah modalnya. Secara tegas Imam Syafi'ī misalnya, mengemukakan bahawa tidak sah akad *syirkah* jika kedua-dua pihak yang berkongsi menentukan kelebihan atas keuntungan atau kerugian kepada salah seorang diantara mereka padahal mereka mempunyai nisbah sumbangan modal dengan jumlah yang sama ke dalam harta *syirkah*.¹⁷⁴ Sedangkan dalam mazhab Ḥanāfi berpandangan bahawa, keuntungan boleh dibahagi berdasarkan persetujuan setiap rakan kongsi dan tidak semestinya berasaskan nisbah sumbangan modal.¹⁷⁵ Pendapat imam Abū Ḥanīfah tersebut disokong oleh imam-imam dalam mazhab Ḥanbālī, seperti termaktub dalam kitab *al-Fatawa al-Kubrā* karangan Ibnu Taimiyyah.¹⁷⁶

4.13 Kesimpulan

Dalam huraian penulis pada bab sebelumnya, dapat dilihat bahawa mazhab Ḥanāfi menyatakan bahawa hukumnya boleh jika kedua-dua rakan kongsi tersebut membuat kesepakatan tentang pembahagian keuntungan dengan memberikan keuntungan kepada salah satu pihak melebihi dari nisbah modalnya sedangkan modal yang dimasukkan oleh kedua-duanya adalah jumlahnya sama.

Persetujuan dan kesepakatan kedua-dua belah pihak ini sangat dianjurkan dalam Islam agar tidak ada mana-mana pihak yang dirugikan. Persetujuan dan kesepakatan

¹⁷⁴ Muḥammad bin Idris (t.t) al-Umm. *Op,cit*

¹⁷⁵ Abu Yusuf (t.t) *Al-Kharāj*. *Op,cit*

¹⁷⁶ Abū al-ʿAbbas Taqī al-Dīn Ahmad (t.t). *Op cit*. H. 474.

kedua-dua belah pihak ini agar tidak terjadi kesalahfahaman bagi mereka dan perniagaan akan berjalan seperti biasa tanpa ada gangguan dari rakan kongsi, harta yang diperolehi pada pembahagian hasil itu tentu halal bagi kedua-duanya atas kesepakatan bersama. Ertinya harta tersebut tidak diperolehi dengan cara yang batil.

BAB LIMA

KESIMPULAN KAJIAN DAN SARANAN

5.1 Kesimpulan

Syirkah merupakan transaksi antara dua orang atau lebih yang kedua duanya sepakat untuk melakukan kerja dengan tujuan mencari keuntungan dari perkongsian mereka tersebut.

Dalam pandangan ulama, *syirkah* ini terbahagi kepada beberapa macam, antara lain menurut fiqh Hanāfi, *syirkah* terbahagi kepada dua bahagian besar, iaitu *syirkah Amlāk*, dan *syirkah 'Uqūd*. *Syirkah Amlāk* terbahagi kepada dua bahagian iaitu *syirkah Ikhtariyyah* dan *syirkah Ijbariyyah*. Sedangkan *syirkah 'Uqūd* menurut mazhab hanāfiyyah terbahagi kepada enam macam iaitu *syirkah amwāl*, *syirkah 'Amal*, *syirkah Wujūh*, dan setiap bahagian *syirkah* tersebut adakalanya *syirkah mufāwadah* atau adakalanya *syirkah al-'inān*.

Syirkah al-'inān adalah *syirkah* yang dibolehkan dan sepakati oleh jumur ulama. *Syirkah al-'inān* ialah dua orang rakan kongsi atau lebih yang berkongsi dalam permodalan untuk melakukan perniagaan dengan keuntungan dan kerugian akan di kongsi bersama.

Pembahasan mengenai untung dan rugi, para ulama terbahagi kepada dua golongan berkaitan dengan boleh atau tidak boleh berkongsi untung tidak berdasarkan modal melainkan dengan sesuatu persetujuan atas sesuatu perjanjian yang tertentu.

Imam al-Syāfi`ī menyatakan bahawa tidak boleh dibahagi keuntungan yang tidak berdasarkan kepada nisbah modal harta kedua-dua pihak dan kedua-dua Imam tersebut menyatakan bahawa kelebihan untung bagi salah satu rakan kongsi adalah tidak boleh kerana mengandungi unsur menzalimi kepada pihak rakan kongsi yang lain.¹⁷⁷

Sedangkan ulama dalam mazhab Imam Ḥanafī menyatakan bahawa boleh hukumnya memberikan bahagian keuntungan lebih dari nisbah modal bagi salah satu pihak rakan kongsi dalam *syirkah al-`inān*. jika hal demikian telah menjadi kesepakatan oleh kedua-dua pihak.¹⁷⁸ Ulama Ḥanafīyah menyatakan bolehnya memberikan bahagian keuntungan lebih dari nisbah modal dalam *syirkah al-`inān*, pendapat ulama tersebut berdasarkan kepada *athār* 'Alī bin Abī Ṭālib yang menyatakan bahawa boleh menentukan atas keuntungan dari sesuatu perkongsian perniagaan.¹⁷⁹

Penulis sendiri berkesimpulan bahawa pendapat Imam Abū Ḥanīfah dapat diterima kerana sesuai dengan nas dan lebih relevan dengan keadaan semasa dan penulis dapati di Bank Rakyat melaksanakan konsep yang telah dikemukakan oleh mazhab Ḥanafī tetapi syarat dan terma berkenaan dengan nisbah keuntungan antara pelabur dan bank hanya ditentukan oleh pihak bank selepas berbincang dengan wakil khas pelabur yang dipilih oleh pihak bank dan perbincangan tidak dilakukan dengan semua pelabur,¹⁸⁰ ianya sama seperti yang dinyatakan oleh Imam Ḥanāfi bahawa sebelum menjalankan sesuatu perkongsian kedua-dua rakan kongsi boleh membuat suatu kesepakatan berkenaan dengan pembahagian keuntungan. Bank-bank di Malaysia yang

177 Al-Syafi`ī (t.t) *al-Umm. Op.cit.*

178 Abū Yusūf (t.t) *al-Kharāj Op.cit.*

179 Syam al-Din al-Sarakhsī (t.t) *al-Mabsūṭ. Op.cit.*

180 Wawancara dengan Zaida binti Khairuddin Ketua Unit bahagian Komunikasi Bank Rakyat cawangan Ipoh Perak, *Op.cit.*

berlandaskan syariat Islam telah melaksanakan sesuai dengan pendapat Imam Abū Ḥanīfah khususnya dalam membahagikan keuntungan kepada rakan kongsi.¹⁸¹

5.2 Saranan - Saranan

Dalam disertasi ini penulis juga ingin memberikan saran-saran yang mungkin dapat bermanfaat iaitu:

Hendaknya kita sebagai muslim lebih seimbangkan pengamalan syariat agama Islam secara menyeluruh (*kaffah*) lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan *mua'malah* khususnya praktik *syirkah al-'inān* ini.

Penulis juga mengharapkan dan berpesan kepada yang terlibat dalam perkongsian perniagaan supaya dapat menjalankan konsep-konsep *syirkah al-'inān* ini dengan cermat dalam mengamalkan ketentuan-ketentuan khususnya dalam pembahagian keuntungan dengan tetap memperhatikan unsur-unsur kejujuran dan keadilan, kerana kelebihan bersyarikat sudah terbukti keberkesanannya khususnya di Malaysia, bahawa banyak syarikat yang telah berjaya hampir semuanya ditubuhkan berlandaskan kepada perkongsian, di mana sesebuah syarikat akan lebih kukuh dalam hal modal dan usaha serta memperolehi keuntungan yang sangat baik, kalau adapun syarikat yang mengalami kerugian ianya bukan disebabkan oleh konsep perkongsian tersebut tetapi disebabkan beberapa faktor lain seperti kelemahan dari rakan kongsi itu sendiri.

181 *Ibid.*, lihat juga *Risalah Bank Rakyat*, Konsep Perbankan Islam. *Op.cit.*

BIBLIOGRAFI

BAHASA MELAYU DAN BAHASA INGGERIS

Ab.Mumin Ghani. (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*.

Kuala Lumpur, Malaysia : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (JAKIM

Abraham L. Udovitch (1970), *Partnership and Profit in Medieval Islam*, Princeton University Press

Ahmad Asyraf Hamzah. (2003). *Sistem Perbankan Islam dan Pelaksanaannya di Ibu Pejabat Bank Rakyat*, Disertasi Sarjana Syariah dan ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur, Malaysia.

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) Info, www.bankrakyat.com.my

Bank Negara Malaysia. (BNM). Info www.bnm.gov.com.my

Chapra M. Umer (1985) *Towards A Just Monetary System*, London, UK: The Islamic Foundation.

Dayang Madiana Abang Sufi. (1994). *Sistem Perbankan tanpa faedah- Satu kajian kes terhadap operasi perbankan syariah di Bank Rakyat*. kertas projek bahagian analisa Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Dinsman. (1994). Tiga Produk Sistem Perbankan Syariah Bank Rakyat dalam *Dewan Masyarakat*, Kuala Lumpur, Malaysia.

Husin al-Habsyi. (1977). *Kamus al-Kausar*, Jakarta, Indonesia : Penerbit YAPI, Bangil .

Gaffar Abdalla Ahmed, (2003), *The Lack of Profit and Loss Sharing Performance: The Efficiency of Islamic Financing Methodes In Sudanese Banks (1993-1999)*

Kertas kerja International Banking Conference di Monash University

Joni Tamkin Borhan, (2000). *Budaya Mu'amalat Setempat Sebagai Asas Pertimbangan Produk – Produk Mu'amalat dalam Amalan Perbankan Islam*. Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan. Malaysia: Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

_____ (2000), *The Tawhidie Paradiqma In Islamic Banking*, jurnal

Usuluddin bil.II, Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Joni Tamkin Borhan dan Hadenan Towpek (2006). *Untung Dalam Sistem Perbankan Islam*,: Malaysia: Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Khadijah Abdul Rahman. (2006). *Aplikasi Musyarakah Mutanaqisah dalam Pembiayaan di Kuwait Finance Hause (Malaysia) Berhad*. Kertas Projek, Pengajian Syariah Islam, Malaysia: Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Mahmud Yunus. (1989). *Kamus Arab – Indonesia*, Jakarta, Indonesia :
PT. Hidakarya Agung.

Muhammad Taqiuddin bin Mohamad (2009), *Penentu Keuntungan Sistem Perbankan Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,

Muhammad Zuhlilmi, (2006), *Sistem Perbankan Islam Di Nanggroe Aceh Darussalam*,
Fakulti Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
Kuala Lumpur

- Nor Muhammad Yakcob. (1996). *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur, Malaysia : Utusan Distributors Sdn.Bhd.
- Nik Nor Hasidi Nik Wil. (2000). *Dasar Penubuhan Bank Islam Berasaskan Mudarabah dan Musyarakah : Realiti dan Kejayaannya dalam Operasi Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)*. Kertas projek Bahagian pengajian syariah, Akademi Pengajian Islam, University Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Paturohman Asrori (2007), *Sistem Mushārah Di Bank Syariah Mandiri Dan Bank Rakyat Di Jakarta Indonesia*, Kula Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
- Parlimen Malaysia. (1979). *Kedudukan Bank Rakyat*. Kuala Lumpur, Malaysia : Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.
- Penulis Khas. (1994). *Melalui Liku-Liku Sejarah Bank Rakyat* dalam Majalah Rakyat, bil. 3. Kuala Lumpur, Malaysia : Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.
- Risalah Bank Rakyat. *Konsep Perbankan Islam – al-Wadiah Simpanan Dengan Amanah*. Kuala Lumpur, Malaysia : Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
- Rafi Khan (1987), *Profit and Loss Sharing: An Islamic Experiment in Finance and Banking*, Karachi: Oxford University Press
- Saimi Bujang. (2002). *Daya Saing Instrumen Musyarakah : Satu kajian di BIMB*. Bahagian Pengajian Syariah Islam. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Schumpeter, J.A (1934), *The Theory of Economic Development*, c- iv, Cambridge: Harvard University Press,
- Siti Rohani Yahya, (1988), *Konsep Asas Ekonomi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,

Sudin Haron. (1996). *Prinsip dan operasi perbankan Islam*. Kuala Lumpur, Malaysia :
Berita Publishing Sdn.Bhd.

Teuku Iskandar. (1989). *Kamus Dewan Edisi Baru*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.

Yadi Janwari (1998), *Prinsipoperasional Bank Mu'amalat Indonesia dalam perspektif
Imam Mazahibal Arba'ah*, disertasisarjana di Fakultisyri'ahUniversiti Islam
Negeri (UIN) SyarifHidayatullah Jakarta Indonesia.

TEMU BUAL :

Zaida binti Khairuddin ,

Ketua Unit, Bahagian Pembiayaan Bank Rakyat Cawangan Ipoh. Ditemubual
pada 12 April 2006 dan 18 Ogos 2012. Di Bank Rakyat Cawangan Ipoh , Perak.

Rizal bin Radzi

Penolong Pengurus, dan Ketua Bahagian Operasi Bank Rakyat Cawangan Ipoh.
Ditemubual pada 18 Ogos 2012. Di Bank Rakyat Cawangan Ipoh , Perak.

Mohd Hanafiah Mohd Nawawi

Eksekutive Kanan, Jabatan Penyelidikan dan Perundingan Syariah Ibu Pejabat
Bank Rakyat Kuala Lumpur. Ditemu bual pada 10 Mei 2012 di Ibu Pejabat Bank
Rakyat Kuala Lumpur.

Mohd. Mawerdi bin Sairi

Pegawai Syariah bahagian Pengawasan Bank Rakyat di temubual pada 10 Mei
2012 di Ibu Pejabat Bank Rakyat Kuala Lumpur

BAHASA ARAB

Al-Qur'ān al-Karīm

Abī al-Mawāhib 'Abd al-Wahāb bin Aḥmad al-Anṣarī, *al-Mizan al-Kubra*, Juz. Beirut:
Dār al-Fikr.

Abū 'Abd Allah Muḥammad bin Yazīz, (t.t) *Sunan Ibnu Majah*, kitab *al-syirkah*,
no.hadith 2315 Beirut, Dār al-Fikr,

Abū Dawūd, (t.t) *Sunan Abū Dawūd*, kitab al-Buyū' wa al-Ijārāt, Bab *al-Syirkah*, jil. 3
Beirut: Dar al-Fikr.

Abū 'Isā Muḥammad bin Isā (t.t) *Jamī' al-Tarmīzī* bab al-Buyū', no.hadith 1324 Beirut,
Dār al- Fikr

Abū Dawūd Sulaimān al-Fahriy,(t.t) *Al-kitāb al-Sunnah wa syuruhuha*,Juz 9 , Beirut: Dār
al-Dakwah.

Abū al-Abbas Taqīu al-Din Ahmad (t.t) *al-Fatawa al-kubrā*, Beirut: Dār Ma'rifah.

Abū Yūsuf Ya'kūb bin Ibrahīm (t.t), *al-Kharāj*, , Beirut: Dār al-Ma'rifah

'Abd. Allah bin `Umar al-Baidawi, (t.t) *al-Ghayah al-Quswa fi dirayah al-Fatwa*, `Ali
Muḥyī al-Dīn `Ali al-Qurrah al-Daghī. Saudi: Dār al-Islah.

'Abd al-Salām Hārūn, (t.t), *al-Mu`jam al-Wasīṭ*, Juz I Taheran: al-Maktabah al-Ilmiyyah.

Aḥmad bin `Alī bin Ḥajar al-`Asqalānī, (t.t) *Fath al-Bārī fi syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, juz 5,
Saudi: Dār al-Salām

Aḥmad Muṣṭafa al-Marāghī, (t.t) *Tafsir al-Marāghī*, jil 8, Beirut: Dār al-Kutub al-
Ilmiyyah

‘Abd al-Rahmān al-Jazirī, (t.t), *al-Fiqh ‘AlaMadhāhib al-Arba’ah*,Juz III, Mesir: Dār Ihyā al-Thurath al-Arabiy

Ibn Rusd, (t.t) *Bidāyah al- Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid*, juz III, Beirut: Dār al-Fikr.

Imām al-Nawāwī, (t.t) *al-Majmū` fī syarḥ al-Muhadhdhab* juz 14, Beirut: Dār al-Fikr.

Ibn Qudāmah, (t.t) *al-Mugnī wa Syarḥ al-Kabīr*, juz V, Beirut: Dār al- Fikr

Ibn ‘Abidīn, (t.t) *Hāsiyah Rad al- Mukhtār*, jilid 2, Mesir: Mu`assasah al-Halabī wa Syurakāh.

Jamāl al-Dīn Muḥammad ibni Mukarram, (t.t), *Lisan al-Arabi*, jilid IV, Beirut: Dār Ihyā al-Turatha al-Arabiy.

Kamāl al-Dīn Muḥammad bin ‘AbdWahab al-Siwāsī, (t.t),*Fath al-Qādir*juz. V, Beirut: Dār al- Fikr

Louis Malout, (1986), *al-Munjid fi al-Lughat*, Cetakan XI, Beirut, Lebanon: al-Maktabah al-Syafi`iyyah,

Mālik bin Anas al-Asbahi (t.t) *Muwatta` Imam Malik* juz. I, Cairo: Dar al-Ghad al-Jadīd.

_____ (t.t) *al-Mudawwanah al-kubrā*, jil.5, Beirut: Dār Sādir

Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qasīmī, (t.t) *Tafsir al-Qasīmī*, jil. 8, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah

Muḥammad Syarbīnī al-Khatīb, (t.t) *al-Iqna`*,Juz II, Beirut: Dār al-Fikr.

_____ (t.t) *Mugnī al-Muhtāj*,Juz III, Beirut: Dār al-Fikr.

Muḥammad bin Ismā`īl al-Bukhārī, (1991), *Sahih al-Bukhari*, Juz III, Kitab Zakat, Bab Zakat HaiwanTernak, no.hadith 132, Beirut: Dār al-fikr

Munir Ba‘albaki, (1973), *al-Maurid*, jil 6, Beirut: Dār al-‘Ilmi li al-Malayen.

- Muḥammad bin Idris al-Syafi'ī, (t.t), *al-Umm*, juz III, Beirut: Dār al-Fikr.
- Mustāfa al-Khunna, (t.t), *al-Fiqh al-Manhajī*, jilid III, Beirut: Dār al Syamiyyah.
- Syirāzī , (t.t) *al-Muhadhdhab fī fiqh al- Imām al-Syafi'ī*, juz I Beirut: Dār al- fikr.
- Sayyid Sābiq, (1987), *Fiqh al- Sunnah*, jil. 3, Beirut: Dār al-kitab al-Arabiy.
- Syams al-Dīn al-Sarakhsi, *al-Mabsūt*, (t.t) Juz II, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Syihāb al-Dīn ibni al-'Abbās al-Haitamī, (t.t), *Tuhfah al-Muhtāj bi Syarh al-Minhāj*, Jilid II, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Taqiu al-Dīn Abū Bakr Ibn Muḥammad al-Husainī, (1978), *Kifayāt al-akhyār*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Zuhaylī, (1989) *al-Fiqh al-Islamī Wa adillatuh*, juz V Beirut: Dār al-Fikr.
- Zakariyyā al-Anṣārī, (t.t) *al-Syarqawī `Alā al-Tahrīr*, Juz II, Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Zamakhsyarī, (t.t) *Ru`us al-masā`il*, Beirut, Dirasat al-Wattaqiyyin.

LAMPIRAN 1

SENARAI PRODUK PERBANKAN ISLAM

Produk-produk	Prinsip Syariah
Akaun Semasa	<i>al-Wadi 'ah Yad Damānah</i>
Akaun Simpanan	<i>al-Wadi 'ah Yad Damānah</i>
Akaun Pelaburan Am	<i>al-Muḍārabah</i>
Akaun Pelaburan Khas	<i>al-Muḍārabah</i>
Pelaburan dalam sijil Pelaburan Kerajaan	<i>al-Qarḍ al-Ḥasan</i>
Pelaburan dalam Saham /Pembiayaan Pemilikan Saham	<i>al-Wakālah/ al-Muḍārabah/ Bay ' Bithaman Ājil</i>
Pembiayaan Pembelian Rumah/ Kenderaan	<i>Bay Bithaman Ājil/al-Ijārah Thumma al-Bay '</i>
Pembelian Kenderaan	<i>Bay 'Bithaman Ājil/al-Ijārah Thumma al-Bay '</i>
Pembiayaan Modal Kerja	<i>al-Muḍārabah</i>
Pembiayaan Projek	<i>al-Muḍārabah/ al-Musyārah</i>
Pembiayaan Pemilikan Harta	<i>Bay 'Bithaman Ājil</i>
Pembiayaan Semula Kredit Eksport Secara Islam <ul style="list-style-type: none">• Pra Penghantaran• Pasca Penghantaran	<i>al-Muḍārabah dan Bay al-Dayn</i>
Bil Penerimaan Secara Islam <ul style="list-style-type: none">• Import/ Belian• Eksport/ Jualan	<i>al-Muḍārabah dan Bay ' al-Dayn</i>
Bon Korporat Secara Islam	<i>Bay 'Bithaman Ājil</i>
Kemudahan Surat Kredit	<i>al-Wakālah/ al-Muḍārabah/ al-Musyārah</i>
Jaminan Perkapalan	<i>al-Kafālah</i>
Surat Jaminan	<i>al-Kafālah</i>
Kemudahan Overdraf	<i>al-Qarḍ al-Ḥasan</i>
Operasi Bil	<i>al-Ujr/ al-Wakālah</i>
Pinjaman Ihsan	<i>al-Qarḍ al-Ḥasan</i>
Pajakan	<i>al-Ijārah</i>
Penanggung Jaminan Bon Islam	<i>al-Ujr</i>

Sumber:

Bank Negara Malaysia, Money and Banking in Malaysia. (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 1994), h. 142

Lampiran 2

PRODUK UNTUK SYARIKAT KEWANGAN

Produk

- Akaun Simpanan
- Akaun Pelaburan Am
- Akaun Pelabura Khas
- Pelaburan dalam Terbitan Pelaburan Kerajaan
- Pelaburan dalam Saham
- Pembiayaan Perumahan
- Pembiayaan Kenderaan
- Pembiayaan Modal Kerja
(Cara cagaran sehingga RM10.000)
- Pembiayaan Projek
- Pembiayaan Pemerolehan Aset
- Pajakan
- Jaminan Kewangan
- Pinjaman Kebajikan
- Penanggung Jamin Bon Islam
(Maksimum RM10.000)

Prinsip Islam

al-Wadi'ah

al-Muḍārabah

al-Muḍārabah

al-Qarḍ al-Ḥasan

al-Musyārahah

Bay' Bithaman Ājil

Bay' Bithaman Ājil

al-Muḍārabah/ al-Musyārahah

al-Muḍārabah / Bay Bithaman Ājil
/ al-Ijrah Thumma al-Bay'

al-Ijārah

al-Kafālah

al-Qarḍ al-Ḥasan

al-Ujr

Lampiran 3

PRODUK UNTUK BANK SAUDAGAR

Produk	Prinsip Islam
• Akaun Pelabura Am	<i>al-Muḍārabah</i>
• Akaun Pelabura Khas	<i>al-Muḍārabah</i>
• Pelaburan dalam Terbitan Pelaburan Kerajaan	<i>al-Qarḍ al-Ḥasan</i>
• Pelaburan dalam Saham	<i>al-Musyārah</i>
• Pembiayaan Modal Kerja	<i>al-Muḍārabah</i>
• Pembiayaan Projek	<i>al-Muḍārabah /al-Musyārah</i>
• Pembiayaan Pemerolehan Aset	<i>Bay' Bithaman jil/ al-Ijārah</i> <i>Thumma al-Bay'</i>
• Bil Penerima	<i>al-Muḍārabah</i>
• Pajakan	<i>al-Ijārah</i>

Sumber:

Ab.Mumin Ab,Ghani, Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia.

(Kuala Lumpur: Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), h. 575-577

LAMPIRAN 4

SENARAI PRODUK-PRODUK SISTEM PERBANKANSYARIAH BANK RAKYAT

PRODUK DEPOSIT

Bil	Nama Produk	Tujuan	Prinsip
1	Akaun Tabung Nuri al-Wadiah Istimewa	Akaun Simpanan Kanak-kanak	<i>al-Wadi`ah</i>
2	Akaun al-Wadiah Remaja	Akaun Simpanan Remaja	<i>al-Wadi`ah</i>
3	Akaun Simpanan al-Wadiah	Akaun Simpanan Biasa	<i>al-Wadi`ah</i>
4	Akaun Pelaburan Qiradh (Pelaburan)	Akaun Pelaburan	<i>al-Muḍārabah</i>
5	Akaun Simpanan Nuri Tilmiz (Pelajar-pelajar)	Akaun Simpanan Kanak-kanak	<i>al-Muḍārabah</i>
6	Akaun Simpanan Syabab (Remaja)	Akaun Simpanan Remaja	<i>al-Muḍārabah</i>
7	Akaun Simpanan Tawfir (Simpanan)	Akaun Simpanan Biasa	<i>al-Muḍārabah</i>
8	Akaun Warga Emas	Akaun untuk 45 tahun ke atas	<i>al-Muḍārabah</i>
9	Sijil Pembiayaan Bank Rakyat	Penempatan deposit, Pelabur akan menerima keuntungan pendahuluan pada setiap bulan	<i>Bay` al-`Inah</i>

Sumber:

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)

Lampiran 5

	QIRADH	WARGA EMAS	SPBR
KONSEP	Al-Mudharabah	Al-Mudharabah	BBA Reverse
KELAYAKAN	Warganegara Malaysia, warganegara asing, individu, koperasi dan persatuan Berumur 15 tahun ke atas	Warganegara Malaysia, warganegara asing Berumur 45 tahun ke atas	Warganegara Malaysia, warganegara asing, individu, koperasi dan persatuan Berumur 15 tahun ke atas
AKAUN BERSAMA	Bagi individu berusia 15 tahun ke bawah : Perlu membuka akaun amanah Akaun bersama ibubapa/ penjaga	Berumur 45 tahun ke atas atau salah seorang dari pelabur	tiada
AMAUN PERLABURAN	Perlaburan 2 bulan ke atas - RM500	Tempoh perlaburan minima - 3 bulan	Tempoh perlaburan minima - 1 bulan

	Perlaburan 1 bulan sahaja - RM5,000	Jumlah perlaburan minima - RM10,000	Jumlah perlaburan minima - RM20,000
KEUNTUNGAN BULANAN	Minima deposit - RM20,000 Tempoh - 6 bulan ke atas	Minima deposit - RM10,000 Tempoh - 6 bulan ke atas	Minima deposit - RM20,000 Tempoh - 6 bulan ke atas
KADAR	Kadar semasa	Lebih 0.5% dari kadar semasa	Kadar semasa

Pengiraan keuntungan adalah seperti berikut :

$$\text{KEUNTUNGAN} = [\text{Jumlah Pelaburan} * \text{Kadar Keuntungan Semasa (\%)} * \text{Jumlah hari}] / 366 \text{ atau } 365 \text{ hari}$$

'Jumlah hari bergantung kepada berapa lama pelaburan dibuat. Sebagai contoh 1 bulan = 30 hari'